

GERAKAN SOSIAL & POLITIK KELANTAN

Buku-buku pengarang yang lain:

Kelantan: Politik dan Dilemma Pembangunan (1974)

Inteligensia Melayu Kelantan (1977)

Sejarah Perjuangan Parti Pas – Satu Dilemma (1978)

Wasiat Nasionalisme Melayu (1982)

*Kelantan Under Pas – The Problems of Land Development
and Corruption (1983)*

The Trial of Mokhtar Hashim (1983)

Kelantan Di Bawah PAS – Masalah Tanah Dan Rasuah (1984)

GERAKAN SOSIAL & POLITIK KELANTAN

Alias Mohamed


0001662

PERPUSTAKAAN
MASJID SAIDINA ABU BAKAR ASSIDDIQ

26 JUL 1994



Insular Publishing House Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur, 1984



PERPUSTAKAAN
MASJID ABU BAKAR ASSIDDIQ
BANGSAR, K. L.

Insular Publishing House
No. 5, Jalan 51/201, Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-574188,574389

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan ke dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik. Hakcipta terlebih dahulu.

Insular Publishing House Kuala Lumpur
CETAKAN PERTAMA 1984

© Alias Mohamed, 1984

M
959.5121
AL1

Rekabentuk kulit oleh Gulfcom Sdn. Bhd., P.J.
Ditaipset oleh Osangeo Systems Enterprise, Kuala Lumpur
Dicetak oleh Grenier Insular Sdn. Bhd. Petaling Jaya

M 960700
Hadiah

31 DEC 1998
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandungan

	Pengantar	viii
	Prakata	ix
	Pengenalan	1
1	Sejarah Negeri Kelantan dan Sumbangan Raja-Raja	9
2	Peranan Ulamak-Ulamak Kelantan	24
3	Sekolah Majlis Ugama Islam	37
4	Majalah Pengasuh	44
5	Kegiatan Kesusasteraan dan Kewartawanan	56
6	Pertubuhan-Pertubuhan Sebelum Perang dan Zaman Jepun	65
7	Parti Politik Selepas Perang	78
	Kesimpulan	88
	Bibliografi	91

Pengantar

Dahulu buku ini pernah diterbitkan di Kota Baru, Kelantan dengan tajuk *Inteligensia Melayu Kelantan – Satu Pandangan Awal*. Saya tahu belum begitu banyak lagi buku-buku sejarah kontemporari mengenai Negeri Kelantan diterbitkan. Oleh itu dengan mengubahsuaikan bentuk dan isinya, saya harap buku ini akan dapat menolong para pengkaji dan peminat sejarah politik dan perkembangan agama Islam di negeri itu dalam kesulitan mereka membuat kajian.

Dengan tajuk baru ini – *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan* – saya harap ianya sesuai dengan isinya, walaupun butir-butir dalam buku ini sebenarnya telah saya perolehi dalam tahun 1971 semasa saya membuat penyelidikan untuk menyiapkan tesis Sarjana Muda di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dahulu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada para responden kerana dengan pertolongan dan kerjasama merekalah maka buku ini dapat diterbitkan. Saya tidak lupa kepada Prof. Dr. Khoo Kay Kim kerana bermurah hati membenarkan saya menggunakan sekali lagi Prakata yang ditulisnya ketika mula-mula buku ini diterbitkan dahulu.

A.M.

Petaling Jaya,
10 Januari, 1984.

Prakata

Apabila dikatakan bahawa Sejarah Malaysia perlu ditulis kembali, yang dimaksudkan, di antara lain, ialah pentingnya sejarah negeri-negeri Melayu timur diberikan tempat yang sewajarnya dalam lembaran sejarah negara ini. Penulisan kembali Sejarah Malaysia bukan hanya setakat memberikan perhatian kepada tokoh-tokoh tempatan yang pada zaman sebelum kemerdekaan diabaikan. Sejarah adalah keseluruhan masa yang sudah berlepas.

Sesungguhnya, pada masa sekarang tidak perlu disebutkan lagi tentang mustahaknya sejarah negara ini ditulis kembali. Seruan-seruan sepatutnya sudah melahirkan hasil-hasil yang konkrit. Tetapi malangnya, ramai orang masih berteori sahaja. Jarang sekali diperlihatkan apabila teori diamalkan, apakah kesudahannya. Dipandang dari segi ini, buku karangan Alias Mohamed ini merupakan suatu sumbangan yang amat penting.

Namun ini merupakan suatu usaha yang agak ringan kerana yang diusahakan bukan suatu kajian yang *definitive*, hanya suatu tinjauan tentang perkembangan-perkembangan dalam suatu tempuh yang agak singkat, tetapi dalam kajian yang *modest* ini ternampak suatu perspektif baru yang semoga akan dicontohi oleh penulis-penulis sejarah lain.

Sedikit sangat pernah ditulis tentang sejarah Kelantan. Dalam kebanyakan buku sejarah, khasnya teks *standard*, Kelantan dibicarakan dalam konteks hubungan Inggeris-Siam. Kecuali dalam buku-buku yang diterbitkan di Kelantan sendiri, sejarah Kelantan dianggap kurang penting kerana, tidak seperti beberapa negeri Melayu di Semenanjung Barat, tidak terdapat perkembangan ekonomi yang begitu pesat di Kelantan dari awal kurun ke 19 hingga zaman moden ini. Bahkan dalam siri sejarah negeri-negeri Melayu yang pernah disiarkan dalam *Journal of the Royal Asiatic Society Straits/Malayan/Malaysian Branch*. Kelantan hanya dibincangkan secara ringkas dan umum oleh Anker Rentse.

Tak dapat disangkal, baharu-baharu ini W.R. Roff telah mengedit sebuah buku mengenai Kelantan yang buat kali pertama melambungkan Kelantan kepada suatu paras yang lebih tinggi. Tetapi buku ini hanya mengandungi beberapa esei yang memberikan gambaran berkeping-keping sahaja tentang sejarah dan masyarakat Kelantan.

Buku Alias Mohamed ini tidak mengulangi perkara-perkara yang pernah dibincangkan dalam buku-buku atau makalah-makalah lain. Tiada penerbitan lain setakat ini yang cuba meneliti kegiatan golongan inteligensia di Kelantan. Bahkan tidak diketahui umum bahawa dalam konteks sejarah intelektual masyarakat Melayu, Kelantan menduduki tempat yang sungguh istimewa.

Kemunculan sekolah pondok pada kurun ke 19 telah meletakkan tradisi intelektual yang melebihi perkembangan-perkembangan di negeri-negeri Melayu lain. Contoh Kelantan menyangkal pemikiran-pemikiran yang dipopularkan oleh penulis-penulis Barat bahawa pelajaran agama di negara ini tidak dapat menolong orang Melayu menyesuaikan diri dengan keadaan moden.

Dengan tulisan ini Alias Mohamed juga menunjukkan bagaimanakah sejarah sesebuah masyarakat dapat dilihat dari perspektif yang tidak *conventional* – tidak semestinya mengutamakan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan pemerintahan sahaja.

Sejarah meliputi seluruh masyarakat maka tiada aspek masyarakat yang tidak boleh dikaji oleh ahli sejarah. Penting atau tidaknya satu-satu karya sejarah tergantung kepada kehendak-kehendak satu-satu zaman.

Di Malaysia masakini, generasi muda memerlukan suatu gambaran yang lebih tepat tentang masyarakat tempatan kerana pada suatu ketika dahulu sebahagian besar yang bersifat tempatan ditenggelamkan supaya pengaruh Barat dapat disanjung-sanjungkan. Jenis sejarah yang seperti itu menimbulkan perasaan merendahkan diri di kalangan pemuda-pemudi generasi sekarang. Oleh demikian, karya Alias Mohamed merupakan suatu langkah ke hadapan yang sangat bermilai. Mudah-mudahan buku ini akan menggalakkan lebih ramai lagi penuntut dan ahli sejarah mengkaji dengan lebih mendalam sejarah intelektual Malaysia.

Prof. Khoo Kay Kim,
Jabatan Sejarah
Univeristi Malaya.

Disember, 1983.

Pengenalan

Dalam hampir tiap-tiap masyarakat terdapat golongan yang mempunyai minat yang amat besar terhadap fikiran-fikiran sosial dan politik. Orang-orang yang tidak mempunyai pendidikan tinggi pada zamannya tidak mungkin boleh digolongkan sebagai orang-orang yang mempunyai minat yang besar terhadap fikiran-fikiran sosial dan politik. Tetapi tidak semua orang-orang yang mendapat pendidikan tinggi dan bijak boleh menjadi anggota golongan ini. Dalam bahasa Inggeris golongan ini disebut "intelligentsia". Perkataan ini mula-mula digunakan di Rusia, iaitu pada pertengahan pertama abad ke 19. Para sasterawan Rusia seperti Vissarion Belinsky, Dobrolyubov, Dostovyevsky dan Turgenev banyak memainkan peranan untuk mencipta dan merakamkan imej golongan "intelligentsia" dalam hasil-hasil karya mereka.

Inteligensia atau "Intelligentsia" menurut Webster's New World Dictionary of the American Language ialah "The people regarded as, or regarding themselves as, the educated and enlightened class: intellectual collectively" ¹ Satu takrif lagi menyatakan bahawa inteligensia ialah

a class of well-educated articulate persons constituting a distinct, recognized, and self-conscious social stratum within a nation and claiming or assuming for itself the guiding role of an intellectual, social or political vanguard.²

¹ Webster's New World Dictionary of the American Language, College Edition, World Publishing Company, hal. 760.

² Webster's Thrd New International Dictionary of the English Language Unabridged, G. Bell & Son Ltd., hal. 1, 175.

Dengan penakrifan yang lebih luas bolehlah difahami bahawa inteligensia ialah satu golongan yang berpengaruh dalam masyarakat yang, kerana pendidikan dan kesedaran mereka, memainkan peranan penting dalam artikata sosial dan politik. Mereka ini merupakan satu golongan tersendiri, mewakili straturnya tersendiri dalam susun-lapis masyarakatnya, yang penuh sedar terhadap tanggungjawab dan peranan yang dipikul oleh mereka. Dalam masyarakat Melayu golongan ini jelas ketara pada awal kurun ke 20 ini di mana, dengan adanya kemudahan-kemudahan alat cetak, penyaluran ilmu pengetahuan dari Barat, kemudahan komunikasi, kemudahan pendidikan vernakular dan sekolah pondok (ugama), kemajuan ekonomi akibat dari dasar mercantilisma Inggeris dan sebagainya, telah menolong memperlicinkan jalan yang dilalui oleh pemikir-pemikir dan cerdik pandai Melayu masa itu.

Pada umumnya ciri-ciri inteligensia itu mencakup:

- (a) satu golongan orang-orang yang mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik;
- (b) diterima oleh masyarakatnya sebagai mewakili yang wujud dalam negara atau di kalangan bangsa itu;
- (c) mengambil peranan sebagai intelektual yang bertugas sebagai pembela nasib rakyat dalam bidang-bidang sosial dan politik;
- (d) memberi sumbangan dalam bentuk-bentuk seperti hasil karya (tulisan) yang memancarkan prinsip-prinsip humanitarismanya dan, kadang-kadang bila terpaksa, sumbangan dalam bentuk tenaga jasmani dan sebagainya; dan
- (e) tindakannya kadang-kadang secara individual dan kadang-kadang secara kolektif (berorganisasi).

W.R. Roff,³ bagaimanapun, menyebut istilah '*Autochthonous Intelligentsia*' untuk menakrifkan suatu golongan intelektual Melayu yang bertanggungjawab mempelopori gerakan yang lebih radikal dan yang dalam tahun-tahun 1930an telah menentang kolonialisma Inggeris di Tanah Melayu.

In the late 1920s and 1930s the appearance of a more radical group
— concerned neither with Islamic blue-prints nor with Western-spon-

³W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, 1967, hal. 126.

sored administrative skills but with pan-Malayan anti-colonialism – seemed briefly to provide a third leadership alternative.⁴

'Autochthonous Inteligentsia' sebenarnya adalah suatu 'product' dari sekolah-sekolah 'vernacular'.⁵ Walaupun pada asasnya harus diakui bahawa sekolah-sekolah vernakular Melayu telah ditentukan oleh Kerajaan Inggeris suatu dasar "to make the son of the fisherman or peasant a more intelligent fisherman or peasant than his father had been",⁶ tapak telahpun dibina untuk membangunkan suatu angkatan yang radikal dalam tahun-tahun 1930an.

Kita tidak dapat menafikan bahawa dalam tahun 1898 di Taiping, Perak telah didirikan sebuah 'vernacular training college' yang pertama di F.M.S. dan dalam tahun 1900 kolej latihan guru itu telah dipindahkan ke Melaka untuk mengambil lebih ramai lagi calon-calon guru dari F.M.S. dan Negeri-Negeri Selat. Sebagai suatu usaha hendak menggalakkan murid-murid Melayu dari sekolah-sekolah vernakular membaca buku, Raja Haji Yahya bin Mohd. Ali, atas arahan Wilkinson, telah menerbitkan dalam tahun 1906 *Malay Literature Series* "of folk romances."⁷

Karya-karya Haji Mohd. Said seperti *Hikayat Queen Victoria* (1904–5) dan *Hikayat Johor* (1908), dan *Kitab Gemala Hikmat* karya Sulaiman bin Muhammad yang dicipta dalam tahun 1907 adalah popular di kalangan pembaca-pembaca di sekolah-sekolah Melayu masa itu.⁸ Di samping itu, harus pula ada pelajar-pelajar sekolah vernakular Melayu atau calon-calon guru atau guru-

⁴ *Ibid.*, hal. 127.

⁵ "The beginnings of Malay vernacular education in the Straits Settlements, the Federated Malay States and the Borneo territories have their roots in the Quran schools". (Francis Wong and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, H.E.B., 1972, hal. 7). Di antara 1900 dan 1920 sekolah-sekolah vernakular Melayu di F.M.S. bertambah dari 168 kepada 400 buah, sementara pelajar-pelajarnya meningkat dari 6,000 hingga 20,319 (*Annual Report on the F.M.S. for 1920*, hal. 20). Dalam "British Malaya" keseluruhannya pada tahun itu terdapat lebih kurang 46,000 pelajar dalam 757 buah sekolah (Roff, *ibid.* hal. 128).

⁶ *Annual Report on the F.M.S. for 1920*, hal. 13.

⁷ Roff, *Op. cit.*, hal. 134.

⁸ *Op. cit.*

guru pelatih di Melaka itu yang pernah membaca atau mende-
ngar hasil karya Hamzah Fansuri,⁹ Bukhari Al-Jauhari,¹⁰ Tun
Seri Lanang,¹¹ Syaikh Nuruddin Al-Raniri,¹² Munsri
Abdullah,¹³ Raja Ali Haji,¹⁴ Muhammad Ibrahim Munsri,¹⁵
Syed Syaikh Al-Hadi,¹⁶ Ahmad Rashid Talu,¹⁷ Abdul Rahim
Kajai,¹⁸ dan lain-lain lagi. Sementara itu, sejak tahun 1888 lagi
telah ditubuhkan Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa
yang dipimpin oleh Datuk Seri Amar Diraja Abdul Rahman bin
Andak. Sehingga 1934 pun badan ini masih wujud, walaupun
dengan nama baru, iaitu Pakatan Bahasa Melayu dan Persuratan
Buku-buku Diraja Johor.¹⁹ Tidak syak lagi anggota-anggota ba-
dan ini haruslah juga terdiri daripada bekas-bekas pelajar seko-
lah-sekolah vernakular dan guru-guru keluaran Kolej Melaka dan
pelajar-pelajar dari MPSI (Sultan Idris Training College).

⁹ Seperti Syaer Burung Pungguk, Syaer Dagang, Syaer Sidang Fakir, Syaer Burung
Pingai, Syaer Perahu, Sharab al-'ashikin (minuman segala orang yang cinta pada
tuhan) dan Asrar al-'ariffin (Rahsia orang yang bijaksana).

¹⁰ Tajuk-Salatun (Mahkota Segala Raja-Raja).

¹¹ Sulalatus-Salatun (Sejarah Melayu).

¹² Sirat al-Mustaqin (Jalan yang lurus), Bustanus-Salatun (Taman Segala Raja-Raja),
Asrar al-insan fi ma'arif al-roh war-Rahman, Akhbar al-akhirah, Tibyan fi ma'arif
al-edyan dan lain-lain.

¹³ Sejarah Melayu (menyalin naskah lama, cap batu 1839-40), Hikayat Kalilah dan
Daminah (Terjemahan), Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu, Kisah Pelayaran
Abdullah, Hikayat Abdullah, dan Kisah Pelayaran Abdullah ke negeri Mekah.

¹⁴ Bustanul-Katibin (atabahasa Melayu), Kitab Pengetahuan Bahasa, Salasilah Melayu
dan Bugis dan Tuhfat al-Nafis.

¹⁵ Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munshi dan Pemimpin Johor.

¹⁶ Al-Tarikh al-Islami (Sejarah perkembangan Islam), Hikayat Setia Ashek Kepada
Makshuknya (Hikayat Faridah Hanum), Tafsir Juz Amma, Taman Cinta Berahi
(roman), Tafsir Al-Fatihah, Hikayat Puteri Nural'Ain (roman), Hikayat Cermin Ke-
hidupan (roman), Hikayat Anak Dara Ghasan (roman), dan Kitab Agama Islam Dan
Akal.

¹⁷ Kawan Benar (roman masyarakat), lakah Salmah, Dua Belas Kali Sengsara, Siapa
Jahat atau Datuk Cencano, Perangkap Hitam, Apa Sudah Jadi, dan Rahmah binti
Abdullah.

¹⁸ Hikayat Dzul-Ruhain, Cerpen Cerpen Pak Lacuk, Telatah Kajai, dan Pusaka Kajai
serta Banyak Undang Banyak Garam dan lain-lain.

¹⁹ Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*,
Pustaka Antara, hal. 21.

Satu hal yang tidak dapat diabaikan dalam masaiah kebangkitan 'autochthonous intelligentsia' ialah peranan Kolej Melaka itu:

It is in relation to this college, in the later years of the 1920s and in the 1930s, that many of the most important effects of the 'new education' were felt, though mostly not in ways envisaged by either Winstedt or other British administrators. It was this institution, in short, appearing at a time when problems of economic, social, and political change were impinging increasingly on Malayan life, that gave birth to an autochthonous Malay intelligentsia as the third component elite group in modern Malay society.²⁰

Tetapi yang menjadi "the hub of the whole vernacular education system" ialah M.P.S.I.²¹ Tahun-tahun 1920an memperlihatkan satu zaman perubahan politik yang membicarakan tentang penilaian semula terhadap perhubungan antara British dan orang-orang Melayu. Perkembangan dasar pro-Melayu di awal dekad itu memberi implikasi bahawa jawatan-jawatan administratif rendah haruslah diusahakan untuk dimiliki oleh orang-orang Melayu. Demikian juga suara-suara waktu itu memerlukan agar pelajaran Inggeris dan kemudahan-kemudahannya diperluaskan kepada golongan-golongan orang Melayu yang mempunyai keistimewaan turun-temurun (traditionally privileged) dan kepada orang-orang Melayu di kawasan-kawasan pekan dan bandar.

²⁰ Roff, *Op. cit.*, hal. 142.

²¹ Maktab Guru ini didirikan dalam tahun 1922 di Tanjong Malim, Perak dan namanya adalah mengambil sempena nama Almarhum Sultan Idris ibni Raja Iskandar, Perak. "The students were drawn by competitive examination from village vernacular schools - the sons for the most part of peasant farmers and fishermen. In this the Sultan Idris College contrasted markedly with the only comparable educational institution in the country, the Malay College at Kuala Kangsar, whose pupils . . . came mainly from the ranks of the aristocracy. The antithesis between SITC and Kuala Kangsar, though it can be exaggerated, is an instructive one, for the school belonged in every sense to two different worlds, both old and new. On the one hand, at Kuala Kangsar, there were the sons of the traditional ruling class and the wealthy, undergoing training for entry into the English speaking-world of government and administration and occasionally the professions; on the other, at SITC, the sons of the peasantry and the poor, undergoing training for return to the Malay-speaking world of the rural village school. Yet there were equally striking resemblances between Malay College and SITC as elite-producing institutions of a special kind". *Ibid*, hal. 143.

Dalam tahun 1924, akibat dari tuntutan-tuntutan itu, seorang Melayu yang pertama telah dilantik untuk menduduki Legislative Council, Negeri-Negeri Selat berikutan dengan perlantikan seorang Melayu menjadi anggota Tidak Resmi (Unofficial) dalam Federal Council di F.M.S. dalam tahun sebelum itu.

Throughout the decade there was much discussion at high political levels of the decentralization of the federation, couched in terms of a restoration of the powers of the Sultans and their 'Malay States'. In the course of this, comparisons were frequently made between the federated and unfederated states, in which attention was drawn to the greater degree of Malay participation in the government and administration of the latter. The late 1920s also saw the first overt expressions of discontent by the local born-Chinese at their virtual exclusion from the apparatus of government in the F.M.S. Growing numbers of Malays, especially in the western states, were being drawn into involvement with world economic markets through smallholdings of rubber, and into increasing dependence on a cash economy with all its rewards and penalties of boom and slump. Outside Malaya in the Netherlands East Indies, among the ethnically and culturally related Indonesians, political discontents were exploding in organized and violent attempts to overthrow the Dutch colonial regime.²²

Pelajar-pelajar S.I.T.C. selepas itu telah menyedari hakikat ini semua. Tambahan, sejak 1923 Maktab itu telah menerbitkan sebuah cenderamata yang memuatkan tulisan dan kegiatan pelajar-pelajar dan dalam pertengahan tahun 1922 *Majalah Guru* yang pertama diterbitkan oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu. Di bawah pimpinan Mohamad bin Datuk Muda, dalam tahun 1932, *Majalah Guru* telah memuat tulisan-tulisan mengenai soal-soal orang Melayu.²³

Banyak di antara penuntut-penuntut dan lulusan Maktab ini yang mendapat ilham dari pembacaan buku-buku dan majalah-majalah serta akhbar-akhbar terbitan Indonesia, dan malah ada sebahagian daripada mereka itu terpengaruh dengan faham nasionalisma Indonesia yang bercorak kiri kerana anjuran beberapa orang pelarian politik dari Indonesia.²⁴ Menurut Roff pula:

²²*Op. cit.*, hal. 149.

²³*Op. cit.*, hal. 153.

²⁴Drs. Li Chuan Siu, *op. cit.*, hal. 52.

The flowering after the First World War of the N.E.I. Balai Pustaka (Hall of Literature), under the directorship of D.A. Rinkes, led during the 1920s to the publication of an extensive literature in Bahasa Indonesia . . .²⁵

Dalam tahun 1920, misalnya, nobel pertama Indonesia karya Mirari Serigar, iaitu *Azab dan Sengsara* telah diterbitkan oleh Balai Pustaka, kemudian diikuti oleh *Siti Nurbaya* (1922), karya Marah Rusli, *Melati van Agam* (1924), *Salah Asuhan* (1928) karya Abdul Muis dan dalam tahun yang sama juga Nur St, Iskandar menerbitkan *Salah Pilih*. Di Malaya sendiri sudah ada peminat-peminat buku dari S.I.T.C. khususnya, dan dalam tahun 1930 bekas pelajar dari Maktab itu, Harun bin Muhamad Amin (Harun Aminurrashid), telah menerbitkan nobel sulungnya, *Melior Kuala Lumpur*.

Closely derivative, even to the title, from similar Indonesian novels, 'Melor' tells the love story of Sulaiman and Nurisa. When the book opens, Sulaiman is in his last weeks as a student at a large residential high school in Perak (clearly modelled on S.I.T.C.). He is depicted as a young man of unusual ability and force of personality, known to his friends by the affectionate nickname 'Professor'. An early scene in the novel portrays a discussion of a kind that must have been familiar at S.I.T.C., with a group of students arguing about the progress of the Malays.²⁶

Tahun-tahun selepas itu memperlihatkan munculnya lebih banyak lagi bahan-bahan bacaan, lebih-lebih lagi bila kemudahan-kemudahan alat cetak telah merupakan ajen yang penting kepada pertumbuhan golongan pergerakan sosial dan politik Melayu.

Sejarah kewartawanan dalam 40 tahun pertama abad ini adalah sebahagian dari sumbangan yang dimainkan oleh kemudahan-kemudahan alat cetak dalam mempercepatkan kebangkitan golongan pejuang Melayu yang radikal. Tahun 1876 sudahpun ada *Jawi Peranakan*. Di antara 1900 hingga 1918 terdapat sejumlah 13 buah suratkhbar dan majalah, lapan daripadanya diterbitkan di Singapura dan tiga di Pulau Pinang; dua lagi di F.M.S. dan sebuah di Kelantan.²⁷ Menurut Roff:

²⁵ Roff, *op. cit.*, hal. 153.

²⁶ *Op. cit.*, hal. 155-6.

²⁷ *Op. cit.*, hal. 157-8.

But if the Malay schools, and even more the vernacular teachers, became agents of much that was new and revolutionary in Malay life, the ideas they fostered found clearest and most frequent expression in newspaper journalism, which in the late 1920s and the 1930s came to play a leading role in shaping the Malay intelligentsia, training its leaders, and disseminating their influence.²⁸

Apa yang dimaksudkan dengan 'Autochthonous Intelligentsia' itu adalah golongan orang-orang Melayu yang mendapat didikan sekolah-sekolah vernakular dan S.I.T.C. Artinya, ada kecenderungan untuk menakrifkan inteligensia Melayu menurut ukuran yang dipakai oleh takrif Barat. Penakrifan Roff, dalam beberapa hal memang tidak jauh bezanya dengan penakrifan 'interligensia' yang dipakai oleh *Webster's New World Dictionary* atau *Webster's Third New International*.

Akan tetapi ukuran tersebut adalah suatu ukuran yang relatif, yakni melihat pertumbuhan dan perkembangan golongan pergerakan sosio politik itu dalam konteks zaman sekarang dengan menggunakan acuan Barat. Akibatnya, apa yang disebut sebagai 'autochthonous inteligensia' oleh Roff seolah-olah mengabaikan langsung peranan ulamak-ulamak, khususnya ulamak-ulamak sistem pondok, yang merupakan golongan 'forerunners' dalam mewujudkan bukan saja sekolah-sekolah vernakular itu, akan tetapi yang lebih penting menolong menjelmakan kesedaran '*esprit de corps*' di kalangan generasi 1930an dan selepasnya. Sudut 'contextual' inilah yang tidak dilihat oleh Roff bila ia menghadkan takrif 'autochthonous inteligensia' khusus kepada sekolah-sekolah vernakular dan S.I.T.C. semata-mata. Padahal pertumbuhan sekolah-sekolah vernakular Melayu itu sendiri berakar umbi dari pelajaran Al-Quran²⁹ dan kitab di pondok-pondok.

²⁸*Op. cit.*, hal. 157.

²⁹Francis Wong and Gwee Yee, *Op. cit.*, hal. 7.

1 Sejarah Negeri Kelantan dan Sumbangan Raja-Raja

Negeri Kelantan¹ adalah terletak di Pantai Timur Malaysia Barat di antara garisan lintang 4° 32' dan 60° 15' di utara dan garisan bujur 101° 19' dan 102° 37' di timur. Di utara ialah Laut China, di timur ia dirangkaikan kepada Laut China dan Negeri Trengganu, di selatan kepada Negeri Pahang, dan di sebelah barat kepada Negeri Perak dan Wilayah Patani di Selatan Siam.

Ukuran jarak jauh dari utara ke selatan ialah 118 batu dan dari timur ke barat ialah 88 batu. Negeri Kelantan mempunyai kawasan seluas 5,713 batu persegi dengan Kota Bharu² sebagai ibu negeri itu yang terletak kira-kira enam batu dari Kuala Sungai Kelantan dan mempunyai bilangan penduduk seramai 55,000 orang menurut banci 1969. Negeri Kelantan sendiri mempunyai penduduk berjumlah 714,943 orang.³

¹ de Moubray, G.A. de C., *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the year 1936*, Cheong Fatt Press, 1937, hal. 1.

² Menurut banci 1970, bilangan isi rumah ialah 41,702, lelaki seramai 103,152 orang, perempuan 104,924 orang menjadikan 208,076 orang semuanya. (Sumber dari *Pejabat Penerangan Kelantan*. 19 Ogos 1971).

³ Pecahan jumlah penduduk mengikut keturunan ras adalah seperti berikut:

	<u>Lelaki</u>	<u>Perempuan</u>	<u>Jumlah</u>
Melayu	324,922	330,474	655,396
China	20,408	18,827	39,235
India dan Pakistan	4,902	3,503	8,405
Lain-lain	6,592	5,315	11,907
	<u>356,824</u>	<u>358,119</u>	<u>714,943</u>

(*Malaysia Year Book 1971*, hal. 401).

Negeri Kelantan dibahagikan kepada lapan jajahan pentad-biran: Kota Bharu, Ulu Kelantan, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bacok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah.⁴

Sebahagian besar dari Negeri Kelantan hari ini masih lagi hutan rimba, terutama sekali di bahagian selatan. Gunung Tahan (7,186 kaki) ialah sebuah gunung yang tertinggi di Malaysia Barat terletak di Negeri itu bersempadan dengan negeri Pahang. Gunung yang kedua tingginya di negeri itu yang terletak di Ulu Kelantan ialah Gunung Noring (6,114 kaki).

Sejarah awal Negeri Kelantan tidak banyak yang diketahui.⁵ Cerita-cerita mulut menyebut 'Kelantan' sebagai nama yang dipadankan dari 'glam hutan' (Melaleuca Leucadendron), sejenis pokok (swamp tree) yang tumbuh di sekitar pantai negeri itu pada satu masa dahulu.⁶ Pengembara China beragama Buddha, Chao Je Kua, menyebut Kelantan sebagai jajahan takluk empayar Sri Wijaya atau Palembang di akhir kurun ke 12, yang raja-rajanya membina Borobudur dan Candi Kalasan di Jawa dan mendirikan di Jayia di Teluk Bandon, Selatan Siam, bangunan-

⁴ *Ibid.*, hal. 400.

⁵ *Berita Minggu*, 23 Julai, 1972.

⁶ "As fantastic is Gerini's derivation from *Kell*, a north Indian loan-word from a town near the Buddha's birth-place, plus *tanah* ('land'). Unsubstantiated too, is his identification of Kota with Kolo of the Chinese annals, which was more probably Kra. Actually 'Kelantan' is one of those *krama* or alternative forms, like the *sakai anu* and *anjing* ('dog'), the Malay *kuala* and *kuantan* ('estuary'), the Javanese *segara* and *seganten* ('ocean') or *kali* and *kanten* ('river'). Forms that probably antedate the splitting of Javanese, Malay and Sudanese into separate languages" (de Moubray, *op. cit.*, hal. 2-3).

bangunan yang menyerupai Candi Kalasan.⁷ Puisi klasik Jawa, 'Nagarakartagama', yang dicipta dalam tahun 1365, menyebut Kelantan pada masa itu sebagai jajahan takluk Empayar Majapahit.⁸ Dalam tahun 1411 Kelantan diperintah oleh Maharaja K'umar (Engku Umar). Dalam tahun 1506 Sultan Mahmud Melaka (1488–1511) menyerang Kelantan yang ketika itu, menurut *Sejarah Melayu*, lebih besar dari Patani dan mempunyai seorang raja bernama Sultan Mansur Shah.⁹ Salah seorang daripada puterinya, Onang Kening, diperisterikan oleh Sultan Mahmud. Puteri inilah yang menjadi bonda Sultan Perak yang pertama yang memerintah Perak dalam tahun 1531.¹⁰

Apabila Sultan Mansur Shah mangkat, puteranya Raja Gombak, ditabalkan menjadi Sultan Kelantan.

'Baginda Sultan Gombak mengambil cucunya yang bernama Raja Ahmad sebagai putera angkatnya. Apabila baginda mangkat, cucunya ditabal menjadi Sultan Kelantan dalam tahun 1584 dan baginda berkahwin dengan Cik Banun puteri Seri Nara D'Raja yang

⁷ *Ibid.*, hal. 3. "A Chinese Chronicler Chao Je Kau, writing about the year 1225, mentions it as subject to the Sumatran kingdom of Palembang." (Eckhardt, H.C., *Kelantan Administration Report 1924*, Government Printing Office, Singapore, 1925, hal. 1). "... Pada awal abad kelima (kira-kira tahun 500N) telah wujud satu kerajaan Sri Wijaya yang pertama di Kelantan ... Kerajaannya sangat kuat dapat menaklukkan kerajaan Langkasuka pada tahun 670M. Selanjutnya pada tahun 673M Kelantan dengan 20,000 orang bala tentera telah menyerang dan mengalahkan kerajaan Melayu Palembang dan di sana didirikan sebuah bandar (bandar ini kian besar dan akhirnya telah menjadi pusat pemerintahan Sr Wijaya Kedua). ... Ahli sejarah berpendapat bahawa Sri Wijaya Pertama adalah terletak di Kelantan. Pendapat ini dikuatkan oleh Doktor Muhammad Yamin (al-marhum) dan Dr. Umar Amin Husain. Kedua-duanya cenderung kepada teori Professor Dr. Moens yang mengutarakan bahawa Sri Wijaya Pertama adalah terletak di Kelantan ... Sri Wijaya Pertama telah mengembangkan sayap kekuasaannya dan menakluk kerajaan-kerajaan lain di Sumatra serta memindahkan ibu kotanya (Kelantan menjadi ibu kota Sri Wijaya Pertama) ke Melayu iaitu Palembang (Palembang menjadi ibu kota Sri Wijaya Kedua) ... Di samping itu, pada tahun 1250 terdapat riwayat yang mengatakan bahawa Kelantan telah ditakluk oleh Sri Wijaya Palembang. Sebenarnya penaklukan ini tidak pernah berlaku, kerana ... pemerintah kedua-dua kerajaan ini adalah dari satu keturunan, berlainan pada nama tetapi satu dalam kerajaan ... Pada tahun 1251M, kekuasaan Sri Wijaya Palembang telah lemah dan merosot. Walaupun begitu angkatan perangnya pernah menyerang Sri Wijaya Kelantan, tetapi gagal. Selepas peristiwa inilah agaknya kedua kerajaan itu berpecah dan terputus hubungan; manakala yang di Kelantan terkenal pula dengan nama 'Serendah Sekebun Bunga Cerang Tegayung' (Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, PAP, hal. 25–30).

⁸ de Moubray, *op. cit.*, hal. 3.

⁹ *Ibid.*, hal. 3.

¹⁰ *Berita Minggu*, *op. cit.*

menjadi sepupu kepada Raja Hussin di sebelah isteri Putera Lela Wangsa Pahang. Tiga tahun kemudian baginda telah dikurniakan seorang puteri yang dinamakan Cik Wan Kembang. Setelah empat tahun kemudian baginda Raja Ahmad mangkat'.¹¹

Oleh kerana Wan Kembang masih lagi kecil, Raja Hussin dari Johor itu dilantik menjadi pemangku raja bergelar Sultan Hussin, sehinggalah Wan Kembang ditabalkan menjadi raja dalam tahun 1610. Baginda bersemayam di Gunung Cinta Wangsa, Ulu Kelantan.¹²

Dalam masa pemerintahan Cik Wan Kembang di timur-laut Kelantan terdapat sebuah kerajaan bertempat di Jembal¹³ di bawah pemerintahan Raja Sakti, anak angkat Raja Bersiong dari Kedah yang membawa diri ke Kelantan. Di Kelantan Raja Bersiong mendapat dua orang anak angkat, Raja Sakti dan Puteri Mani Kemenyan. Dalam tahun 1649 Raja Sakti mangkat dan digantikan oleh Raja Loyor. Raja Loyor mendapat dua orang anak, seorang putera yang mangkat ketika kecil dan seorang puteri bernama Puteri Sadong. Khabar wujudnya Kerajaan Jembal sampai kepada Cik Wan Kembang yang terus membuat perhubungan dengan Kerajaan Jembal. Perhubungan baik ini menyebabkan Raja Loyor membenarkan Wan Kembang mengambil Puteri Sadong sebagai anak angkat. Puteri Sadong memilih sepupunya, Raja Abdullah, sebagai suaminya.¹⁴ Cik Wan Kembang telah digantikan oleh Raja Abdullah sebagai Raja Kelantan, tetapi apa-

¹¹ Cetera Kelantan, Cenderamata Perayaan Kemahkotaan 1961, hal. 30.

¹² "Cik Wan Kembang pada masa kemangkatan paduka ayahandanya, baru berumur empat tahun, oleh sebab itu dilantik Raja Hussin dari Johor menjadi pemangku Raja pemerintah Kelantan. Enam belas tahun kemudian Baginda mangkat. Dalam TG 1018 (TM 1610) ditabalkan Cik Wan Kembang menjadi Raja yang bersemayam di Gunung Cinta Wangsa, Ulu Kelantan. Pusat Kerajaan ini menjadi masyhur dan dilawati oleh dagang sentriter-masuk orang-orang Arab. Orang-orang Arab memanggil Cik Wan Kembang dengan nama "Paduka Cik Siti". Seekor kijang telah disembahkan oleh rakyat-rakyat Baginda dari Gunung Ayam. Baginda sangat suka dan gemar kepada kijang tersebut sehingga diterapkan gambar kijang itu di atas wang mas perbelanjaan negeri dan kemudian dijadikan gambar kijang itu sebahagian Lambang Kerajaan Kelantan sehingga sekarang". (*Cetera Kelantan, ibid.*, hal. 30).

¹³ Kedai Lalat sekarang.

¹⁴ Untuk keterangan lanjut mengenai peristiwa perkahwinan ini dan perhubungan Puteri Sadong dengan Raja Siam, lihat *Berita Minggu*, 30 Julai, 1972.

bila Raja Abdullah telah dibunuh,¹⁵ pemerintahan telah diambil-alih oleh saudaranya, Raja Abdul Rahim.¹⁶ Raja Abdul Rahim telah berkahwin dengan janda Raja Abdullah, anak Penghulu Ngah, Jembal. Tetapi oleh kerana baginda telah memerintah dengan kezaliman, Raja Abdul Rahim telah ditikam orang lalu mangkat. Peristiwa ini berlaku di tepi Tasik Lalayang Mandi dan dengan kemangkatan itu putuslah Kerajaan Mahaligai dan wujud kembali Kerajaan Jembal di bawah pemerintahan Raja Omar yang bergelar Sultan Omar dalam tahun 1657.¹⁷

Dalam tahun 1633 seorang putera raja dari Sulawesi telah pergi ke Johor dan berkahwin dengan seorang puteri Laksamana Johor yang bernama Wan Teja. Dalam tahun 1640 beliau dan isterinya pindah ke Patani di mana beliau dikurniakan gelaran Endek Pakeh Ali dan berkahwin lagi dengan Seri Paduka Cik Dewi, puteri Seri Bija Diraja Patani. Perkahwinan ini menghasilkan seorang putera, Wan Dai'im, yang diberi gelaran Datuk Pengkalan Tua. Salah seorang anak Wan Dai'im, iaitu Tuan Besar Long Bahar, telah berkahwin dengan Raja Pah, puteri Sultan Omar, yang berkerajaan di Jembal. Long Bahar inilah yang menggantikan Sultan Omar memerintah Kelantan dalam tahun 1721 atas permintaan iparnya, Raja Kecil Sulong. Baginda Long Bahar mangkat dalam tahun 1733 dan digantikan oleh puteranya yang bernama Long Sulaiman. Apabila dalam tahun 1756 Long Sulaiman telah terbunuh dalam satu perang saudara, iparnya Long Pandak, menjadi Raja. Adiknya, Long Muhammad, menjadi Raja Muda. Dalam satu lagi peristiwa perang saudara¹⁸, Long Pandak terbunuh dan ditabalkan Long Muhammad se-

¹⁵ Sekembalinya dari Siam, setelah menolak pinangan Raja negeri itu, Puteri Sadong yang sudahpun bersuamikan Raja Abdullah, mendapati suaminya telah mengahwini perempuan lain. "Pertengkaran telah berlaku dan dalam pertengkaran ini Raja Abdullah ditikam oleh Puteri Sadong dengan pemacak sanggulnya. Raja Abdullah mangkat di situ juga". *Ibid.*

¹⁶ "There are no historical records of the events which occurred between the murder of Raja Abdul Rahim and the reign of Sultan Omar". (*Malaysia Year Book, op. cit.*, hal. 400).

¹⁷ Cetera Kelantan, *op. cit.*, hal. 31 Sultan Omar ialah ayah saudara Puteri Sadong.

¹⁸ *Berita Minggu*, 1 Ogos, 1972.

bagai Raja. Pemerintahannya telah menemui nasib yang serupa apabila ia telah terlibat dalam satu peperangan dengan Long Gaffar bersama-sama Long Yunus, putera Long Bahar.¹⁹

Pada tahun 1762 itu Long Yunus ditabalkan menjadi Sultan dan Long Gaffar dikurniakan gelaran "Engku Maharaja Perdana Menteri" yang memerintah kawasan Jeram sehingga ke Sungai Pasir Tumbuh.²⁰ Long Yunus mangkat dalam tahun 1798 dan mendapat beberapa orang putera dan puteri.²¹ Salah seorang puteri baginda, Cik Ku Tuan Nawi (Cik Ku Wan Teh) berkahwin dengan putera Sultan Mansur Shah Trengganu, Tengku Muhammad. Oleh kerana baginda tidak meninggalkan wasiat mengenai penggantinya, maka menantunya, Tengku Muhammad, telah dilantik menjadi Raja. Selepas 40 hari Long Yunus mangkat. Tengku Muhammad berangkat pulang ke Trengganu, tetapi apabila baginda kembali ke Kelantan baginda telah membawa bersama-samanya beratus-ratus orang hulubalang, orang-orang besar dan kaum kerabat baginda. Hal ini menimbulkan rasa curiga Long Muhammad, putera sulong Long Yunus, bahawa Tengku

¹⁹ Kematian Long Pandak menyebabkan Long Gaffar, sepupu Engku Pasir Mas yang dibunuh oleh suaminya, Long Pandak, kerana cemburu, mengangkat Long Muhammad menggantikan Long Pandak, dengan pesanan 'perintahlah baik-baik, jika tidak ia akan datang kali yang kedua'. Dalam tahun 1762 Long Gaffar bersama-sama Long Yunus berangkat ke Trengganu dengan membawa seekor ayam sabungan yang bernama "Bekas Beracun", kerana melawan ayam orang-orang Bugis. Setelah mendapat kemenangan dan mendapat harta pertaruhan yang mengandungi tujuh buah jong lalu dipersembhkannya kepada Sultan Mansur Shah, Trengganu. Pada masa itu Long Yunus berkahwin dengan Cik Jumat, puteri Engku Tenang Wangsa. Lima bulan kemudian tiba khabar Long Muhammad memerintah Kubang Labu dengan keadilan. Long Gaffar dan Long Yunus segera kembali dengan beberapa orang pahlawan yang dikurniakan oleh Sultan Trengganu. Mereka menyerang Long Muhammad di Kubang Labu dua kali di mana akhirnya Long Muhammad terbunuh. Long Muhammad dimakamkan dipermakaman Gong cepa, sebelah hilir Lorong Gajah Mati Sekarang. (*Cetera Kelantan*, hal. 32).

²⁰ "Menegenangkan sumbangan yang diberikan oleh Long Jaafar (Gaffar) dalam mengembalikan kekuasaan baginda itu maka kepadanya telah dikurniakan sebuah jajahan yang bersedapadan dengan jajahan Besut Trengganu membawa ke Semerak, Pasir Puteh dan memanjang ke Kuala Dua, Bacok melingkungi kawasan-kawasan yang berhubung dengan Sungai Pasir Tumbuh, di sebelah utaranya. Kawasan sempadannya adalah terletak kira-kira 6 batu dari ibu kota Kelantan sekarang". (Saad Shukri Haji Muda, *op. cit.*, hal. 64).

²¹ Putera-puteranya ialah Long Muhammad, Long Tan, Long Jenal, Long Ismail, Long Muda, Long Yusuf dan Long Pandak. Puteri-puterinya: Cik Ku Tuan Nawi, Cik Ku Penambang, Cik Ku Telor, Cik Ku Wok, dan Cik Ku Wan Naman.

Muhammad Trengganu berniat hendak menjadi Yang di-Pertuan Kelantan. Akhirnya Tengku Muhammad telah dapat diusir oleh Long Muhammad ke Trengganu. Beberapa bulan kemudian Long Muhammad ditabalkan menjadi Sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Muhammad I. "Berikutan dengan penabalan ini, Long Jenal telah dilantik menjadi Bendahara, Long Ismail menjadi Raja Muda dan Long Tan dilantik menjadi Temenggong."²² Ia tidak memperolehi putera atau puteri. Oleh itu diambilnya Long Senik, anak Long Tan, sebagai anak angkatnya. Apabila baginda Sultan Muhammad I mangkat pada tahun 1835 Long Jenal mengistiharkan dirinya Sultan Kelantan, sementara Long Senik yang diwasiatkan sebagai pengganti Sultan Muhammad I diberi gelaran Temenggong Aria Pahlawan.

Long Jenal memerintah Kelantan selama tujuh bulan apabila meletus perang saudara. Raja Siam²³ telah memperkenalkan

²²Saad Shukri, *op. cit.*, hal. 70.

²³Perhubungan dengan Siam dikatakan bermula apabila Long Muhammad menjadi Sultan Muhammad I pada tahun 1800/1801. Baginda menghantar Pak Wan Mahmud sebagai utusan menghadap Raja Siam dan sebagai tanda perhubungan setia Sultan Muhammad mengirim 'bunga mas' ke Siam tiga tahun sekali (*Cetera Kelantan, op. cit.*, hal. 33). "Oleh sebab Kelantan merasa bimbang terhadap serangan dari luar terutama dari Trengganu yang berpakat dengan Petani, maka pada tahun 1832 Sultan menghantar utusan ke Ligor dan dari Ligor ke Bangkok menghadap Seri Maharaja Siam. Utusan itu telah disambut dan diterima baik oleh Raja Siam. Kepulangan utusan itu membawa balik sepucuk surat yang menganjurkan suatu persetujuan antara negeri Kelantan dengan Kerajaan Siam diwujudkan dan Kelantan hendaklah menghantar ufti bunga emas tiap-tiap tiga tahun sekali ke Siam sebagai balasan di atas kesanggupan Siam mengawasi musuh-musuh dari luar" (*Saad Shukri, ibid.*, hal. 72). "Mengikut sejarah, pertalian Kelantan-Siam dikatakan bermula sejak pertengahan abad ke 13. Waktu itu orang-orang Siam sudah mula mengembangkan pengaruh kekuasaannya ke Selatan lembah Sungai Chao Phraya, menurun ke kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu . . . Sumber sejarah ada menyebut bagaimana Siam berjaya menegakkan kembali naungannya ke atas Negeri-Negeri Melayu: Kedah, Trengganu dan Kelantan dalam tahun 1786. Raja Bangkok dikatakan memaksa kedua-dua negeri Kelantan dan Trengganu tunduk di bawah naungannya. 'Hikayat Sri Kelantan' ada menyebut tentang adanya ancaman perang dari Petani dan Trengganu terhadap Kelantan pada permulaan abad ke 19. Sultan Trengganu Muhammad I Kelantan segera bemesyuarat dengan saudara-saudaranya serta orang-orang besarnya untuk mencari jalan supaya negeri itu terselamat ancaman tersebut. Mesyuarat tersebut bersetuju supaya Kelantan bernang di bawah pemerintahan Siam sebagai ikhtiar mempertahankan diri . . . Satu perutusan empat orang pembesar bertolak ke Bangkok menghadap Raja Siam. Raja Siam menerima baik pemerintahan Kelantan untuk bernaung di bawahnya. Telah dikirakan juga bahawa Siam akan membantu negeri itu dalam apa juga bahaya yang didatangkan kepadanya. Sultan dan pembesar-besar Kelantan kemudiannya telah dikurniakan dengan gelaran-gelaran kebesaran Siam, Sultan Muhammad diberi gelaran Phaya Phipit Pakdi. Nik Mohamed bin Nik Salleh, "Bunga Emas Dalam Sejarah Kelantan," *Mastika*, Mac, 1967, hal. 25.

Long Senik Mulut Merah menjadi Raja Kelantan pada tahun 1837 dengan gelaran Sultan Muhammad II. Seorang yang bernama Pak Nik Jid (Nik Abdul Majid) telah dipersetujui oleh baginda untuk menjadi Perdana Menteri dalam masa pemerintahan baginda.²⁴

Baginda Sultan Muhammad II yang dikenali dengan gelaran Marhum Tua atau nama timangan Sultan Mulut Merah mangkat dalam tahun 1886. Sultan Muhammad adalah raja yang paling lama sekali memerintah negeri Kelantan. Baginda begitu banyak mengorbankan tenaga dalam peperangan merebut dan mengekalkan takhta kerajaan Negeri Kelantan.²⁵ Beliau diganti oleh Long Sulong dengan gelaran Sultan Ahmad. Baginda telah memerintah Kelantan dengan aman damai mengikut garis-garis yang telah dilaksanakan oleh Sultan Muhammad II dan sepanjang pemerintahannya tidak ada pertelingkahan berlaku sama ada di antara kerabat-kerabat atau pembesar-pembesar lain, "kerana segala musuh negara telahpun dimusnahkan oleh almarhum Sultan Muhammad II".²⁶

Earlier nineteenth century rulers Sultan Muhammad II (1835–1886), also known as Sultan Mulut Merah, and his eldest son who succeeded him as Sultan Ahmad (1886–1889) had maintained a strong royal hold over the State.²⁷

Sultan Ahmad mempunyai 12 orang putera dan 13 orang puteri: Tengku Long Kundur (Sultan Muhammad III), Tengku Long Mansor (Sultan Mansor), Tengku Long Salleh, (Tengku Temenggong), Tengku Besar Tuan Long Mahmud (Tengku Seri Maharaja), Tengku Sulaiman (Tengku Seri Pekerma Raja), Tengku

²⁴ Saad Shukri, *op. cit.*, hal 81. Tetapi jawatan Perdana Menteri kemudiannya telah diberi pula kepada Engku Limbat dengan gelaran "Engku Perdana Menteri". Pak Nik Jid dikatakan telah dilantik menjadi pembantu kepada Hakim Besar, Sayed Jaafar, bersama-sama dengan seorang yang bernama Nik Yahya (Nik Ya) (*Ibid.*, hal. 82). Pak Nik Jid, bagaimanapun, dilantik semula menjadi Perdana Menteri setelah Engku Limbat mangkat dalam tahun 1851 sehinggalah tahun 1885 apabila ia dikatakan telah diganti oleh anaknya, Nik Yusof, dengan gelaran Datok Sri Paduka. *Ibid.*, hal. 87.

²⁵ Muhammad Hussin Khalil Haji Awang, *Kelantan Dari Zaman ke Zaman*, Pustaka Dian, hal. 75.

²⁶ *Op. cit.*, hal. 75.

²⁷ L.R. Robert, *The Duff Syndicate, 1900–1902*, footnote, hal. 3 (unpublished manuscript).

Besar Tuan Yusof (Tengku Besar Indera Raja), Tengku Cik Tuan Abdullah (Tengku Bendahara), Tengku Muhammad Patani, Tengku Aris (Tengku Betra Semerak), Tengku Ibrahim, Tengku Abdul Kadir Tuan Kub dan puteranya yang kedua-belas ialah Tengku Abdul Rahman (Tengku Asmara Raja).

Puteri-puteri baginda ialah Tengku Puteh, Tengku Biru, Tengku Besar Maimunah, Tengku Besar Nang Aminah, Tengku Chik Halimah, Tengku Kembang Puteri, Tengku Tengah, Tengku Merah, Tengku Zubaidah, Tengku Yah (Sufiah), Tengku Wok Jamilah, Tengku Kalsom, dan Tengku Zainab.

Sultan Ahmad memerintah Kelantan lebih kurang dua tahun saja dan baginda digantikan oleh Long Kundor dengan gelaran Sultan Muhammad III. Baginda lebih terkenal dengan sebutan Sultan Bongsu. Sultan Muhammad III mendapat beberapa orang putera dan puteri, antaranya Long Senik, Long Ahmad, Long Zainal Abidin, Long Ismail dan Long Abdul Rahman. Puteri-puterinya ialah Tengku Wok, Tengku Biru, Tengku Yah dan Tengku Embong.

Oleh sebab baginda kurang bergaul dengan kerabat-kerabat diraja maka kerabat-kerabat baginda lebih sukakan ayahanda saudara baginda, Tengku Abdul Ghafar, menjadi Sultan.²⁸

Di kala kemangkatan baginda itu telah timbul suatu masalah yang rumit di sekitar perlantikan penggantinya kerana pada ketika itu terdapat tiga orang yang dicadangkan untuk menaiki takhta kerajaan, iaitu Long Abdul Ghafar (Tengku Putera), Long Mansor (Raja Muda) dan Tuan Long Senik, putera sulong baginda sendiri.²⁹

Sebenarnya, keadaan tidak tenteram dalam masalah perebutan kuasa untuk menjadi Raja Kelantan dapat dikesan setelah mangkatnya Sultan Ahmad:

The weakness within Royal Household can be traced to the death of Sultan Ahmad in 1889. The possible candidates were either Tengku Petera, brother of the late Sultan or one of the late Sultan's two sons. However, History has it that one of the ten sons, Raja Bendahara, held the throne as Muhammad III. His short reign, 1889–1891, repeated the question of succession. Yet again the reportedly more popular candidate was by-passed and one of Muhammad III's brothers became Sultan Mansur (1891–1899).³⁰

²⁸ Saad Shukri, *op. cit.*, hal 90.

²⁹ *Ibid.*, hal. 90.

³⁰ Robert, *op. cit.*, hal. 2

Long Mansur dengan sokongan yang kuat daripada Datuk Laksamana Cik Saad dan Datuk Sri Paduka Nik Yusof telah menaiki takhta kerajaan dengan gelaran Sultan Mansor. Walau bagaimanapun, baginda lebih berkenaan gelaran 'Raja Kelantan' daripada gelaran 'Sultan Kelantan' berdasarkan suatu muslihat agar tidak menimbulkan iri hati kepada calon-calon Sultan yang telah diketepikan dan juga kerana pandangan baginda bahawa kerana memakai gelaran 'sultan' maka dua orang Sultan yang terdahulu (Sultan Ahmad dan Sultan Mahmud III) tidak lama di atas takhta kerajaan.³¹

Dalam masa pemerintahan baginda inilah terdapat pakatan-pakatan sulit untuk menggulingkan orang-orang besar. Ini menyebabkan peristiwa pembunuhan ke atas Datuk Maha Menteri yang telah ditembak di rumahnya di Kampung Penambang.

Untuk melicinkan perjalanan pentadbiran kerajaan dan menyenangkan rakyat jelata, baginda telah menitahkan pada tahun 1896 supaya dibuka sebuah pejabat khas yang menyelenggarakan hal-ehwal tanah.³² Di samping itu juga, sebuah mahkamah adat untuk membicarakan hal-hal jenayah dengan perlantikan Engku Biru sebagai Hakim pertamanya telah juga ditubuhkan. Dalam tahun 1901 geran-geran tanah pertama telah dikeluarkan untuk menentukan hak miliknya. Geran-geran itu diadakan dalam tulisan Jawi dan kekal dengan tulisan itu hingga 31 Disember 1965.³³

Long Mansor mangkat pada hari Khamis 1899 tanpa meninggal putera atau puteri untuk mewarisi takhta kerajaan. Oleh sebab itu, Long Senik telah menjalankan pemerintahan negeri dan

³¹ Saad Shukri, *op. cit.*, hal. 92.

³² Muhammad Hussin Khalil, *op. cit.*, hal. 91

³³ *Ibid.*, hal. 93.

baginda ditabalkan menjadi Sultan Kelantan pada 22 Jun 1901.³⁴

Long Senik ditabalkan dengan gelaran Sultan Muhammad IV. Dalam tahun 1902 baginda telah mengadakan surat setia dengan Kerajaan Maha Besar Siam . . . dan menerima seorang Inggeris menjadi penasihat Kerajaan bagi pihak Raja Maha Besar Siam bernama Mr. W.H. Graham dan dikembarkan dengan seorang pegawai Inggeris bernama Mr. H.W. Thomson dari Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun 1909 satu surat persetujuan dengan Kerajaan Inggeris telah ditandatangani, dan tamatlah persetujuan dengan Kerajaan Siam.³⁵

Surat perjanjian ini ditandatangani di Bangkok di mana negeri Siam memindahkan "all rights of suzerainty, protection, administration and control" ke atas negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu kepada Great Britain. Sementara Great Britain pula membatalkan "extraordinary jurisdiction"nya di Negeri Siam dan memberi pinjaman untuk membina jalan keretapi menghubungkan Bangkok dengan jalan keretapi Tanah Melayu.³⁶

Dalam tahun 1903, Sultan Muhammad IV telah menubuhkan sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipengerusikan oleh baginda sendiri. Ahli-ahli Majlis terdiri dari Kerabat-Kerabat Tua, Menteri Besar dan Penasihat Inggeris. Persidangan pertama Majlis itu diadakan setahun kemudian. Dalam Majlis itu telah diluluskan undang-undang mahkamah, penubuhan pasukan polis, peraturan memungut cukai tanah yang dijadikan hasil negeri, juga menentukan jenis-jenis pejabat yang akan diadakan. Setengah dari pejabat itu ditadbir oleh Pegawai Pentadbir Siam yang dikirim oleh Kerajaan Siam.³⁷

³⁴ "Menurut ketetapan susunan bakal-bakal yang telah dipersetujui maka Tengku Long Senik Raja Kelantan itulah pengganti yang sah untuk menjadi Sultan yang memerintah Kelantan, tetapi satu kerumitan baru telah berlaku apabila timbul satu cadangan supaya putera sulung Raja Kelantan iaitu Tengku Ismail yang bergelar Tengku Sri Indera dan bakal yang ketiga itu dilantik dan digelar sebagai Raja Kelantan, sedangkan satu pihak yang lain pula tidak menyetujui dengan cadangan itu, kerana menurut hemat mereka, Tengku Zainal Abidin yang bergelar Raja Muda itulah yang sewajarnya menerima gelaran Raja Kelantan kerana beliau adalah bakal yang kedua menurut susunan bakal-bakal", (*Ibid.*, hal. 94-95). Bagaimanapun, pada akhirnya keputusan untuk menabalkan Long Semik telah dipersetujui.

³⁵ *Cetera Kelantan, op. cit.*, hal. 34.

³⁶ *Straits Times*, 29 Disember, 1902.

³⁷ *Berita Minggu, op. cit.*

Sultan Muhammad IV mangkat pada malam Khamis 23 Disember, 1920 dan ditabalkan Tengku Ismail (Raja Kelantan), menjadi Sultan. Beliau dimahkotakan pada hari Khamis 28 April 1921. Baginda memerintah Kelantan selama 24 tahun. Sultan Ismail tidak mempunyai anak, oleh sebab itu adindanya Tengku Ibrahim dimasyor menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Ibrahim pada hari Rabu 21 Jun 1944 dan dimahkotakan pada hari Selasa 31 Oktober, 1944.

Di antara pemerintahan Sultan Ismail dan Sultan Ibrahim sebenarnya banyak perubahan-perubahan baru diperkenalkan. Misalnya, dalam masa pemerintahan Sultan Ismail, lambang-lambang kebesaran Kerajaan telah diadakan dan tugas untuk mengadakan alat-alat kebesaran ini telah diserahkan kepada Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said atau Datuk Bentara Jaya yang kemudiannya bergelar Datuk Laksamana. Dengan arahan beliau lah seorang yang bernama Haji Muda, iaitu pakar pertukangan emas dan perak, telah menyiapkan mahkota dan alat-alat kebesaran itu.³⁸

Sultan Ismail juga telah mengadakan peraturan bagi kumpulan bintang-bintang kebesaran negeri Kelantan yang disebut sebagai Undang-Undang Kumpulan Bintang 1921. Datuk Bentara Jaya Haji Muhammad Saidlah yang ditugaskan untuk membuat penyusunan ini. Dalam tahun 1924 sebuah Pejabat Istiadat, sebuah Pejabat Setiausaha Sulit dan Adikong di Istana Balai Besar telah juga diadakan.

Dalam tahun 1925 kumpulan bintang-bintang Al-Ismaili mengambil sempena nama baginda telah diwujudkan.³⁹

³⁸ Muhammad Hussin Khalil, *op. cit.*, hal. 130.

³⁹ *Ibid.*

Dalam masa pemerintahan baginda juga banyak sekolah-sekolah didirikan di merata-rata jajahan dan pekan. Sebuah sekolah Inggeris didirikan di Kota Bharu yang dikenali dengan nama baginda iaitu Sekolah Inggeris Ismail. Sekolah ini merupakan Sekolah Inggeris yang pertama yang diadakan di negeri ini dan sekolah ini telah berkembang maju dengan pesatnyanya sehingga sekarang dikenal dengan nama Maktab Sultan Ismail. Sekolah ini telah berjasa melahirkan satu generasi bijak pandai yang memainkan peranan penting di negara ini.⁴⁰

Di samping itu terdiri pula sebuah sekolah Arab yang dipimpin oleh Sayed Abu Bakar Abdullah Al-Attas dari Johor Bharu dan sekolah Arab ini juga merupakan Sekolah Arab pertama di negeri ini, kemudian didirikan pula sebuah sekolah Ugama Tinggi yang berperaturan yang terkenal dengan nama Jami Al-Ismaili Merbau, iaitu satu-satunya Sekolah Tinggi Ugama yang mula-mula mengadakan peraturan peperiksaan dan guru-gurunya adalah terdiri dari ulama-ulama besar Kelantan yang terkenal di zaman itu. Sekolah ini telah menjadi tumpuan seluruh pelajar-pelajar ugama di seluruh Tenggara Asia.⁴¹

Sultan Ismail juga membaharui pentadbiran di pejabat-pejabat di samping membuka pejabat-pejabat baru seperti Pejabat Tanah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah, Pejabat Cukai, Pejabat Polis dan Penjara, Hospital, Pejabat Kerjaraya, Pejabat Mufti dan Kadhi.

Baginda Sultan Ismail mangkat pada malam 20 Jun 1944. Penggantinya ialah Sultan Ibrahim. Dalam masa pemerintahan baginda inilah gelaran Raja Kelantan dimansokhkan:

Oleh sebab gelaran Raja Kelantan yang telah dijadikan gelaran bagi bakal yang pertama itu sering menimbulkan kekeliruan pada umum, kerana jika Raja Kelantan berangkat keluar daripada Kelantan, maka disebut orang keberangkatan Raja Kelantan yang menurut pengertian umum ialah Sultan Kelantan.

Bagi mengelak kekeliruan ini DYMM Sultan Ibrahim . . . telah mengeluarkan titah dalam tahun 1944 supaya dimansokhkan gelaran Raja Kelantan sebagai gelaran bakal yang pertama, dan sebagai ganti-

⁴⁰ *Ibid.*, hal. 136.

⁴¹ *Ibid.*, hal. 137.

nya gelaran Raja Muda bagi bakal yang kedua itu diangkat menjadi gelaran bagi bakal yang pertama.⁴²

Dalam tahun itu juga Tengku Indera Putera telah dilantik menjadi bakal Sultan. Tetapi Raja Muda yang ada itu telah dikurniakan dengan gelaran Raja Dewa dan Tengku Indera Putera telah diisytiharkan dalam suatu istiadat yang sederhana dalam Istana Balai Besar sebagai bakal Sultan dengan gelaran Raja Muda.⁴³

Bagaimanapun, pada awal tahun 1948 Raja Muda Tengku Indera Putera telah menolak takhta Kerajaan Kelantan "dengan suka hati dan kerelaan sendiri"⁴⁴ dan pengakuan menolak hak-hak menuntut takhta Kerajaan Kelantan "sehingga kepada zuriat-zuriatnya."⁴⁵ Sejak itu gelaran Raja Muda dimansokhkan. Sebagai gantinya, pada 1 Februari 1948 Tengku Yahya Putera yang bergelar Tengku Bendahara, diisytiharkan menjadi bakal Sultan dengan gelaran Tengku Mahkota Kelantan.⁴⁶

Dalam masa pemerintahan baginda Sultan Ibrahimlah beberapa peristiwa bersejarah telah berlaku dengan pesatnya. Dalam tahun 1944 untuk mencari kerjasama yang lebih baik dengan Kerajaan Siam dalam usaha Jepun untuk menentang kuasa-kuasa Berikat, Gabenor-General Tentera Jepun di Singapura telah memanggil semua Raja-Raja di seluruh Tanah Melayu untuk menghadziri satu persidangan di Singapura. Sultan Ibrahim waktu itu masih bergelar Raja Kelantan telah mewakili Sultan Ismail. Bagaimanapun, dalam persidangan itu Kerajaan Jepun telah memutuskan untuk menyerahkan negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu kepada Kerajaan Siam, "kerana negeri-negeri itu telah difahamkan kepada Jepun sebagai negeri-negeri yang menjadi hak takluk Kerajaan Siam". Kelantan selepas itu diletakkan di bawah seorang Gabenor Siam yang dipanggil Kaluwung.⁴⁷

⁴²*Ibid.*, hal. 144.

⁴³*Ibid.*, hal. 144.

⁴⁴*Ibid.*, hal. 148.

⁴⁵*Ibid.*, hal. 148.

⁴⁶*Ibid.*, hal. 148.

⁴⁷*Ibid.*, hal. 142.

Dalam bulan Ogos 1945, setelah Jepun menyerah, Tanah Melayu telah diletakkan di bawah pemerintahan British Military Administration (BMA). Setahun kemudian pula orang-orang Melayu telah tergugat akibat penubuhan Malayan Union. Sir Harold MacMichael sendiri telah datang ke Kota Bharu untuk mendapatkan tandatangan Sultan Ibrahim. Pada 21 Januari 1948 Sultan Ibrahim bersama-sama Tengku Temenggong telah pergi ke Kuala Lumpur kerana menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Sempena penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 itu sebuah Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah diadakan.⁴⁸ Perlembagaan bagi Negeri Kelantan yang pertama ini telah mewujudkan Majlis Mesyuarat Undangan Negeri yang mengandungi 30 orang dan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja yang mengandungi 8 orang, kesemuanya dilantik oleh Sultan. Dalam tahun yang sama juga, sesudah penubuhan Perjanjian Persekutuan, Kelantan sebagaimana juga negeri-negeri lain di Tanah Melayu telah menghadapi ancaman Komunis dan ini menyebabkan berlakunya Perisytiharan Darurat dalam bulan Jun 1948. Sultan Ibrahim mangkat pada 10 Julai 1960 di Istana Sri Cemerlang dalam usia 63 tahun dengan meninggalkan 11 orang putera dan 13 orang puteri. Almarhum diganti oleh Tuanku Yahya Putera sebagai Sultan Kelantan.

⁴⁸ Saad Shukri, *op. cit.*, hal. 187.

2 Peranan Ulamak-Ulamak Kelantan

Jika terdapat sebuah negeri di Tanah Melayu yang bergelora kerana isu-isu mengenai fatwa dan lain-lain kontroversi yang bersabit dengan ajaran-ajaran Islam, maka negeri itu ialah Kelantan. Sejak dari abad ke 19 lagi Negeri Kelantan terkenal sebagai pusat terpenting di rantau ini di mana Islam memainkan peranan mencorakkan kehidupan sosial dan politik rakyat jelata negeri itu. Hal ini bukan satu kehairanan memandangkan negeri tersebut tidak 'tersentuh' oleh ciri-ciri kemodenan yang hadir dengan kehadiran kaum imigran Cina dan kaum-kaum pedagang lain seperti negeri-negeri di Pantai Barat.

Kelantan yang dianggap sebagai sebuah negeri Melayu yang unik mempunyai sejarahnya yang tersendiri¹ dengan melahirkan

¹ The people of this place have certain peculiar customs, of which it may be mentioned that, though they are Muhammadans, the women move about as freely as the men. The mind the shops and deal with customers; they weave the silk sarongs for which Kelantan is famous, and they do as much carrying and marketing, gossiping and field work as their fathers, husbands, brothers and lovers. That is one striking peculiarity of the place, and another is that Kota Bharu is given up to various forms of relaxation in a way unknown in any other State in the Malay Peninsula. There is the season for bull-fights and the season for ram-fights; the boat-racing season, the cock-fighting season, and the season when everyone goes down to the mouth of the river, camps on the great stretches of sand (Sir Frank Swettenham, *British Malaya*, Allen and Unwin, hal. 314-315). '... di Kelantan telah ifama tumbuh suatu penghidupan keintelektualan dan kesusasteraan yang sama suburnya, yang sedikit diketahui orang pada hari ini' (Professor Ismail Hussein, *Dewan Sastra*, Julai, 1972, hal. 31) "Negeri Kelantan sebenarnya ialah pusat perkembangan kesusasteraan yang ulung, kerana daripada fakta-fakta penyelidikan yang telah dibuat ternyata khazanah ilmu dan sastra di negeri itu banyak sekali baik yang berpusat di istana atau pondok ataupun dalam masyarakat rakyatnya sendiri . . . ternyata sastra lama sejak Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja, sampai kepada karya Sheikh Nuruddin Alraniri abad ke 17 terdapat di Kelantan" (Rencana Pengarang, *Dewan Sastra*, Ogos, 1972, hal. 37).

tokoh-tokoh yang terkenal, baik tokoh-tokoh politik, sasterawan, budayawan, mahupun tokoh-tokoh agama yang menarik minat kebanyakan pengkaji-pengkaji sejarah untuk menyalisat dan mengkaji perkembangan fikiran, agama, kesusasteraan serta kebudayaan masyarakat yang tumbuh dan berkembang sejak beberapa abad yang lampau.

Perkembangan agama Islam di Kelantan bermula ketika Pattani masih merupakan sebahagian dari Kelantan, iaitu di awal abad ke 19.² Pada masa itu lahir beberapa ulamak Islam yang masyhur yang pernah menterjemahkan beberapa kitab yang masyhur karangan ulamak-ulamak Islam yang terkenal ke dalam Bahasa Melayu, seperti Almarhum Sheikh Daud bin Abdullah Al-Pattani dalam tahun 1809 Masihi.

Perkembangan agama dan ilmu ini bertapak juga di Kota Bharu, ibu Negeri Kelantan, sebagaimana yang terbukti dalam perjuangan Tuan Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (1816–1891) yang lebih terkenal dengan nama Tuan Tabal.³ Kepakaran Tuan Tabal dalam ilmu agama Islam menyebabkan beliau diambil oleh Tok Semian Wan Abdul Rahman, yang menjadi Setiausaha Kerajaan Kelantan pada ketika itu, sebagai menantunya dengan menjodohkannya (Tuan Tabal) dengan Wan Kalsum. Sejak itu beliau menetap di Kota Bharu dengan memulakan kegiatan-kegiatan menyebarkan pendidikan agama Islam secara mendalam kepada penduduk-penduduk.

Tuan Haji Abdul Samad (Tuan Tabal) meninggalkan ramai murid-murid yang terkenal sebagai ulamak-ulamak, antaranya ialah anaknya sendiri, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad dan Haji Wan Abdullah bin Haji Abdul Samad; Tuan Guru Haji Daud dan Hakim Haji Nik Abdullah bin Raja Zainal. Buah pena Tuan Tabal sendiri banyak diabadikan dalam bentuk kitab-kitab, seperti *Minhatul Qarib*, *Kifayatul Awam*, *Jalaul Qulub Bizzikrillah* dan lain-lain sastera bercorak agama yang lahir pada akhir abad ke 19 ini yang merupakan bahan-bahan bacaan yang sangat popular dalam pertengahan pertama abad ke 20.

² Ada sumber yang mengatakan agama Islam tiba di Kelantan dalam pertengahan abad ke 12, dibawa oleh seorang Sheikh dari Pattani. Lihat Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, PAP hal. 28.

³ Tabal ialah nama sebuah kampung di Selatan Siam.

Kitab *Minhatul Qarib* ialah mengenai Usuluddin dan dicetak di Mekah; *Jalaul Qulub* ialah bersabit dengan tasauf, dicetak di Majlis Ugama Islam Kota Bharu sampai tiga kali; sementara *Kifayatul Awam* membincangkan mengenai Tauhid dan dicetak di Mekah.

Sebuah lagi hasil karyanya ialah *Bab Harap* yang dicetak di Majlis Ugama Islam dalam tahun 1940. Kitab ini ialah mengenai tasauf. Selain dari itu ialah *Bidayatul Taklim Al-Awam*, sebuah kitab Fikah yang dicetak di Al-Mutbhaah Al-Kamaliah, Kota Bharu, iaitu cetakan kelima. Cetakan pertama dilakukan di Mekah. Juga *Munabihul Ghafilin* yang dicetak dalam tahun 1955 di Al-Ahliah, Kota Bharu dan *Munyatul Ahli* yang dicetak di Mustafa Press, Kota Bharu.

Seorang lagi ulamak Kelantan yang terkenal yang hidup sezaman dengan Tuan Tabal ialah Haji Wan Ali bin Abdul Rahman. Beliau lahir dalam tahun 1837 dan meninggal di Mekah dalam tahun 1912. Di antara hasil-hasil karyanya ialah *Al-Jauhari Mauhud*, sebuah kitab yang berisi doa-doa yang dikutip dari hadis-hadis. *Al-Jauhari* dicetak dalam tahun 1886 di Mesir. Dalam tahun 1890 sebuah karya mengenai Usuluddin dicetak bagi kelima kalinya di Al-Kamaliah, Kota Bharu. Kitab ini bernama *Zahratul Marid Fil Aqaidid Tauhid*. Kitab mengenai doa-doa dan petunjuk-petunjuk tentang Tawasul yang dihasilkan oleh Haji Wan Ali dicetak di Al-Ahmadiyah, Singapura dalam tahun 1881. Kitab ini diberi nama *Lamatul Aurad*. Sebuah lagi hasil karyanya ialah *Maj Mu'Al-Qassaid Wal Awaid*, dicetak dalam tahun 1900 mengenai kasidah dan tempat wali-wali.

Pada akhir abad ke 19 dan awal ke 20 kemunculan ulamak-ulamak ini telah menjadikan Kota Bharu sebagai pusat tumpuan yang kedua pentingnya selepas Pattani. Penuntut-penuntut bukan saja datang dari Semenanjung Tanah Melayu, akan tetapi juga dari Siak, Palembang (Sumatra) dan Kemboja untuk mencari ilmu dan mempelajari hukum-hukum syariah. Sungguhpun sistem pendidikan ugama ketika itu masih tidak ada suatu peraturan yang khas sebagaimana yang wujud dalam tahun-tahun 1920an, namun bukanlah bermakna kemajuan dalam penyibaran hukum-hukum syariah boleh terjejas kerana apa yang nyata ialah bahawa sistem pondok di Kelantan telah wujud sejak dalam pertengahan kedua abad ke 19 lagi.

Di samping ulamak-ulamak itu, seorang lagi ulamak yang telah memainkan peranan besar dalam menyumbangkan hasil-hasil karya bercorak ugama ialah Haji Muhamad Yusuf bin Ahmad atau lebih dikenali dengan Tok Kenali. Beliau lahir dalam tahun 1868. Semasa kecilnya⁴ Tok Kenali dikatakan berguru kepada ayah Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmud bin Ismail, seorang ulamak yang masyhur. Beliau juga pernah belajar di pondok yang bernama Pondok Tuan Guru Haji Ibrahim Sungai Budur, Kota Bharu dan di rumah Haji Wan Ali bin Abdul Rahman yang baru diperkatakan di atas.⁵ Seorang lagi gurunya ialah Tuan Guru Tuan Padang.

Tok Kenali mempunyai latarbelakang pendidikan yang baik di Mekah. Beliau mulai pergi ke tanah suci itu ketika umurnya 18 tahun dan tinggal di sana selama 22 tahun. Di Mekah beliau menjalinkan persahabatan dengan beberapa orang yang ternama yang berasal dari Kelantan. Antaranya ialah Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmud, iaitu anak seorang gurunya, Tuan Guru Tok Bachok, Tuan Guru Tok Jelapang dan lain-lain. Di tanah suci itu beliau menemui seorang guru yang masyhur bukan saja di Mekah, tetapi juga di Patani, Semenanjung Tanah Melayu, Indonesia dan Kemboja. Guru ini ialah Tuan Guru Wan Ahmad bin Muhamad Zain.⁶ Pelajaran yang dipelajari oleh Tok Kenali ialah, antaranya, Ilmu Nahu, Jalan Bahasa Arab, Tauhid, Fiqah, Tasauf dan Tafsir Quran.

Pada tahun yang kedua Tok Kenali pulang dari Mekah, iaitu tahun 1910, beberapa buah pondok didirikan, antaranya di Kampung Paya, dekat Kubang Kerian sekarang, dan di antara murid-murid Tok Kenali yang pertama ialah Tuan Guru Haji Muhamad Jebing dan Lebai Ahmad. Tujuh tahun kemudian, tahun 1917, jumlah pondok ialah 100 buah mengandungi seramai 200 orang murid. Di kalangan murid-murid inilah lahir segolongan ulamak yang terkenal, seperti Encik Yaakub Lega, Tuan Guru Haji Sallehudin Pulau Pisang (tahun 1967 menjadi guru di Mesjid Al-Ahmadi, Kota Bharu), Haji Othman Jalaluddin Sering (Guru Besar Madrasah Manaba' Al-Ullum, Bukit Mer-

⁴ Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, PAP 1967, hal. 20-21.

⁵ Nama penuhnya ialah Muhamad Ali bin Abdul Rahman, terkadang-kadang dipanggil Tuan Guru Sheikh Muhamad Ali Kutan.

⁶ Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *op. cit.*, hal. 27.

tajam), Tuan Guru Haji Abdullah Tahir (pengasas Madrasah Al-Ahmadiyah, Bunut Payong, Kota Bharu) dan Tuan Guru Muhammad Lundang.

Dalam dekad yang kedua abad ke 20 Tok Kenali pindah ke Kota Bharu atas permintaan sahabat lamanya, Datuk Perdana Haji Nik Mahmud⁷ untuk mengajar di Mesjid Besar Al-Muhammadi. Pada waktu itu, di sebelah timur mesjid tersebut penuh dengan deretan pondok-pondok yang didiami oleh penuntut-penuntut dari segenap ceruk rantau kepulauan Melayu.

Mesjid Besar Al-Muhammadi adalah merupakan sebuah pusat pengetahuan agama yang terbesar di Kelantan, bahkan sebagai sebuah universiti yang menjalankan tugas secara tak langsung sejak dari ia dibina sampailah ke hari ini.⁸

Berdasarkan bahawa dalam tahun 1917 di Kampung Paya terdapat 100 buah pondok dan jumlah muridnya seramai 200 orang, maka tidak hairanlah Mesjid Al-Muhammadi menjelang 1920 telah disifatkan sebagai sebuah universiti dan sebuah pusat pengetahuan agama yang terbesar di Kelantan. Kampung Kubang Pasu, di mana Mesjid Al-Muhammadi didirikan⁹ dan kekal sehingga sekarang, ketika itu penuh dengan penuntut-penuntut yang datang dari negeri-negeri Kepulauan Melayu. Antara guru-guru yang terkenal yang merupakan tenaga pengajar, selain Tok Kenali, termasuklah Tuan Guru Haji Nik Abdullah bin Raja Zainal (murid Tuan Tabal) dan Tuan Guru Haji Idris bin Hassan.¹⁰ Kitab-kitab yang diajar termasuklah Mukhtasar sampailah kepada Ashmuni. Selain daripada itu, Tok Kenali

⁷ Dalam tahun 1918 beliau menjadi seorang anggota Sidang Pengarang *Pengasuh*, manakala Tok Kenali sebagai Ketua Pengarangnya.

⁸ Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *op. cit.*, hal. 41.

⁹ Apabila mesjid lama roboh akibat banjir, baginda (Marhum Tua Mulut Merah) telah menitahkan orang-orang besarnya supaya membangunkan sebuah mesjid kayu yang besar di tengah-tengah bandar Kota Bharu pada tahun 1867 ' (Muhammad Hussin Khali Haji Awang *Keantan dari Zaman ke Zaman*, Dian, 1969, hal. 72) "Pada 21 Ogos, 1922 baginda (Sultan Ismail) telah mencemar duli untuk meletak batu asas bagi mendirikan Mesjid Muhammadiyah yang diperbuat daripada batu ' (Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, PAP hal. 136).

¹⁰ Pada 23 Julai, 1921 Sultan Ismail mengurniakan gelaran "Datuk Mufidi" (Saad Shukri, *ibid.*, hal. 159).

mengajar juga ilmu Fiqah dengan berpandukan kitab-kitab seperti *Fatohul-Qarib*, *Tahrir* dan *Igna'*. Dalam ilmu Tafsir Al-Quran kitab yang digunakan ialah *Al-Jalalin* dan *Tafsir Jamal*. Ilmu Tasawuf (kerohanian dalam Islam) telah juga mengambil tempat utama dalam sistem pendidikan pondok yang diajar di Mesjid Al-Muhammadi.

Tok Kenali Haji Muhamad Yusuf bin Ahmad mengajar selama lima tahun di Mesjid Al-Muhammadi. Sesudah itu beliau berpindah pula ke kampung halamannya, tetapi tidak lagi mengajar di Kampung Paya, sebaliknya di Kampung Belukar tidak jauh dari Jalan Wakaf Setan, Kubang Kerian.¹¹ Pada masa itu, muridnya yang berjumlah 200 orang di Kampung Paya lima tahun sebelum itu telah meningkat menjadi 300 orang.¹² Di antara penuntut-penuntut beliau yang terkenal ialah Tuan Haji Idris Almarbawi, Tuan Guru Haji Abdul Kadir Melur, Hasbullah Bauwuk dan Tuan Guru Haji Muhamad Tawang (Haji Mat Taubah).¹³ Semasa Tok Kenali mengajar di Kampung Belukar itulah telah dikatakan bahawa seorang ulamak Mesir, Syeikh Ahmad Hijazi, Pengetua Qari (Rais Al-Qara') Mekah dan pengarang Kitab *Al-Qaulu Al-Saddid*, datang menemui beliau.¹⁴ Dalam pertemuan antara kedua orang ulamak itu Tok Kenali telah diceritakan sebagai berkata:

Kiranya ilmu Bahasa Arab, maka sayalah yang agak mendalam sehingga di Kota Suci Mekahpun, sayalah yang agak lebih.¹⁵

Kemasyhuran Tok Kenali dan kepakarannya dalam hal-hal agama, istimewa Bahasa Arab dan Fiqah, memanglah tidak dipertelagahkan lagi. Beliau pernah menjawat jawatan Ketua Pelajaran Ugama, Penolong Mufti, Anggota Dewan Ulamak, Ketua Pengarang *Kehormat* bagi majalah *Pengasuh* dan lain-lain. Malahan, Tok Kenali telah menghasilkan banyak karya-karya agama dalam Bahasa Melayu dan Arab. Antaranya ialah penterje-

¹¹ Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *op. cit.*, hal. 49.

¹² *Ibid.*, hal. 49.

¹³ *Ibid.*, hal. 51.

¹⁴ *Ibid.*, hal. 54.

¹⁵ *Ibid.*, hal. 55.

mahan sebahagian dari 'Tafsir Al-Khazin' dan 'Tafsir Ibn Kasir.' Beliau juga pernah menyusun pelajaran nahu dan saraf Arab yang kemudian diterbitkan oleh seorang muridnya, Tuan Guru Haji Ali Salehuddin, bertajuk 'Al-Darsu Alkanaliah',¹⁶ dan 'Mudhil Kamel Fi Ilmu', iaitu tentang ilmu saraf Arab dalam Bahasa Arab dan diterbitkan di Mutabaah Assasiah dalam tahun 1931.¹⁷

Tok Kenali Haji Muhamad Yusuf sebenarnya bukan saja seorang ulamak yang disegani ramai kerana karya-karya agama dan jawatannya, malahan juga kerana rencana-rencana beliau mengenai politik dan sosial yang dimuat dalam majalah-majalah Pengasuh dan Al-Hidayah.

... Haji Muhamad Yusuf banyak menulis beberapa artikel dalam majalah Pengasuh dan Al-Hidayah yang bukan saja bersifat agama, tetapi pandangan-pandangan politik. Antara pandangan politik beliau ialah tentang kemajuan bangsa Melayu bolehkan menyamai bangsa Eropah, Amerika dan Jepun? Apakah takrif Melayu dari perkataan 'me' - 'layu' kah?¹⁸

Beliau menimbulkan persoalan apakah 'layu' atau 'Melayu' itu ertinya 'lari' dari Bahasa Jawa. Beliau menggesa ahli-ahli bahasa agar perkara ini dikaji dengan teliti. Tok Kenali sendiri pula memberi pandangannya bahawa 'Melayu' bukan daripada perkataan 'layu' atau 'lari'. Tetapi beliau tidak pula memberi jawapan atau alasannya.¹⁹

Zaman yang agak mencabar dalam sejarah perkembangan agama Islam dan kebangkitan ulamak-ulamak di Kelantan barangkali ialah zaman munculnya seorang ulamak yang bernama Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad Tabal.²⁰ Beliau mendapat di-

¹⁶ *Op. cit.*, hal. 64-65.

¹⁷ Kertas Kerja Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi dalam Hari Sastera PPK-Gapena, Kota Bharu pada 1-3 Ogos, 1972, bertajuk *Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung*, hal. 2.

¹⁸ Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, hal. 3.

¹⁹ Interview dengan Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi di Pasir Mas 13 Mei, 1972.

²⁰ Haji Wan Musa ialah anak Tuan Haji Abdul Samad Tabal (Tuan Tabal). Tiga orang anak lelakinya yang terkenal dan akan saya bicarakan sekejap lagi termasuklah Haji Nik Abdullah, Ustaz Mahyudin (Guru Besar Kolej Islam Kelang sekarang) dan Allahyarham Haji Muhamad Salleh.

²¹ Meninggal dunia di Mekah, tahun 1906.

dikan di Mekah dari guru-guru agama yang terkenal, antaranya ialah Haji Wan Ahmad Pattani,²¹ di mana beliau mempelajari ilmu Sufiah atau Mazhab Wahdatul Wujud Mahyuddin ibn Al-Arabi. Amalan tariqat dipelajarinya daripada Mazhab Ahli Hasan Shazali. Haji Wan Ahmad Pattanilah yang dikatakan bertanggungjawab menanam semangat yang dinamis dan radikal kepada Haji Wan Musa.²² Hal ini menyebabkan Haji Wan Musa cenderung ke arah ilmu kemasyarakatan dan politik yang dilihat dari kacamata Islam.²³

Dalam tahun 1908, ketika berusia 34 tahun, Haji Wan Musa dilantik menjadi Mufti Kerajaan Kelantan di bawah pemerintahan Sultan Muhammad IV, Tuan Long Senik, iaitu suatu kedudukan yang paling tinggi dalam Jabatan Agama Islam.²⁴ Oleh kerana beberapa orang alim ulamak dan pembesar-pembesar negeri ketika itu tidak menyetujui dengan beberapa fatwanya yang radikal, maka keruncingan dalam perhubungan antara beliau dan alim ulamak serta pembesar-pembesar negeri telah berlaku.²⁵ Antara fatwa-fatwanya ialah sikapnya yang menentang keputusan *Majlis Ugama Islam*²⁶ untuk memungut dan menggunakan wang zakat fitrah bagi membina sebuah mesjid batu Muhammadi di Kota Bharu yang memakan belanja yang sangat besar. Hujah Haji Wan Musa ialah bahawa zakat fitrah adalah hak bagi orang-orang miskin dan kalau hak ini digunakan untuk keperluan-keperluan lain, maka bererti sebahagian besar dari hak tersebut telah dinafikan kepada mereka. Sejak itu Haji Wan Musa dimusuhi oleh ulamak-ulamak dan pembesar-pembesar, antaranya Datuk Perdana Menteri Haji Nik

²² Berdasarkan tulisan Haji Nik Muhamad Salleh kepada W.R. Roff. (Lihat Alias Muhammad, "Sarjana-sarjana asing menerbitkan essei-essei mengenai Kelantan", *Berita Minggu*, 9 Ogos, 1970 dan Penjelasan W.R. Roff terhadap tulisan Alias Muhammad, *Berita Minggu*, 30 Ogos, 1970).

²³ Interview dengan Haji Nik Muhamad Salleh bulan Ogos, 1970.

²⁴ *Majlis Ugama Islam Kelantan* ditubuhkan 24 Disember, 1915.

²⁵ Setengah-setengah pendapat berkata konflik tersebut adalah suatu usaha hendak menyingkir Haji Wan Musa dari menduduki kedudukan yang penting itu. Sultan Muhammad IV haruslah dipengaruhi oleh golongan itu. Ini harus ada kebenarannya pula kerana sesudah baginda mangkat tahun 1920 Haji Wan Musa yang sejak 1916 merantau ke Trengganu, kembali menetap di Kota Bharu.

²⁶ Oleh kerana *Majlis Ugama Islam* tidak ditubuhkan sehingga 24 Disember 1915, maka sengketa itu haruslah berlaku di antara tarikh itu dengan 1916.

Mahmud bin Ismail yang menjadi Perdana Menteri²⁷ dalam tahun 1915, dan sejak mesjid batu itu didirikan dalam tahun 1921 ia tidak pernah menjejak kakinya sampai akhir hayatnya (1939).

Sengketa mengenai wang zakat fitrah untuk pembinaan mesjid itu menyebabkan Haji Wan Musa bertindak meletakkan jawatannya sebagai Mufti dalam tahun 1916. Oleh kerana Haji Wan Musa merasakan kedudukannya di Kelantan ketika itu diancam oleh satu golongan tertentu dalam bureaucracy Kerajaan Kelantan, maka sejak dari masa perletakan jawatannya dalam tahun 1916 ia telah berulang-alik ke Trengganu di mana ia dberi penghormatan oleh Menteri Besar Trengganu, Datuk Amar Diraja Haji Ngah. Di sanalah Haji Wan Musa memperluaskan ajaran tariqat Ahmadiyah Shazaliah.

Dalam tahun 1920 Haji Wan Musa kembali menetap di Kota Bharu. Sultan Kelantan pada masa itu ialah Sultan Ismail yang menggantikan ayahandanya. Sultan Muhammad IV, pada 23 Disember, 1920. Sungguhpun ketika itu musuh-musuh lamanya masih menentang beliau, tetapi Haji Wan Musa mendapat layanan baik daripada Sultan Ismail. Ini membolehkannya memainkan peranan secara perseorangan di kalangan kerabat diraja. Haji Wan Musa melihat pada waktu itu satu golongan pembesar negeri cuba merangkum jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran negeri itu.²⁸ Hal ini ada kebenarannya pula memandangkan bahawa dengan kemasukan sistem British Adviser pada tahun 1909 suatu pemerintahan bureaucracy moden telah tercipta yang mengakibatkan hilangnya kuasa golongan aristokrat tradisional. Sementara itu muncul pula satu golongan para pembesar dengan mengambil peluang dari wujudnya bureaucracy moden untuk mengukuhkan kedudukan mereka.

Bureaucracy moden telah memberi kesan-kesan tertentu ke atas golongan aristokrat tradisional Kerabat-kerabat diraja dan pembesar negeri yang berkuasa dan berpengaruh dalam zaman tradisional dulu, didapati hilang kuasa dan kuatkuasa kerana bureaucracy moden memerlukan orang-orang yang terdidik untuk memegang ja-

²⁷ Menteri Besar.

²⁸ Berdasarkan tulisan Haji Nik Muhamad Salleh kepada W.R. Roff.

watan-jawatan bureaucracy. Walau bagaimanapun, kerabat-kerabat diraja yang tali perhubungan kekeluargaan mereka dengan Sultan masih rapat, menerima elaun-elaun dari Kerajaan.

Para pembesar dari golongan aristokrat, sebaliknya, seperti Datuk-Datuk mengambil peluang ini untuk menghantar anak-anak mereka belajar ke luar negeri dengan harapan anak-anak mereka itu akan diberi jawatan-jawatan administratif dalam negeri. Oleh kerana itu, tidak hairanlah kalau kita dapati sekarang ini semua jawatan-jawatan penting dalam bureaucracy Negeri Kelantan dipegang oleh keturunan dari golongan ini.²⁹

Oleh sebab itu, untuk menyedarkan kerabat diraja dari bahaya kehilangan kuasa akibat tidak mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak raja, sedangkan satu golongan pembesar³⁰ berusaha bersungguh-sungguh untuk menguasai pentadbiran negeri Kelantan dan mewujudkan serta mengekalkan amalan 'nepotism' di dalam pentadbiran negeri itu, Haji Wan Musa telah menasihatkan Tengku Bendahara supaya menghantar anaknya, Tengku Khalid, belajar di luar negeri. Tengku Besar Indera dan Tengku Muda Hassan digalakkan supaya anak-anak mereka, Tengku Abdul Majid dan Tengku Abdullah, mendapat didikan sebarang laut. Kerabat-kerabat diraja diingatkan bahawa sekiranya mereka tidak menghantar anak-anak mereka belajar ke luar negeri, mereka akan kehilangan kuasa kepada satu golongan pembesar-pembesar. Kesedaran ini menyebabkan Tengku Muda Hassan mengirimi anaknya, Tengku Abdullah, ke England bagi menuntut ilmu Undang-Undang hingga mendapat ijazah.

"Pada 27 April 1931 Tengku Indera Petra, anakanda saudara

²⁹ A Rashid Ahmad, *Bureaucracy Negeri Kelantan*, Microfilem No. 852.2.

³⁰ Golongan pembesar yang dimaksudkan oleh Haji Wan Musa ialah Datuk Perdana Haji Nik Mahmud bin Ismail (Tulisan Haji Nik Muhamad Salleh bin Haji Wan Musa kepada W.R. Roff). Datuk Perdana mengirimi anaknya, Nik Ahmad Kamil, ke London pada 13 September 1926 untuk menuntut ilmu Undang-undang, sementara adik Nik Ahmad Kamil, Nik Mustapha Fadhl, dikirim ke Mesir. "Nik Kamil kembali ke Kelantan pada 10 Januari 1931 dan diberi gelaran 'Datuk Sri Setia Raja' dan berjawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Nik Mustapha Fadhl kembali dari Mekah pada 9 Januari 1930. Beliau dilantik menjadi Ketua Jajahan Pasir Puteh (1938)" (Lihat Muhamad Yusuf bin Salleh Al-Kelantan, *Majalah Sinaran Kelantan*, Jilid 1, 21 Mac 1938, Microfilem No. 630.2). Menurut fahaman setengah setengah pihak dengan mengirimi Nik Ahmad Kamil ke England dan Nik Mustapha Fadhl ke Mesir, Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmud berharap Nik Ahmad Kamil akan pulang memegang jawatan Menteri Besar Kelantan dan Nik Mustapha Fadhl sebagai Mufti, yang demikian seluruh negeri Kelantan seolah-olah diletakkan di bawah kekuasaan keluarga Datuk Perdana.

PERPUSTAKAAN MAB ASSIDIQ

ra Sultan Kelantan berangkat ke Eropah".³¹ Beliau pulang pada 21 Julai, 1934 dan kemudian meneruskan lagi pelajarannya bagi kedua kalinya ke Eropah pada 1 November tahun itu.

Pertentangan pendapat antara Haji Wan Musa di satu pihak dan ulamak-ulamak serta pembesar-pembesar Kelantan di satu pihak yang lain tidak berakhir dengan perletakkan jawatannya sebagai Mufti dalam tahun 1916 itu saja, kerana dalam tahun 1937 telah berlaku satu perdebatan terbuka yang bersejarah di antara ulamak-ulamak di negeri itu.

Perdebatan agama³² yang kemudiannya dikenali dengan gelaran 'Fatwa Anjing' ini berpunca dari permintaan Raja Kelantan yang meminta pandangan alim ulamak berhubung dengan sama ada orang-orang Islam boleh memelihara anjing.

Ulamak-ulamak Kelantan telah mengeluarkan pendapat yang bertentangan mengenai masalah ini. Haji Wan Musa telah muncul dengan pendapatnya bahawa anjing itu suci (tidak najis), boleh dipelihara dan tidak perlu disamak (suci) bekas air mulutnya. Hukuk ini telah ditentang hebat oleh kebanyakan alim-ulamak, terutama Mufti Kelantan ketika itu, Haji Ibrahim Penambang,³³ dan Haji Ahmad Mahir. Maka jalan yang telah dipilih ialah dengan menganjurkan suatu Majlis Muzakarah di Istana Seri Chemerlang. Apa yang menarik berhatian di majlis perdebatan itu ialah Haji Wan Musa telah dibantu oleh Dr. Burhanuddin El-Hilmi dan Qadhi Besar Singapura, Haji Abas Tahar, sementara Mufti Haji Ibrahim dibantu oleh Haji Ahmad Mahir, keduanya adalah ulamak besar Kelantan ketika itu.

Haji Wan Musa telah menekankan dalam masalah talfiq, iaitu bertaklid kepada semua Imam Mujtahid pada satu ketika dalam masalah-masalah yang perlu untuk memudah atau menyenangkan beramal.

Sungguhpun, tidak ada keputusan yang dicapai di majlis perbahasan itu, sama ada anjing itu najis atau tidak, namun untuk membuktikan kepada umum bahawa anjing itu tidak najis Haji

³¹ *Sinaran Kelantan, ibid.*

³² W.R. Roff memuat tulisan Haji Nik Mohamad Salleh (anak Haji Wan Musa) mengenai perdebatan ini dalam sebuah kumpulan tulisan mengenai Kelantan, atas tajuk *Theological Debates*. Lihat W.R. Roff, (ed.) *Kelantan: Religion, Society and Politics In a Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974.

³³ Ayah kepada Mufti Haji Nor sekarang.

Abas Tahar telah mendukung seekor anjing dalam kereta bersama-sama Haji Wan Musa sambil mengelilingi bandar Kota Bharu.³⁴ Hasil dari perbincangan itu juga Haji Abas Tahar, Haji Wan Musa dan Dr. Burhanuddin telah membukukan sebuah risalah bertajuk '*Risalah Penting pada Masalah Jilatan Anjing di atas Empat-Empat Mazhab*' yang dicetak di Ahmadiyah Press, Singapura dalam tahun 1937.

Perjuangan Haji Wan Musa diteruskan oleh anaknya, Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa (1900–1935), yang memulakan pengajarannya dalam tahun 1934 setelah tamat pelajaran di Mekah. Haji Nik Abdullah menerima pelajaran asas dari bapanya sendiri. Beliau sempat belajar dari Haji Muhamad Yusof Kenali, kemudian mempelajari kitab-kitab hadis, filsafat dan mantik daripada seorang ulamak yang terkenal dalam tahun 1920an di Kelantan, iaitu Sayid Hassan Al-Khurasani Deoband (Tok Khurasan).

Sayid Hassan Al-Khurasani adalah murid Maulana Mahmud Al-Hassan Sheikh ul-Hind. Dalam tahun 1926 Haji Nik Abdullah menyambung pelajarannya ke Mekah dan berguru kepada Sheikh Umar Hamdan, Sheikh Ali Maliki dan Abu Samad Al-Zahiri. Guru yang paling mursyid yang mengasuh beliau ialah Hakim ul-Islam Maulana Ubaidillah Al-Sindhi.³⁵

Pengajaran-pengajaran Ubaidillah Al-Sindhi inilah yang membawa Haji Nik Abdullah kepada semua cawangan ilmu-ilmu syariat dengan secara tahkik dan tafakkuh sehingga beliau disebut "Waliyul Lik-Hiyah", yang dibincangkan kepada Hadhrat ul-Imam Al-Syah Waliyullah Al-Dihlawi. Di dalam surat ijazah daripada gurunya, Ubaidillah Al-Sindhi, kepada beliau bertarikh 29 Zulke'dah 1351H, Haji Nik Abdullah dinyatakan sebagai berkebolehan di dalam ilmu syariah yang mencapai martabat Al-Ulama ul-Rashikin dan seorang yang hakim dalam pengetahuan Islam – suatu taraf yang belum lagi dikurniakan kepada seorangpun anak Kelantan khususnya dan di Persekutuan Tanah Melayu umumnya sebelum beliau.³⁶

³⁴ Interview dengan Haji Nik Mohd. Salleh, 1971.

³⁵ *Op. cit.*

³⁶ Tulisan Haji Nik Muhd. Salleh kepada W R. Roff.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa kemasyhuran nama Haji Nik Abdullah telah menimbulkan suatu penerimaan yang bertentangan di Kelantan sebagai lanjutan dari penentangan-penentangan yang pernah ditujukan kepada bapanya, Haji Wan Musa. Hal ini bersangkutan dengan kebimbangan setengah-setengah pihak terhadap jawatan Mufti Kelantan, yang waktu itu dalam perebutan. Kemasyhuran namanya memungkinkan Haji Nik Abdullah mendapat jawatan itu, padahal pada waktu itu dua orang lepasan Mesir disebut-sebut sebagai calon Mufti yang 'potential'. Mereka ialah Datuk Nik Mustafa Fadhil bin Haji Nik Mahmud dan Haji Ahmad bin Haji Ismail atau lebih terkenal dengan nama Tok Kemuning.

Kira-kira dalam tahun 1928 Datuk Perdana Menteri Haji Nik Mahmud melawat ke Mesir dan naik haji ke Mekah. Dalam tempoh lawatan itulah Haji Nik Abdullah dikatakan telah dikecam oleh musuh-musuhnya yang mendakwa beliau menyibar ajaran yang salah.³⁷ Haji Nik Abdullah meninggal dunia dalam tahun 1935 dalam usia yang sangat muda iaitu 35 tahun. Kematian beliau menimbulkan keredaan dalam pertentangan merebut jawatan Mufti Kelantan.

³⁷*Op. cit.*

3 Sekolah Majlis Ugama Islam

Sebagaimana pentingnya persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan politik dan semi-politik dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an di Kelantan, maka demikian jugalah besar ertinya *Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*¹ dalam tahun 1920an.

Kalau dalam dekad pertama abad ini kita telah menyaksikan suatu sistem pendidikan ugama yang berdasarkan sistem pondok,² maka mulai awal dekad kedua abad ini yang ditandai oleh penubuhan *Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* pada 24 Disember 1916, sistem itu mulai berubah. Apa yang lebih penting mengenai penubuhan *Majlis Ugama Islam* ini ialah

¹ By the second decade of the twentieth century Malaya was equipped with extensive machinery for governing Islam. Most states possessed a central organization of some description, whether in the form of the Council of Chiefs and Ulama in Perak or the Council of Religion and Malay Custom in Kelantan, to exercise overall control of religious matters'. W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, *Pustaka Ilmu*, hal. 73.

² Menurut Ustaz Yusuf Zaki Yaakub dalam satu interviu pada 12 November 1972 orang yang mula-mula merombak sistem pondok dan yang menentang sistem dan amalan pengajaran Nahu ialah Sayid Hassan Al-Khurasani Doeband, seorang ulamak yang berasal dari India. Sayid Hassan atau Tok Khurasan menetap di Kampung Sireh, Kota Bharu selepas Perang Dunia Pertama. Ustaz Yusuf Zaki sendiri dan Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa adalah murid Tok Khurasan. Beliau juga menentang aliran fikah kerana tidak belajar dari hadis sendiri. Di samping itu, ia juga merupakan seorang ulamak yang boleh bertutur, selain Urdhu, dalam bahasa-bahasa Parsi, Arab, Melayu dan Inggeris. Beliau pernah mengumpul istilah-istilah Bahasa Melayu dan menceritakan asal-usul bahasa itu.

bukan saja dasar dan tujuannya³ mencerminkan pentadbiran bureaucracy kecil yang wujud dalam sistem bureaucracy Inggeris yang lebih luas, di mana sistem yang bercorak 'centralized' lebih diutamakan, akan tetapi juga yang lebih menggalakkan ialah cita-cita *Majlis Ugama Islam* yang meletakkan kepentingan kepada pendidikan agama dan pelajaran 'secular' di dalam perspektif yang lebih meyakinkan.

Satu ciri terpenting dari penubuhan *Majlis Ugama Islam* ialah adanya usaha-usaha yang giat untuk melahirkan golongan intelektual dan elite Melayu mulai dalam tahun-tahun 1920an, melalui sistem pendidikan Majlis, di mana antara tujuannya ialah untuk mengadakan sekolah-sekolah agama, Melayu dan Inggeris. Hal ini adalah suatu percubaan yang berani jika dibandingkan dengan keadaan masa itu, di mana nilai-nilai duniawi (secularism) masih tidak dapat diterima umum.

Ketika meresmikan pembukaan Majlis tersebut, Sultan Kelantan, Sultan Muhammad IV, bertitah:

Maka Majlis ini satu tangga bagi saudara-saudara kamu kepada pengetahuan kerajaan kita, maka wajiblah kamu pelihara serta meletakkan didalam ingatan hati kamu yang ditulis dengan fikiran kamu tentang berkhidmat dengan negeri kita. Mudah-mudahan bertambah besarlah keuntungan kamu dan anak-buah kamu di hari kemudian . . . Maka wajiblah atas kamu berusaha menjulangkannya dengan anggota kamu, dengan harta benda kamu, dengan pengetahuan kamu dan dengan hati kamu yang bersekutu, mudah-mudahan dengan jalan ini akan terangkat Kelantan setaraf dengan negeri-negeri yang bertamadun⁴

Ini membayangkan dengan jelas keazaman dan cita-cita *Majlis* khususnya untuk melahirkan cerdik pandai Melayu agar mampu meletakkan negeri itu ke taraf yang maju dan terkenal. Dan jika

³ . . . Pada mulanya ia ditubuhkan, Majlis ini adalah mentadbir dan menguruskan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu, menguruskan pemungutan zakat dan fitrah, membangun dan membaiki mesjid-mesjid dan surau-surau, mendirikan sekolah-sekolah agama dan menggalakkan perkembangan pelajaran (termasuk Bahasa Inggeris); juga menjaga harta-harta wakaf dan perkuburan" (Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, PAP hal. 122).

⁴ Saad Shukri, *op. cit.*, hal. 125.

ini dibandingkan dengan keadaan masa itu, sikap segolongan besar ulamak-ulamak pondok dan rakyat umumnya, maka bolehlah dikatakan ia merupakan suatu perubahan yang sangat radikal dalam usaha hendak memberi pelajaran kepada rakyat. Sikap ibu bapa sendiri telah menyatakan ketidak-senangan terhadap anak-anak mereka yang mulai meroboh tradisi bersawah dan amalan mengabdikan diri kepada tanah sebagaimana orang tua mereka.

As late as the mid-1920's, the general atmosphere was one of distrust and apathy, as parents grudged sparing their children from domestic tasks.⁵

Sekolah Majlis yang pertama didirikan dalam bulan Ogos 1917, kira-kira lapan bulan sesudah *Majlis* ditubuhkan. Sekolah ini memberi pelajaran 'secular' dan agama serentak, tetapi ia telah membuktikan kejayaannya apabila pada akhir tahun itu seramai 310 orang murid telah masuk belajar. Dalam tahun 1920 *Majlis* menubuhkan empat buah sekolah, masing-masing di Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutan dengan bilangan murid seramai 541 orang. Di Kota Bharu saja bilangan murid seramai 351 orang.⁶ Dalam tahun 1922 bilangan murid di sekolah-sekolah kelolaan *Majlis* di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutan ialah seramai 160 orang, sementara di Kota Bharu terdapat cuma 72 orang murid.⁷ Hal ini haruslah disebabkan oleh kekurangan peruntukan yang dapat disediakan oleh *Majlis*. Dalam '*Kelantan Administration Report*', 1924, ada disebut:

The *Majlis* Uagama, owing to shortage of funds found it necessary to reduce its expenditure by closing its out-station school⁸

Tetapi dalam tahun 1922 *Majlis* berjaya mengadakan seramai 336 orang murid dan enam orang guru dan sekolah ini ialah Sekolah Inggeris *Majlis*.⁹ Satu kejayaan besar sekolah-sekolah yang

⁵ Chan Su-Ming, *Kelantan and Trengganu, 1909-1939*, hal. 181.

⁶ Thomson, H W British Adviser, *Kelantan Administration Report, 1920*, FMS Government Printing Office, 1921.

⁷ Worthington, A.F., British Adviser, *Kelantan Administration Report, 1922*, FMS Government Printing Office, 1923.

⁸ Eckhardt, H C., Acting British Adviser, *Kelantan Administration Report, 1924*, Government Printing Office, Singapore, 1925.

⁹ Worthington, A F., *op. cit.*

ditadbirkan oleh Majlis ialah dalam tahun tersebut dalam tempoh enam tahun *Majlis* ditubuhkan 9 orang muridnya telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke Maktab Melayu Kuala Kangsar.¹⁰

Dua tahun kemudian, dalam tahun 1924, disebabkan oleh kekurangan perbelanjaan untuk membiayai sekolah-sekolah di bawah pentadbirannya, *Majlis* telah menutup sekolah-sekolah di luar Kota Bharu. Tetapi, sebuah Sekolah Melayu yang besar yang mengandungi seramai 272 orang murid dan sebuah Sekolah Inggeris yang mengandungi 66 orang murid dapat dikekalkan di Kota Bharu.¹¹ Dua orang murid sekolah kelolaan *Majlis Ugama* juga dikirim ke Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun itu disamping lima orang murid sekolah-sekolah yang ditadbirkan oleh Kerajaan.¹²

Dalam tahun 1930 jumlah murid di Sekolah Inggeris yang dikelolakan oleh *Majlis Ugama* ialah seramai 228 orang yang mempunyai rekod kedatangan harian berjumlah 89%.¹³ Jika dibandingkan dengan keadaan masa itu, purata kedatangan ini sangat memberangsangkan.

Di samping itu, dalam tahun 1930, *Majlis Ugama Islam* juga dapat mengekalkan sebuah Sekolah Melayu di Kota Bharu dengan jumlah murid seramai 378 orang.¹⁴ Laporan tahun itu ada menyebut bahawa seramai 14 pelajar daripada Kelantan telah dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, pada akhir tahun itu.¹⁵ Tidaklah diketahui berapa orang dari bilangan ini yang terdiri daripada murid-murid Sekolah Majlis. Dua orang penuntut yang dilatih di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (F.M.S.) sebagai mekanik di Jabatan Pos dan Taligraf. telah kembali ke Kelantan pada tahun itu setelah lulus.¹⁶ Se-

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Eckhardt, *op. cit.*

¹² *Ibid.*

¹³ Haynes, A S., British Adviser, *Kelantan Administration Report, 1930*, Al-Asasiyah Press Company, 1931.

¹⁴ *Op. cit.*, hal. 31.

¹⁵ *Op. cit.*

¹⁶ *Op. cit.*, hal. 32.

orang lagi penuntut Kelantan telah juga dikirim ke F.M.S. untuk mendapat latihan dalam bidang Kehutanan (Forestry), sementara dua penuntut lain dari negeri itu dihantar ke Sekolah Perdagangan (Trade School) di Kuala Lumpur.¹⁷ Siapakah penuntut-penuntut ini tidak dapat diketahui, tetapi kemungkinannya ada bahawa kalau murid-murid *Majlis* pernah dikirim ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, maka bukanlah tidak mungkin penuntut-penuntut yang dikirim mendapat latihan itu ada yang terdiri daripada murid-murid *Majlis Ugama* atau bekas murid sekolah-sekolah *Majlis Ugama*.

Seorang bekas murid sekolah yang ditadbir di bawah *Majlis Ugama* dan pelajar Melayu yang pertama dari Kelantan yang dikirim belajar ke England ialah Nik Ahmad Kamil.¹⁸ Dalam bulan Disember 1930 Nik Ahmad Kamil kembali ke Kelantan selepas lulus Ilmu Undang-Undang di Lincoln's Inn dan Universiti Bristol.

Dalam tahun 1931 pula jumlah murid di sekolah-sekolah kelolaan *Majlis Ugama* semakin meningkat. Di *Sekolah Melayu Majlis* di Kota Bharu bilangan murid ialah 541 orang, 424 murid laki-laki dan 117 perempuan di akhir tahun itu, berbanding dengan cuma 378 orang di awal tahun.¹⁹

Jumlah murid di *Sekolah Inggeris Majlis Ugama* ialah 204 orang pada akhir tahun itu, dua daripadanya ialah murid perempuan.²⁰ Dalam tahun itu Laporan Tahunan menyebut:

Owing to the absence of a Government English School in Kelantan, the practice has been to send selected boys for English Education to Kuala Kangsar, Singapore and Penang . . .²¹

Ini membenarkan kita membuat kesimpulan bahawa 'selected boys' itu haruslah datang dari Sekolah-Sekolah Melayu Kerajaan dan *Majlis Ugama*, sementara dari Sekolah Inggeris Majlis pula peluang-peluang ini tentulah terbuka kepada mereka walaupun

¹⁷ *Op. cit.*

¹⁸ *Op. cit.*, hal. 31.

¹⁹ Haynes, A.S., *Kelantan Administration Report, 1931*, hal. 44.

²⁰ *Ibid.*, hal. 45.

²¹ *Ibid.*

kita harus mengakui dasar sistem pentadbiran Inggeris masa itu tidak mendedahkan pintu terlampau luas kepada anak-anak Melayu untuk melanjutkan pelajaran. Laporan Tahunan untuk tahun 1930 memberi gambaran yang jelas mengenai perkara ini:

At the same time the central fact to be borne in mind as regards education policy is that Kelantan is an agricultural State and that the future economic prosperity and happiness of its people will turn largely on the maintenance of the State as an agricultural unit of its people as an agricultural people . . . The majority of the people will remain workers on the land and will not therefore require a knowledge of the English Language. An English education for the majority of the inhabitants will not be conducive to the happiness of the people or the welfare of the State. The State doesn't want its people to gravitate to the towns and to acquire a smattering of English such as is represented by the winning of a Junior Cambridge Certificate and with it a contempt for manual labour. Rather it is to be desired that the peasant be equipped mentally and physically to carry out the work of his forefathers more efficiently and with better results. The schools of Kelantan must not be dominated by a course of instruction designed for urban classes: and the removal of illiteracy and the teaching of elementary agriculture must be the aim an object of all vernacular schools.²²

Tidak hairanlah kalau dari jumlah 745 orang murid *Sekolah Majlis* (Melayu dan Inggeris) di Kota Bharu dalam tahun 1931 dan 3,659 murid Sekolah Melayu Kerajaan dalam tahun yang sama cuma beberapa orang saja yang berjaya melanjutkan pelajaran,²³ baik dalam negeri (termasuk F.M.S.) mahupun ke luar negeri. Hal ini adalah suatu hal yang sangat mengecewakan jika dibandingkan dengan jumlah penduduk orang-orang Melayu seramai 350,526 menurut Census tahun 1938.²⁴ Ini bermakna cuma 1% saja mendapat pelajaran dan yang mendapat pelajaran tinggi dan latihan professional tentulah lebih kecil lagi.

Walau bagaimanapun, satu perkara adalah jelas, iaitu sekolah-sekolah kelolaan *Majlis Ugama* sejak 1917 menan-

²²Haynes, *op. cit.*, hal. 30-31.

²³Di antara yang melanjutkan pelajaran ke England ialah Nik Ahmad Kamil, Tengku Indera Putera dan Tengku Abdullah bin Tengku Hassan, kesemuanya untuk menuntut dalam jurusan Ilmu Undang-Undang. 9 orang meneruskan pelajaran ke MCKK (1922) dan 2 orang lagi dua tahun kemudian. Dalam tahun 1930 seramai 14 orang telah dikirim ke MPSI dan di antaranya haruslah ada bekas murid Sekolah Majlis.

²⁴Chan Su-Ming, *op. cit.*

dakan bermulanya suatu tempoh baru, bukan saja dalam kesedaran untuk memberi pelajaran kepada anak-anak Melayu, akan tetapi yang lebih penting pelajar-pelajar *Sekolah Majlis* merupakan 'forerunners' kepada kebangkitan golongan pergerakan sosio-politik Melayu negeri itu dalam tahun-tahun berikutnya, sebagaimana kata Roff:

It was left to the vernacular school system to give birth in the 1920s to the nucleus of a politically more radical, Malay-educated intelligentsia primarily of teachers and journalists.²⁵

Sementara itu *Sekolah Inggeris Majlis* pula, sunnguhpun tidak dapat mengambil-alih jawatan-jawatan tinggi dalam sistem pentadbiran Inggeris di negeri itu yang hampir kesemuanya dibolot oleh pegawai-pegawai Inggeris, namun pelajar-pelajarnya telah dapat diresapkan ke dalam jabatan-jabatan pentadbiran.

Among the English Schools was the Majlis Uqama Islam, a body somewhat similar to the Queen Anne's bounty, which deals with matters relating to the faith of Islam, and provides classes for instruction in elementary English and in the Malay Language, as well as in religious subjects. The institution is the only one which has held classes in English since 1916 without a break, and it is from among its pupils that Government has hitherto selected most of the boys whom it has sent to Malayan institution elsewhere, such as the Malay College at Kuala Kangsar and the Penang Free School, for the staffing of its administrative departments.²⁶

Di antara yang mendapat didikan *Sekolah Majlis* termasuklah Mohamad Asri bin Haji Muda, Haji Ishak Lufti, Nik Hassan Hj. Nik Yahya, Nik Yusuf Hilmi, Abdul Kadir Adabi, Cikgu Abdul Hamid, Abu Bakar Al-Muhammadi, Ustaz Yusuf Zaki Yaakub, Ustaz Haji Wan Mahmud dan ramai lagi.

Dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an akan dapat dilihat ada di antara mereka ini yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan pertubuhan-pertubuhan politik dan semipolitik di Kelantan. Dan dalam tahun 1940an dan awal 1950an pula mereka-mereka dalam golongan inilah yang melibatkan diri dalam gerakan memperjuangkan cita-cita partai politik dan pembebasan tanah air.

²⁵ Roff. W.R., *op. cit.*, hal. 126.

²⁶ De Moubray, G.A. de C., Acting British Adviser to the Government of Kelantan, *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the year 1936*, Cheong Fatt Press, Kelantan, 1937, hal. 40.

PERPUSTAKAAN MAB ASSIDDIQ

PERPUSTAKAAN
MASJID ABU BAKAR ASSIDDIQ
BANGSAR, K. I.

4 Majalah Pengasuh

Di antara tahun-tahun 1918 hingga 1941 Kelantan telah menerbitkan sebanyak dua belas buah majalah dan suratkhobar, iaitu sebelas di Kota Bharu dan sebuah di Pasir Puteh.

Akhbar dan majalah yang pernah diterbitkan di Kota Bharu ialah *Pengasuh* (dari 11 Julai 1918 hingga 23 Disember 1937), *Al-Kitab* (September (?) hingga November, 1920), *Al-Hedayah* (Jun 1923 hingga Februari 1926), *Putera* (1 Oktober 1929 – ?), Majalah *Al-Kamaliah* (1 Januari 1930 – ?), *Kencana* (April 1930 – 1931), *Suara* (12 Mac 1931 hingga ?), *Al-Hikmah* (1 April 1934 hingga 1941), *Sinaran Kelantan* (Jun 1938), *Al-Riwayat* (1 November 1938 hingga akhir 1939) dan *Cetera Kelantan* (1941 ?). Penerbitan yang wujud di Pasir Puteh ialah *Terot* yang muncul pada 15 Mac 1927, yang diusahakan oleh sebuah pertubuhan bernama *New Club*.

Di antara penerbitan-penerbitan ini yang penting dan mampu mengisi buah fikiran yang dinamis dan kadang-kadang revolusioner ialah *Pengasuh* dan *Al-Hikmah*. Tetapi di dalam perbandingan ini kita menumpukan kepada majalah *Pengasuh* saja.

Jika dilihat pada tarikh majalah-majalah dan akhbar-akhbar itu diterbitkan nyatalah *Pengasuh* merupakan sebuah majalah yang tertua di Negeri Kelantan. Wujudnya berkebetulan dengan suatu keadaan di mana seluruh dunia Islam sedang mempersoalkan 'approach' dan pelaksanaan dalam perspektif dan rangka mo-

¹ Saad Shukri, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, P.A.P., 1971, hal. 195.

denis-reformis. Tetapi yang benar-benar bertanggungjawab menerbitkan majalah itu dalam tahun 1918, ketika *Kaum Muda* rata-rata mendapat tentangan hebat dari *Kaum Tua*, ialah *Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Anggota pengarang *Pengasuh* terdiri daripada mereka yang terkenal dengan sikap yang dinamis dan progresif seperti Tok Kenali Haji Muhammad Yusuf dan Datuk Laksamana Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said. Majalah ini juga merupakan warta *Majlis* dan dikeluarkan setiap hari Isnin dengan harga sepuluh sen senaskah.

Datuk Laksamana yang mendapat didikan Mesir dikatakan turut bersimpati dengan perjuangan Muhammad Abduh. Perjuangan inilah yang membangkitkan kesedaran terhadap kepincangan-kepincangan yang ada dalam masyarakat Melayu dan berusaha pula untuk memperbaikinya. Pengarang-pengarang *Pengasuh* sebelum Perang Dunia Kedua ialah Hassan bin Haji Omar Penambang, Kadir Adabi, Mohammad Adnan bin Mohamad Ariffin, Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Daud dan Datuk Mufti Haji Muhammad Mahir.

Beberapa orang dari Indonesia juga turut terlibat dalam memberi sumbangan kepada *Pengasuh*, seperti Haji Muhammad Yusuf Lubis dari Sumatra. Beliau pernah menyindir Inggeris kerana mengamalkan dasar pilih bulu terhadap pegawai-pegawai Melayu. Yang lain-lain ialah Tuan Sheikh Tahir Jallalludin dan Tuan Haji Zainal Abidin bin Ahmad atau Zaaba yang sangat rapat dengan Tok Kenali.

Sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah majalah yang cuba membawa perubahan sosial dalam masyarakat Melayu, *Pengasuh* telah menggalakkan orang-orang Melayu supaya mengikuti perkembangan dalam majalah dan akhbar seperti *Al-Ikhwān*, yang mempunyai cita-cita yang sama dengan *Pengasuh*.² Beberapa Majalah lain juga turut terpengaruh dengan *Pengasuh*. *Al-Hedayah*, umpamanya, telah menyuarakan sikapnya demikian:

Sila saksi di dalam tiap-tiap negeri yang di bawah langit Semenanjung Melayu ini. Siapa yang telah menjadi tuan? Siapa yang telah menjadi pentadbir? Siapa yang telah menjadi saudara. Maka tiada datang ke-

² Lihat *Majalah Guru*, 1 Oktober 1938, hal. 390.

³ *Al-Hedayah*, Jun-Julai 1925, dalam "Jagalah daripada tidur," hal. 11.

jayaan bangsa asing ini melainkan dengan kerana lajai dan leka daripada orang-orang besar dan raja-raja dan orang-orang alam bangsa Melayu ini daripada memberi pelajaran.³

Al-Hikmah pula mengecam Inggeris kerana memberi tempat yang luas kepada bangsa asing. Akibatnya jadilah bangsa Melayu itu seperti "jasad yang sedang ada di pintu kubur lakunya."⁴ Majalah-majalah ini kemudiannya telah menyeru orang-orang Melayu supaya sedar akan hakikat ini. Menurut majalah *Al-Kamalah*, "apabila kita tidak hirau dan jaga di dalam kelalaian juga pada masa ini tentulah kita akhirnya terjatuh di dalam lubang kepapaan."⁵

Meneliti kandungannya kita akan dapat menyaksikan berbagai-bagai aspek telah dibicarakan oleh *Pengasuh* dan ini termasuklah agama, sejarah, ekonomi, perubatan, politik, pendidikan dan sebagainya. Dan jika ditinjau pada keseluruhannya nyatalah majalah *Pengasuh* bukan mewakili *Kaum Tua* sebagaimana yang dikatakan oleh Roff:

Official Islam reacted both by argument and by the direct use of authority. Periodicals such as *Pengasuh* (The Educator) (1918 – 1937), a fortnightly magazine produced in Kelantan by the Council of Religion and Malay Custom and circulated throughout the peninsula, urged opposing points of view and condemned *Kaum Muda* as irreligious.⁶

Abdul Rahman Ahmadi menerangkan apa yang disifatkan sebagai *Kaum Muda* dan *Kaum Tua* oleh Roff itu cuma tentang beberapa fatwa dan kaedah-kaedah seperti Talqin dan sebagainya.⁷

Hal ini memang benar bila dilihat bahwa *Pengasuh* bilangan 175-176 (tahun 1925) memuat tulisan-tulisan mengenai negara Jepun yang ditulis oleh Ismail Pekerma. Siri Sejarah '*Tanah Yang Di Sebelah Matahari Naik*' (Land of The Rising Sun) ini memberi gambaran tentang kebangkitan sebuah negara Jepun yang moden, yang banyak mendapat pelajaran dari Barat.

Perbahasan mengenai Batu Hitam (Hijra'aswad) yang terletak

³ *Al-Hikmah*, 24 Mac. 1938, hal. 5.

⁴ *Al-Kamalah*, 1 April 1930, hal. 161.

⁵ W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* Pustaka Ilmu, 1967, hal. 79.

⁷ Interview dengan Drs. Abdul Rahman bulan Mei 1972.

di Baitullah dan dikucup oleh setiap orang Islam yang naik haji ke Mekah itu juga tidak kurang menggambarkan bagaimana pandangan dan sikap *Pengasuh* sendiri dalam hal keugamaan.

Dalam perbahasan mengenai hikmat Batu Hitam ini, seorang penulis bernama Abas bin Muhd. Tah membidas seorang penulis lain, "Jamaluddin", yang menulis dalam *Lembaga Melayu* pada 14 Ogos 1925. Menurut "Jamaluddin" dalam tulisannya:

Dan demikian juga dikata Batu Hitam di Mekah itu berkuasa menerima dosa manusia dan boleh menjadi saksi pula mengatakan saya naik haji dan oleh yang demikian disuruhnya saya kucupkan batu itu sama juga seperti orang-orang Hindu menyembah berhala.⁸

Abas bin Muhd. Tah menjawab:

Kita kucup Hijra'aswad itu ialah semata-mata taat mengikut Rasulullah (s.a.w.) bagaimana yang telah disabdakan oleh Saidina Umar takala ia mengucup Hijra'aswad⁹

Dalam *Pengasuh* bilangan itu juga ada sebuah rencana yang membidas Kudrat Shah, pengarang majalah bahasa Inggeris yang bernama Muslim, keluaran Singapura kerana pengarang itu menulis tentang ketidak-mungkinan Nabi Esa dilahirkan oleh ibu yang dara. Kudrat Shah sebenarnya menulis mengenai perkara itu dalam majalah *Islamic Review* di England keluaran bulan Jun 1925 di halaman 194, yang diberi judul: "Peranakan Esa oleh Ibu yang Dara Bolehkah Kitab-kitab Injil Mengadakan Dalilnya?"

Seorang penulis lain yang bernama Muhamad Adnan telah mengirim sebuah rencananya kepada *Islamic Review* untuk di-siarkan, tetapi di dalam suratnya kepada Muhamad Adnan pada 10 Julai 1925 pengarang *Review* itu, Khawaj Kamaluddin, meminta maaf tidak dapat menyiarkan tulisan Muhamad Adnan. Ia memberi alasan bahawa rencana Kudrat Shah itu telah dimasukkan ke dalam *Islamic Review* sewaktu ia (Khawaj) tidak ada di pejabat penerbitannya.

Dalam bidang perubatan pula, *Pengasuh* seolah-olah menjadi 'dokter' dan 'psychiatrist' kepada masyarakat Melayu waktu itu, khususnya di Kelantan. Tentang masalah orang-orang perempuan bersalin, *Pengasuh* menegaskan:

Banyak perempuan-perempuan bangsa kita yang mati beranak sebab

⁸*Pengasuh*, Bil. 175-176, 21 Julai 1925.

⁹*Ibid.*

ketiadaan bidan yang pandai. Boleh dikatakan hampir-hampir semuanya perempuan-perempuan Melayu apabila sakit hendak bersalin maka bidan-bidan itulah tempat pergantungan yang sangat diharapnya dan bidan itulah yang disangkakannya boleh menolong dan membantu akan dia. Bahkan sampai hilang nyawa sekalipun pada hal tidak diketahuinya kebanyakan bidan-bidan itu palsu dan jahil pada tentang ilmu bidan, cuma ia tahu ilmu sembur-semburan dan tawar jampi karut-karut itu saja. Itulah yang dia buat jalan mencari kehidupannya — dia tiada bersekolah, dia tiada belajar ilmu seluruh anggota manusia. Maka yang ia mahir benar ialah mencarut-carut saja. Allah, Allah, jika anak belum lahir, ditekankannya perut kita sampaikan nafas kita hampir-hampir hilang dan nyawa rasakan hendak tercabut. Sungguhpun beberapa banyak perempuan bangsa kita yang mati menanggung azab sengsara pada masa hendak bersalin seperti anak lambat lepasnya atau keluar sekerat atau mati di dalam perut dan lain-lain lagi halnya yang hingga membawa ke pintu kubur beberapa ibu yang masih muda umurnya tetapi tidak juga mahu mereka mengatakan salah daripada bidan melainkan ialah 'nasibi'¹⁰

Pengasuh telah membidas fikiran masyarakat Melayu masa itu yang menganggap bersalin di hospital itu sebagai orang yang tiada kaum kerabat dan yang takut kepada pembedahan.

Mengenai pelajaran, majalah itu dengan tegas bukan saja menggalakkan anak-anak Melayu menuntut pelajaran walau ke mana sekalipun, malahan telah mengkritik Kerajaan Kelantan masa itu. Dalam satu tulisannya di bawah tajuk '*Kedah Pada Masa Akan Datang — Adakah Kelantan Sedar?*' ia menceritakan tentang Kerajaan Kedah mengirim 12 orang pelajar-pelajarnya ke universiti di England. Tulisan itu bertanya: "Adakah Kelantan sedar dan mengambil tauladan daripada itu?". Ia menjelaskan:

Sungguhpun dari semenjak lima enam tahun dahulu Kelantan mulai menghantar empat putera-puteranya ke Kuala Kangsar kerana menuntut pengetahuan di sana, dan katakanlah kebanyakan putera-putera itu lulus belaka di dalam ujian pengetahuan masing-masing, akan tetapi tidaklah boleh kita bermegah mengatakan putera-putera kita sudah mendapat 'surat akuan' pelajaran tinggi di istana pengetahuan Kuala Kangsar itu.¹¹

Rencana itu mencadangkan supaya Kerajaan Kelantan mengadakan peruntukan \$10,000 atau \$5,000 setahun bagi mengirim

¹⁰ *Ibid.*, hal. 17.

¹¹ *Ibid.*, hal. 177, 20 Ogos 1925.

pelajar-pelajarnya ke Oxford atau Cambridge di England. Satu lagi cadangan tulisan itu yang menarik ialah saranannya agar Sultan sendiri mengadakan suatu peruntukan Kerajaan bagi membiayai pelajar-pelajar keluaran Maktab Melayu Kuala Kangsar melanjutkan pelajaran ke Hong Kong dan Eropah.¹²

Contoh-contoh di atas itu dengan jelas memaparkan bahawa *Pengasuh* bukanlah mewakili golongan *Kaum Tua* sebagaimana yang difahami oleh Roff itu.¹³ Jika benar majalah itu mewakili *Kaum Tua* kerana membidas *Kaum Muda*, maka fahaman Roff itu haruslah kerana soal-soal seperti Riba (bunga wang), menggunakan wang hasil dari menjual babi hutan, hukum (seperti orang berhutang), kutu wang, dan sebagainya. Tetapi, di dalam soal-soal hukum inipun istilah "Tua" dan "Muda" itu bukanlah muktamad kerana sehingga hari inipun hukum mengenai wang loteri, kegunaan zakat fitrah, kebebasan kaum wanita dan lain-lain lagi masih tidak ada kesatuan dalam pandangan-pandangan alim-ulamak.

Dalam *Pengasuh* bilangan 179-180 terdapat satu kenyataan mengenai derma khairat masjid Kota Bharu yang telah dipungut oleh *Majlis Ugama Islam*. Majalah itu telah mengkritik masyarakat Melayu kerana didapati di antara nama penderma-penderma terdapat seorang bukan Melayu beragama Hindu yang bekerja sebagai tukang dobi menderma sebanyak \$50, sementara orang-orang Islam sendiri cuma menderma 10 sen.

Dalam bilangan itu juga seorang penulis bernama "Ahmad Ghazali Kelantan" memuat sebuah tulisan memperkenalkan pusat-pusat pengajian tinggi di Amerika Syarikat. Dan pada 8 Oktober 1925 *Pengasuh* memuat senarai pelajar-pelajar Kelantan yang melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar. Mereka ialah Haji Ahmad bin Haji Awang dari Kemuning, Mustafa bin Cik Tengah dari Limau Hantu, Nik Jaafar bin Nik Wan dan Wan Adam bin Haji Wan Abdullah.

Dalam keluaran bilangan 182 pada 1 November 1925 pengarang *Pengasuh* menyatakan ia menerima sebuah majalah bernama

¹² *Ibid.*

¹³ Lihat juga Khoo Kay Kim, "Malay Society, 1874-1920s", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. V, No. 2, September 1974.

Seruan Azhar bilangan pertama yang diterbitkan oleh pelajar-pelajar Melayu dan Jawa di Azhar. Osman Abdullah yang disebut oleh *Pengasuh* sebagai pengurus *Seruan Azhar*, telah menyebut tujuan penerbitan majalah itu sebagai untuk memperkuat dan memperteguhkan tali persahabatan dan persatuan "dihati bangsa kami anak-anak Melayu dan anak-anak Indonesia".

Menurut Roff¹⁴ memanglah *Seruan Azhar* adalah sebuah majalah yang menyuarakan fikiran *Kaum Muda*. Tetapi kalau sekiranya *Pengasuh* itu disifatkan oleh Roff sebagai mewakili *Kaum Tua*, bagaimanakah boleh wujud persefahaman antara *Pengasuh* dengan *Seruan Azhar* mengingatkan bahawa pengarang *Pengasuh* telah menyeru pembaca-pembaca supaya mendapatkan majalah dari Azhar itu?¹⁵

Satu hal yang menarik ialah bahawa *Seruan Azhar* bukan saja membicarakan soal-soal keagamaan, tetapi juga yang lebih penting, mencanai fikiran-fikiran mengenai *Pan-Islamism*, penyatuan Malaya-Indonesia dan anti-penjajah.¹⁶ Bagaimanapun, bukan soal politik ini semata-mata yang menyebabkan terdapat titik persetujuan antara *Pengasuh* dengan *Seruan Azhar*, kerana jika diteliti pada keseluruhan fikiran-fikiran penulis dalam *Seruan Azhar* seperti Ahmad Lutfi¹⁷ ternyata terdapat titik-titik 'dynamism' dan malah, 'revolutionary', sebagaimana yang terdapat dalam *Pengasuh*.

Sebagai contoh, Roff menyebut *Seruan Azhar* demikian:

In their passion to defend Islam against the allegations of obscurantism made by the West, to promote both a more liberal system of education and a more individualistic approach to religious authority, the reformists in article after article castigated the village ulama as the chief hindrances to the attainment of a new world.¹⁸

Dan ini sudah pasti termasuklah pendukung *Pengasuh* yang dianggap sebagai *Kaum Tua* oleh Roff itu. Tetapi *Pengasuh* dalam bilangan 182 itu telah membidas ulamak-ulamak yang katanya berulang kali menyebut mengenai orang laki-laki yang mengamal-

¹⁴Roff., *op. cit.*, hal. 85-89.

¹⁵*Pengasuh*, bil. 182, 1 November 1925.

¹⁶Roff, *op. cit.*, hal. 88-89.

¹⁷*Seruan Azhar*, "Kewajipan Ulamak Islam", 1 Februari 1926.

¹⁸Roff, *op. cit.*, hal. 86.

kan poligami tetapi tidak menghuraikan tanggungjawab orang yang berpogami itu sendiri.

Dalam tahun 1925 itu juga *Pengasuh* menganjurkan cerdik pandai Melayu supaya mengadakan satu kajian mengenai penerbitan akhbar-akhbar Melayu. Ia menyebut bidang-bidang kajian itu sebagaimana berikut:

- a) Faedah dan menafaat suratkhbar-suratkhbar dan majalah-majalah secara kajian ilmiah.
- b) Negeri yang mula-mula sekali menerbitkan suratkhbar-suratkhbar/majalah dan dalam bahasa apa.
- c) Bilangan suratkhbar di Eropah, Asia, Afrika, Amerika dan lain-lain.
- d) Suratkhbar atau majalah dalam bahasa Melayu yang pertama di dunia ini, sama ada dalam huruf Rumi atau Jawi; negeri mana yang menerbitkannya, apa namanya dan berapa bilangan hingga sekarang.
- e) Suratkhbar atau majalah yang pertama sekali di Semenanjung dan Kepulauan Melayu, sama ada dalam Bahasa Melayu atau tidak dan berapa bilangannya hingga sekarang.

Cadangan ini menunjukkan kepada kita adanya kesedaran di masa itu untuk mengadakan suatu kajian ilmiah mengenai penerbitan suratkhbar dan majalah. Menurut *Pengasuh*, bilangan 185-186 pada masa itu terdapat lebih kurang dua belas buah suratkhbar dan majalah di Semenanjung Tanah Melayu dan lebih kurang tiga puluh buah suratkhbar dan majalah telah berkubur.

Satu lagi cadangan yang ditimbulkan oleh *Pengasuh* ialah untuk mengadakan perhimpunan cerdikpandai Melayu di seluruh Kepulauan Melayu untuk mencipta istilah-istilah dalam Bahasa Melayu yang baru. Ia mencadangkan supaya tiap-tiap Kerajaan Negeri mestilah menguatkuasakan undang-undang bagi penggunaan istilah-istilah baru ini di sekolah-sekolah dan di pejabat-pejabat di seluruh negara.

Cerdikpandai Melayu keluaran sekolah Inggeris telah dibidas

¹⁹ *Pengasuh*, bil. 188, 28 Januari 1926.

kerana bercakap Inggeris apabila bertemu antara seorang Melayu dengan seorang Melayu yang lain. Menurut pengarang *Pengasuh*, berdasarkan kejadian di Mekah dalam musim haji:

Mana-mana seorang Arab, Turki, Mesir, Hindi, yang tahu bercakap Melayu, apakala mereka berjumpa dengan mana-mana seorang Siam, Jawa, Sunda, Bali dan lain-lainnya ialah mereka yang tahu sedikit-sedikit saja Bahasa Melayu atau tiada tahu langsung, tak dapat tiadalah mula-mula sekali ditanyakan atau digunakan dengan Bahasa Melayu dahulu... Pendik-kata di Hijaz itu Bahasa Melayulah suatu bahasa yang acap sangat digunakan.¹⁹

Kerajaan Inggeris di Tanah Melayu pada masa itu juga telah dibidas oleh *Pengasuh* mengenai soal bahasa ini. Ia memetik berita dalam akhbar *Straits Times* keluaran 13 Januari 1926 yang menyebut tentang suatu perubahan telah dijalankan di dalam Mahkamah Tinggi Betawi (Batavia), di mana Bahasa Melayu telah digunakan "tidak dikecualikan apa-apa bangsa yang ber-guam itu".

Perbuatan pemerintah Hollanda pada tentang itu terwajiblah di atas kita semua orang-orang Melayu di dalam alam Melayu ini memberi sebanyak-banyak dan setinggi-tinggi terima kasih dan kepujian yang sangat-sangat mustahak baginya, mudah-mudahan pemerintah Melayu yang di dalam Tanah Melayu ini sedar akan yang demikian itu dan tidaklah baginda terlebih jauh pandangan dan terlebih pintar perintahannya daripada Inggeris pada memberi balik hak Melayu, kepunyaan Melayu dan mengambil apa-apa yang tak dapat tiada bagi Melayu menyerahkannya dan yang Melayu tiada daya upaya mengi-darkannya, pendeknya memberi balik kepada Melayu akan apa-apa kewajipan Melayu dan mengambil atau menjaga akan apa-apa kewajipannya di atas Melayu. Inilah saja yang dituntut oleh Melayu.²⁰

Pada keseluruhannya, pandangan *Pengasuh* dalam soal ini tidaklah begitu keras dan dapat dirasakan segala ungkapannya sangat berhati-hati, tetapi ia membuktikan dengan jelas bahawa orang-orang Melayu tidak senang dengan memandang saja apa yang berlaku dalam negerinya sendiri. Pendeknya, apa yang berlaku di Singapura untuk menarik perhatian pihak Inggeris yang dilakukan oleh Muhamad Yunus bin Abdullah dalam tahun 1927 itu, telah berlaku setahun terlebih awal di Kelantan.

Tetapi kalau kita boleh menerima teguran-teguran *Al-Imam*

²⁰ *Ibid.*

dua puluh tahun terdahulunya sebagai radikal dan merupakan titik tolak ke arah kesedaran sosial dan ekonomi orang-orang Melayu, maka apa yang disebutkan oleh *Pengasuh* itu sudah pasti tidak kurang signifikannya. Ia merupakan percikan rasa yang bergelodak, suatu sikap berontak yang dituturkan dalam bahasa yang amat diplomatik tetapi sinis.

Menurut *Pengasuh*, "Bahasa Melayu hendaklah dimuliakan oleh bangsa-bangsa asing, istimewa bangsa Melayu sendiri kerana bahasa dan bangsa itu seperti daging dengan darah yang tak boleh bercerai sekali-kali". Di Kelantan, kata pengarangnya, beberapa orang pegawai Inggeris sendiri tahu berbahasa Melayu, malah tahu menulis Jawi dan membaca. Minit-minit yang dihantar kepada Perdana Menteri Kelantan dan Setiausaha Kerajaan ditulis oleh pegawai-pegawai tinggi Inggeris di dalam Bahasa Melayu seperti C.C. Brown, Hakim Besar dan W.H. Wood, Ketua Pejabat Tanah, H.C. Erckhardt dan H.F. Warzington juga boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu. Selain dari itu, J.I. Shaw, H.A. Anderson, R.J.B. Fairer, H.W. Thomson, R.O. Winstedt dan Guru Besar Maktab Melayu Kuala Kangsar adalah di antara orang-orang yang menerima majalah *Pengasuh* secara langganan.

Dalam bilangan 189-190 keluaran 27 Februari 1926, *Pengasuh* memuat satu rencana berkenaan dengan Kerajaan Turki mengeluarkan undang-undang dalam tahun 1925 menghendaki rakyatnya memakai topi bagi menggantikan terbus dan serban.

Sekali imbas, pandangan *Pengasuh* dalam majalah ini agak kolot, kerana katanya ia menjadikan bangsa Turki seperti orang Kristian di Eropah. Menurut *Pengasuh*:

Yang kita bahaskan dalam rencana ini, pada tentang undang-undang paksa memakai topi (pakaian), bukannya kita bahas tentang hukum memakai topi itu atau hukum memakai pakaian orang-orang Eropah dan sebenarnya berkenaan dengan pakaian-pakaian – alhamdulillah – syara' tiada menentu dan menetapkan pakaian yang tertentu bagi orang-orang Islam. Inilah setengah daripada sejahtera agama kita dan luas kawasannya.²¹

Menurut Kerajaan Turki, paksaan itu adalah kerana terbus menghalang kemajuan. *Pengasuh* berkata:

²¹ Bilangan 189-190, 27 Februari 1926.

Ayuhai!! Bukannya tamaddun itu dengan menukar dan mengubah pakaian, bahkan tamaddun itu dengan menukar dan membaiki tingkah kelakuan dan dengan ada pengetahuan.²²

Sekali lagi di sini ia menunjukkan dengan nyata apa yang dikatakan oleh Roff bahawa *Pengasuh* itu mewakili *Kaum Tua* sebenarnya tidak benar. *Pengasuh* tidak menentang pakaian itu, tetapi menentang sikap dan cara berfikir yang sempit untuk mencapai kemajuan.

Dalam satu renungan 'Kemajuan Melayu', *Pengasuh* menyeru orang-orang Melayu supaya mengejar pengetahuan. Bangsa Melayu hendaklah meniru bangsa-bangsa lain yang kaya dengan hidup berniaga dan bercucuk tanam. *Pengasuh* memakan orang Melayu sebagai "pembeli" dan orang-orang bukan Melayu sebagai "penjual" yang menyebabkan kekayaan terpulung kepada orang-orang bukan Melayu.

Orang-orang Melayu hampir tidak ada yang mempunyai kebun lebih dari 500 ekar. Usaha perkongsian-perkongsian perusahaan dan perniagaan orang-orang Melayu telah ditegur sebagai tidak berjaya dan maju separuh tiang saja. "Setengah-setengahnya tiada sampai ulang tahunnya yang pertama". *Pengasuh* memberi alasan-alasan berikut:

- a) Bukan tiada modal tetapi jahil tentang perniagaan.
- b) Tidak amanah dan gopoh.
- c) Sikap ibu bapa orang-orang Melayu yang lebih gemar melihat anaknya bekerja di pejabat-pejabat apakala tamat sekolah.
- d) Tidak sabar.

Tentang sikap ibubapa, *Pengasuh* memberi hujahnya:

Jikalau pada satu negeri itu ada sepuluh ribu kanak-kanak yang sedang belajar di dalam sekolah, padahal niat mereka tiada lain daripada jalan hendak dijadikan anak-anak mereka pegawai-pegawai Kerajaan belaka apakala khatam pengajiannya maka adakah Kerajaan boleh menerima semua mereka di dalam pejabat-pejabatnya.²³

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*

Tentang sikap ibubapa, *Pengasuh* memberi hujahnya:

Pengasuh tidak syak lagi bukan saja satu-satunya majalah Melayu yang lantang mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu, akan tetapi juga mempunyai ciri-ciri kemodenan dan "advancement" yang ketara. Masalah-masalah orang Melayu yang ditimbulkan oleh *Pengasuh* adalah masalah-masalah semasa tetapi sentiasa mengandungi tujuan dan matlamat jangka panjang dan "futuristic." Majalah ini menghendaki orang Melayu hidup dan menjadi bangsa yang maju seribu tahun lagi!

5 Kegiatan Kesusasteraan dan Kewartawanan

Majalah *Pengasuh* bukan saja merupakan majalah yang tertua dan terpanjang usianya dalam sejarah penerbitan di Kelantan, malah merupakan sebuah majalah yang tunggal dan julung-julung kalinya memuat hasil karya kreatif bentuk cerpen Melayu, iaitu pada tahun 1920 – dua tahun sesudah ia diterbitkan.

Kenyataan ini dengan sendirinya menafikan dakwaan bahawa bentuk cerpen Melayu yang terawal dapat dikesan dalam tahun 1925.¹

Pada awal dekat pertama abad ini penulisan cerpen sudahpun dirintis oleh penulis-penulis seperti Nor bin Ibrahim dan Ismail Sulaiman dan kemudian diikuti pula oleh Muhammad Yusuf Ahmad atau Jentayu. Di antara mereka ini Ismail Sulaiman atau Putera Bumi Kelantan adalah penulis cerpen yang terpenting dalam *Pengasuh*. Dalam tahun-tahun 1920an ia pernah menghasilkan sebanyak sebelas buah cerpen.

Sebelas buah cerpennya adalah seperti berikut:
Kebijakan Seorang Loyar (22 Mei 1921), *Seorang Raja Dan Seorang Orang Tua* (8 Jun 1921), *Perbuatan Yang Menyelamatkan Satu Syiling* (22 Jun 1921), *Tipuan Yang Hendak Mengenyangkan Perut dan Menghilang Dahaga* (6 Julai 1921), *Menganggukan Kepala Kerana Penyakit* (5 Ogos 1921), *Satu Kejadian Yang Disebab oleh Angin* (17 September 1921), *Dukacita Kerana Perbuatan Sendiri* (29 Januari 1922), *Tipuan Seorang Perempuan Tua Di Atas Seekor Anjing dan Balasan Anjing Itu Kepada*

¹ Lihat Omar Muhd. Hashim, "Cerpren Melayu Sebelum Perang", *Dewan Bahasa*, Ogos 1961 dan Ali Haji Ahmad, "Cerita-Cerita Pendik Sebelum Perang", *Dewan Bahasa*, November 1961.

danya (12 Februari 1922), *Rekaan Kerana Hendak Menerbitkan Modal* (13 Mac 1922), *Seorang Orang Kaya Dan Seorang Pen-dita* (29 Mac 1922) dan *Tiada Berperingatan* (27 April 1922).

Hasil karya kreatif bentuk cerpen telah dipelopori oleh sebuah cerpen bertajuk '*Kecelakaan Pemalas*' yang dimuat dalam *Pengasuh* keluaran 4 Februari 1920. Cerpen ini ditulis oleh Nor bin Ibrahim (Madrasi).

Penyiaran cerpen diteruskan kerana ada satu ruangan khas dalam majalah itu untuk cerpen pada tiap-tiap kali keluaran dengan nama '*Cetera*'. Di antara 4 Februari 1920 hingga 10 November 1923 ruangan '*Cetera*' telah memuat sebanyak dua puluh lima buah cerpen kesemuanya.

Cerpen-cerpen yang dimuat dalam *Pengasuh* kebanyakannya pendek saja dan oleh sebab itu ceritanya tamat dalam sekali keluaran saja.

Cerpen '*Cetera Raja Harun Al-Rashid*' yang ditulis oleh seorang yang bernama Ishak Haji Abdullah, keluaran 3 October 1921, agak panjang dari cerpen-cerpen lain. Sebuah lagi cerpen yang dimuat dalam majalah itu bertajuk '*Kemajuan Rekaan Dunia*' yang ditulis oleh Ahmad Ismail Al-Kelantani.² Cerpen ini tamat dalam dua keluaran, iaitu keluaran 15 November dan 1 November 1921.

Cerpen-cerpen dalam *Pengasuh* walaupun tidak memaparkan tema-tema yang berat dan serius, tetapi ternyata dalam tahun-tahun 1920an sangat berpengaruh.

Sebagai contoh, apabila majalah *Al-Hikmah* diterbitkan dalam tahun 1934 banyak cerpen-cerpen disiarkan. Antara penulis-penulisnya termasuklah Abu Bakar Ali, Muhamad Ali bin Omar Din, Muhamad Nurudin Wanjur, Mashi, Abdul Khalik M.B. Kuala Lumpur, Abu Bakar Muhamad Johor, Akhbar Bakri (Muar) dan Ibrahim Mustafa.

Persoalan-persoalan yang dikemukakan pun hampir merangkumi segala masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Melayu waktu itu, iaitu terutamanya kebebasan sosial, moral nasionalisme dan ekonomi.³

²Nama penuhnya ialah Datuk Lela Negara Haji Ahmad bin Ismail, bekas Ketua Pengarang *Al-Hikmah*.

³Hasim Awang, "Kelantan Dalam Hubungannya dengan Penulisan Cerpen Melayu Sebelum Perang", *Dewan Bahasa*, Oktober, 1972, hal. 451.

Cerpen *'Aliran Perasaan'*, misalnya, mengutarakan persoalan ekonomi dan kebangsaan. *'Pengalaman Seorang Perempuan'* membicarakan masalah moral dan kebangsaan. *'Balasan Tuhan Sama Ada'* mempersoalkan moral unsur didaktik. Sementara *'Di Mana Salahnya'* membicarakan moral dan kebebasan sosial.

Keempat-empat cerpen ini ditulis oleh Ibrahim bin Mustafa. Kesemuanya disiarkan dalam tahun 1941.

Cerpen-cerpen Melayu yang dipelopori oleh majalah *Pengasuh* dalam tahun-tahun 1930an dan 1940an telah menolong mempercepatkan lagi pertumbuhan cerpen-cerpen dan novel-novel Melayu ciptaan penulis-penulis Kelantan.

Agus Salim⁴ pernah berkata bahawa kesusasteraan Melayu tidak dapat berkembang kalau tidak ada tokoh-tokoh yang membawa pembaharuan. Dan perubahan-perubahan itu tentulah berlaku setapak demi setapak mengikut keadaan masyarakat sekeliling. Oleh itulah pernah dikatakan bahawa kesusasteraan itu gambaran atau cermin masyarakatnya. Kesusasteraan lama menggambarkan masyarakat lama, demikian juga pada kesusasteraan baru.

Tokoh-tokoh pula adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang mengabdikan gambaran itu dalam kesusasteraan dengan karya-karya mereka.⁵

Kalau dalam dekad pertama abad ini kita telah menyaksikan munculnya kesusasteraan bercorak ugama, sebagaimana yang telah terlihat dalam bab-bab yang awal, maka perubahan dalam tahun 1920an dan seterusnya memperlihatkan dalam hasil-hasil karya penulis Kelantan tema-tema fikiran yang dinamis dalam ertikata sosial, ekonomi dan politik. Dan kalau kita boleh menerima "perubahan-perubahan itu tentulah berlaku setapak demi setapak mengikut keadaan masyarakat sekeliling", maka sudah pasti pula kita boleh menerima kenyataan bahawa sejarah pergerakan kebangsaan di Malaya sebenarnya merupakan latarbelakang yang sangat erat sangkut-pautnya dengan perkembangan kesusasteraan tersebut.⁶

Di Kelantan hal ini tidak terkecuali.

Sebagaimana yang telah kita saksikan, majalah *Pengasuh* bukan saja merupakan sebuah majalah yang tertua usianya dan

⁴ Agus Salim, *Tokoh Yang Kukuh*, Malaysia Printers Limited, 1966, hal. 1

⁵ *Ibid.*

⁶ Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945-1965*, Pustaka Antara, 1967, hal. xiii.

yang pertama diterbitkan di Kelantan, malah yang lebih mustahak tulisan-tulisannya telah menolong mempercepatkan pertumbuhan penulis-penulis dan pertumbuhan bahan-bahan bacaan yang lain di negeri itu.

Berikutan dengan itu pula, yang di samping pergolakan masyarakat dan tekanan-tekanan sosial, ekonomi dan politik masa itu, muncullah tulisan-tulisan yang berbentuk politik dalam hasil-hasil karya kreatif.

Di antara tahun-tahun 1918 yang dimulai dengan terbitnya *Pengasuh* di bawah pimpinan Haji Muhammad Yusuf Kenali dan Datuk Laksamana Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said, hingga 1941 terdapat dua belas buah majalah dan surat-khabar yang diterbitkan di Kelantan.

Pengasuh yang terbit dalam tahun 1918 itu bolehlah disifatkan sebagai 'catalyst' dan pelopor kepada "vernacular publications" yang muncul setelahnya. Lima tahun sesudah terbitnya *Pengasuh* muncul pula *Al-Hedayah* di bawah pimpinan Datuk Lela Negara Haji Ahmad bin Ismail dengan dibantu oleh Muhammad Ghazali bin Muhamad Arifin dan Muhammad Adnan bin Muhamad Ariffin.

Haji Ahmad bin Ismail dilahirkan di Kota Bharu pada 3 Ogos 1899. Beliau pernah belajar di Sekolah Melayu di bandar itu hingga Darjah II saja di antara tahun-tahun 1912-1915. Beliau keluar dari sekolah itu kerana dianggap malas belajar.

Setelah itu, atas kemahuannya sendiri beliau belajar di Sekolah Ingeris swasta yang dimiliki oleh seorang guru berasal dari Sri Lanka selama lapan bulan.

Pengetahuan bahasa Arabnya diperolehinya dari usaha belajar sendiri. Gurunya dalam bahasa ini hanya terdiri daripada petunjuk-petunjuk dari kawan-kawannya yang mengetahui bahasa Arab secara mendalam dan dari kamus-kamus Arab-Ingeris serta Ingeris-Arab. Usaha beliau dalam mempelajari bahasa ini akhirnya membolehkannya menterjemahkan karangan-karangan dalam bahasa Arab ke Bahasa Melayu.

Orang yang paling besar pengaruhnya terhadap Ahmad Ismail ialah Sheikh Muhamad Yusuf Kenali (1870-1933), iaitu seorang guru agama Islam yang pernah belajar di Mekah lebih kurang 20 tahun lamanya dan pernah juga menuntut ilmu di Mesir.⁷

⁷ Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*, Pustaka Antara, 1966, hal. 167.

Sheikh Muhamad Yusuf Kenali yang dimaksudkan oleh Drs. Li Chuan Siu itu ternyata adalah Haji Muhamad Yusuf bin Ahmad Kenali, pengarang kehormat majalah *Pengasuh* yang pertama dan seorang ulamak yang terkenal di awal abad ini.

Pengaruh ulamak inilah yang sebenarnya yang memberangsangkan Haji Ahmad Ismail mempelajari buku-buku terbitan Mesir.

Walaupun *Al-Hedayah* cuma kekal dari bulan Jun 1923 hingga Februari 1926, namun tulisan-tulisannya banyak memuat bukan saja mengenai agama dan politik tetapi juga hasil-hasil karya sastera. Haji Muhamad Yusuf Kenali sendiri juga turut menyumbangkan tenaganya dalam majalah yang pendek usianya ini.

Dalam tahun 1929 pula Ahmad Ismail telah berjaya mendirikan Percetakan Asasiyyah. Melalui percetakannya inilah beliau menerbitkan buku-buku yang kebanyakannya terdiri daripada saduran-saduran atau terjemahan-terjemahan dari buku-buku bernilai dalam bahasa Arab yang didatangkan dari Mesir.⁸

Menurut Zaaba,⁹ sungguhpun karya-karya Ahmad Ismail merupakan saduran atau terjemahan saja, namun isinya mempunyai nilai berdasarkan bahawa ia dapat memberi pendidikan kepada orang-orang Melayu dan oleh kerana itu merupakan suatu sumbangan yang sangat berharga kepada perkembangan kesusasteraan Melayu baru.

Sejak 1 April 1934 Ahmad Ismail menerbitkan sebuah majalah bernama *Al-Hikmah*¹⁰ Pada mulanya majalah ini diterbitkan tiga kali sebulan, tetapi sejak 1937 diubah menjadi mingguan. Isinya antara lain mengandungi rencana-rencana mengenai kejadian-kejadian pada masa itu, cerita-cerita saduran bersambung, cerpen-cerpen asli yang panjang-panjang dan lain-lain.

Ada tiga buah novel saduran yang pernah disiarkan bersambung-sambung dalam mingguan ini hingga selesai, tetapi tidak dibukukan. Jodolnya ialah:

⁸*Ibid.*, hal. 167.

⁹Zaaba, *Modern Developments, JMBRAS*, Jilid XVII, Bahagian III, Tahun 1940 Pengganti Tahun 1939, hal. 162.

¹⁰Drs. Li Chuan Siu, *Iktisar Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*, hal. 168-171.

- 1) *Pundi-pundi Biru*: termuat dalam *Al-Hikmah* Nombor 73-88, tahun 1936. Novel saduran dari bahasa Arab ini terbahagi kepada 24 bab, isinya membentangkan kegunaan kehidupan yang berdiri di atas kaki sendiri yang dijalinkan dalam percintaan.
- 2) *Kecenderongan Perempuan*: termuat dalam *Al-Hikmah* Nombor 97-126, tahun 1936-37; menceritakan gerakan "suffragette" di Mesir dan percintaan yang berakhir dengan kesedihan di antara sepasang asyik maksiyuk kerana salah asuhan, dan
- 3) *Kuatkuasa Perasaan* atau *Rahsia Kasih*: termuat dalam *Al-Hikmah* Nombor 192-219, tahun 1938; kesah percintaan yang panjang dengan penjalinan soal akibat dari pengaruh dan asuhan pendidikan dalam rumahtangga.

Sementara hasil-hasil karya yang dihasil atau disuntingkan oleh Ahmad Ismail ialah:

- 1) *Tut-Ankh-Amun (Tutankhamen)*: diterbitkan dalam tahun 1929 dan mengandungi 320 halaman. Isinya mengenai adat-istiadat di raja zaman purba di Mesir dan kehidupan orang "Copt" (keturunan bumiputera Mesir dahulu kala).
- 2) *Cogan Setia* (1929): Buku ini mengandungi 430 halaman, isinya ialah mengenai semangat cintakan tanahair yang dijalinkan ke dalam percintaan antara sepasang kekasih, seorang putera dan puteri dari Wangsa Ottoman di Turki. Mereka kedua setia kepada Khalifah dan berjuang untuk kemajuan negaranya dengan menentang tindakan-tindakan yang salah dan tipu muslihat yang dilakukan oleh Enver Pasha selepas Perang Dunia Pertama. Buku aslinya dalam bahasa Arab telah dapat menggerakkan semangat baru orang-orang Turki yang dilambangkan oleh munculnya Mustafa Kamal.
- 3) *Pahlawan Perkasihan dan Peperangan* (1930): Novel saduran ini mengandungi 135 halaman. Isinya ialah tentang cerita percintaan yang berlaku di Turki dan selingan-selingan kesah mengenai keadaan akhlak dan kebudayaan serta sistem pentadbiran lama di Turki, peperangan-peperangan di Tripoli dan Balkan, pertahanan yang gagah berani di Gallipoli serta kemenangan di Smyrna yang membawa hasil yang baik bagi Turki denganagalnya tipu muslihat orang-

- orang Eropah untuk memecah-belahkan negeri itu dan terlaksananya penetapan bandar Angora sebagai ibu negeri yang baru.
- 4) *Selamat Tinggal Ayuhai Timur* (1931): Cerita ini mengisahkan bagaimana caranya orang-orang Turki menghapuskan kerajaan Khalifah, bagaimana berlakunya tipu muslihat Bolshevik di Russia dalam usahanya untuk meruntuhkan bangsa-bangsa Timur dan bagaimana pula majunya gerakan pembaharuan di negeri Turki yang dilambangkan oleh Mustapha Kamal dan kawan-kawannya.
 - 5) *Tarikh Perjalanan Mustapha Kamal Pasha* (1931): Buku ini merupakan riwayat hidup Mustapha Kamal.
 - 6) *Puteri Mesir Dengan Pahlawan Raja Rum* (1932); Buku ini merupakan roman sejarah yang panjang, mengandungi 551 halaman. Kesahnya ialah tentang penaklukan Mesir dan Alexandria oleh Jeneral Islam yang bernama Amru bin As pada masa permulaan kemegahan Islam, sedangkan keadaan penghidupan orang Arab, Copt dan Rome pada masa itu pun dijalinakan ke dalamnya.
 - 7) *Penyuluh Bahagia dan Sejahtera* (1933): Buku ini mengandungi petunjuk-petunjuk untuk mencapai kejayaan dalam penghidupan, tebalnya cuma 114 halaman saja.
 - 8) *Kumpulan Kala* (1933): Buku ini merupakan cerita kejahatan dan mata-mata gelap yang berlatarbelakang bumi Inggeris dan Perancis, tebalnya 212 halaman.
 - 9) *Bayang Hitam* (1933): Buku merupakan cerita kejahatan juga, mengandungi 163 halaman, tetapi di dalamnya terdapat persaingan antara pencuri yang mulia hatinya dengan perompak yang kejam, latarbelakangnya didasarkan kepada bandar London.
 - 10) *Tikaman Bahasa* (1934): Buku ini dikarang oleh Muhamad Adanan bin Muhamad Arifin di Kota Bharu dan disunting oleh Ahmad Ismail. Pengarang buku ini terkenal sebagai pakar Bahasa Melayu yang sangat kuat mempertahankan kebersihan Bahasa Melayu supaya tidak dimasuki oleh pengertian-pengertian asing; beliau pernah membantu Ahmad Ismail menerbitkan majalah bulanan *Al-Hedayah* dan pernah pula menjadi pengarang majalah dua mingguan, *Pengasuh*, yang dianggap sebagai anti *Kaum Muda* itu. Bu-

ku ini tebalnya 373 halaman, isinya tentang peribahasa-peribahasa dan ungkapan-ungkapan Melayu yang sudah menyerupai bidalan, semuanya diberi keterangan tentang maknanya dalam Bahasa Melayu juga.

- 11) *Zarina dan Rasputin* (1935): Buku ini mengesahkan hal-hal pendita Rasputin dan pengaruhnya atas Zarina (permaisuri Russia) kira-kira pada masa Perang Dunia I berlangsung.
- 12) *Kerana Mahkota* (1937): Buku ini juga novel saduran dan merupakan buku Ahmad Ismail yang paling terkenal daripada buku-bukunya yang diterbitkan selepas tahun 1935.

Selain dari itu Ahmad Ismail juga menghasilkan *Sahabat Yang Tidak di Kenal* dan *Rahsia Kekuasaan Hati*. Kesemuanya dihasilkan dalam tahun 1930an.

Dalam tahun 1935 Datuk Perdana Haji Nik Mahmud menghasilkan *Ringkasan Cetera Kelantan* dan tiga tahun sebelumnya ia menerbitkan *Geografi kemuliaan*. Buku *Cahaya Purnama* yang dikarang oleh beliau telah dijadikan buku bacaan bagi penuntut-penuntut Sekolah *Majlis Ugama*. Ini diikuti dengan karya-karya Abdul Kadir Adabi dalam tahun 1937/38, iaitu *Acuman Mahkota, Sebelas Rejab* (1939), *Persimbahan Darah di bawah Lipatan Takdil* (1936/37) dan *Melati Kota Bharu* (1940).

Abdul Kadir Adabi yang lahir pada 17 Ogos 1901 dan meninggal pada 24 Februari 1944 bukan saja seorang penulis karya kesusasteraan, tetapi juga bergiat dalam tulisan-tulisan yang bercorak politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan.¹¹ Dalam tahun 1939 terbit pula hasil karya Haji Wan Mahmud bin Wan Daud yang berjudul *Kerana Kemerdekaan*. Haji Nik Yusuf Hilmi yang dibantu oleh Saad Shukri Haji Muda telah mencipta *Hurriah atau Tukang Nyanyi Anatol* dalam tahun 1930. Hasil karya ini diterbitkan oleh Kencana Library Kelantan. *Sakai Jela Kristian* dihasilkan oleh Nik Muhamad Sofi bin Nik Abdul Kadir dalam tahun 1930an. Sementara *Rahsia Di Cerung Gunung* (1935) yang dicetak oleh Al-Hikmah Press dan *Anak Buangan Dan Lanun di Selat Melaka* (1935) dicipta oleh Yusuf Alyubi. Sehingga

¹¹ Drs. Abdul Rāhman Ahmadi, "Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung", *Dewan Bahasa*, Disember 1972, hal. 534.

tahun 1960an pun Yusuf Alyubi masih lagi menulis. Novelnya *Kalau Setan Mogok* dicetak oleh Pustaka Dian dalam tahun 1966.

Walaupun dalam perkembangan kesusasteraan Melayu di Kelantan dan kemunculan penulis-penulisnya peranannya lebih banyak dimainkan oleh majalah *Pengasuh* dan *Al-Hikmah*, namun tidak harus dilupakan juga bahawa sejak *Pengasuh* terdapat sebelas penerbitan lagi yang banyak memberi sumbangan dan memainkan peranan besar dalam memupuk kewujudan kaum penulis di negeri itu sehingga tahun 1941.

Al-Hedayah, Putera, Al-Kamaliah, Kencana, Suara, Sinaran Kelantan, Al-Riwayat, Cetera Kelantan dan *Terot* sudah pasti banyak menampung karya-karya penulis masa itu. Sebagaimana penerbitan-penerbitan majalah dan suratkhobar, maka demikian jugalah tokoh-tokoh penulis tidak semuanya muncul sebagai pengarang-pengarang atau penulis-penulis yang prolifis. Tetapi kenyataan ini tidak bermakna bahawa kemerosotan telah berlaku dalam perkembangan dan pertumbuhan inteligensia Melayu selanjutnya. Malah apa yang ketara ialah bahawa dalam tahun-tahun 1930an dan selanjutnya telah muncul segolongan "hard-core intelligentsia" yang telah bergiat dalam persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan yang bercorak semi-politik dan politik. Merekalah yang merupakan "the immediate forerunners" dalam pertubuhan-pertubuhan parti politik tahun 1950an di Kelantan.

6 Pertubuhan-Pertubuhan Sebelum Perang dan Zaman Jepun

Masyarakat selalu berubah mengikut keadaan dan situasi. Jika pada dekad pertama abad ini kita melihat kelahiran tokoh-tokoh agama yang menerbitkan hasil-hasil karya bercorak agama dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti menyebarkan pengetahuan agama tersebut melalui pendidikan sistem pondok, maka dalam tahun 1920an, dengan sistem pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh Inggeris, kita menyaksikan pula tokoh-tokoh kesusasteraan dan penulis-penulis yang mengabdikan fikiran zaman mereka dalam hasil-hasil karya kesusasteraan dan tulisan-tulisan yang bercorak pembangunan – sosial, pelajaran, ekonomi, moral dan sedikit-sedikit politik. Robert V. Daniels berkata:

One moment can never be the same as another, and every particular or general fact about society must be seen in its specific time setting and evaluated accordingly.¹

Perkembangan, terutama dalam bidang pendidikan di Kelantan, yang telah dipelopori oleh sekolah-sekolah *Majlis Ugama Islam* dalam dekad kedua abad ini, telah menelurkan kepesatan pertumbuhan peristiwa-peristiwa dan kejadian-kejadian yang signifikan dalam dekad-dekad selepasnya.

Kelahiran majalah-majalah dan suratkhbar, munculnya penulis-penulis dan wartawan-wartawan dengan hasil-hasil karya yang bertemakan kemajuan bangsa – kesemuanya ini merupakan suatu tenaga yang mempunyai kemampuan untuk meyakinkan Inggeris di negeri itu agar mewujudkan suatu sistem pendidikan yang lebih baik untuk orang-orang Melayu.

¹ Robert V. Daniels, *Studying History: How and Why*, Prentice-Hall, New Jersey, 1966, hal.28.

PERPUSTAKAAN MAB ASSIDDIQ

Pada akhir tahun 1920an Abdul Kadir Adabi, Nik Yusuf Hilmi, Hassan Haji Omar, Asaad Shukri Haji Muda, Haji Karim dan lain-lain telah mendesak Kerajaan Inggeris supaya mengadakan Sekolah Inggeris di negeri itu yang dibiayai sendiri oleh Kerajaan itu dan bukan diletakkan di bawah *Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*.²

Menurut Haji Karim, hasil dari desakan ini Kerajaan Inggeris telah membina sebuah sekolah berbentuk bangsal dan seorang pegawai Inggeris, H.R. Carey, dicadangkan menjadi guru di sekolah yang terletak di Pejabat Pertanian Kelantan. Tetapi sekolah ini tidak pernah dimulakan dan akhirnya 'sekolah' tersebut dijadikan kandang kuda H.R. Carey.³

Salah seorang penulis yang paling disegani pada masa itu ialah Abdul Kadir Adabi. Abdul Kadir Adabi dilahirkan di Kota Bharu dalam tahun 1904, anak kepada Encik Ahmad Penghulu dan Cik Biru binti Abu Bakar. Pada masa kecilnya dia mendapat pelajaran di Madrasah Muhammadiyah. Bakatnya dalam lapangan karang-mengarang mendapat asuhan dan pupukun Datuk Laksmamana. Beliau banyak sekali membaca tulisan-tulisan dari Indonesia yang memberi kesan penting dan dalam kepada pemikirannya pada masa akan datang.

Asaad Shukri dilahirkan pada 25hb. Februari 1905 di Kampung Masjid, Kota Bharu. Beliau mendapat pendidikan awalnya di Kelantan, iaitu di Padang Merdeka sekarang, hingga tamat darjah enam. Beliau kemudiannya memasuki Madrasah Muhammadiyah apabila sekolah ini ditubuhkan dalam tahun 1917 sebagai salah seorang dari pelajar-pelajar yang pertama. Di sini beliau belajar Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pelajaran Ugama Islam, syarahan dan kewartawaran. Setamatnya dari menuntut di sini beliau bekerja sebagai kerani di pejabat Majlis Bandaran Kota Bharu.

Dalam tahun 1931, H.R. Carey dikirim oleh Jabatan Pelajaran Negeri-negeri Selat sebagai Superintendent Pelajaran

²Interviu dengan Haji Karim Banggol pada 30 Mei 1972. Lahir di Sungai Pinang tahun 1893. Dalam tahun 1914 beliau pergi ke Mekah selama setahun. Umur 10 tahun hingga 29 belajar ugama dengan bapa sendiri. Kemudian pelajar lagi di Mekah. Jadi guru dan akhirnya Guru Pelawat hingga 1947.

³*Ibid.*

Kelantan. Jawatan ini dimansuhkan tidak lama kemudian. "Most unfortunately the rigours of the slump necessitated the retrenchment of this post a year later, in March 1932, and Encik Abdul Hadi had to resume responsibility."⁴

Tetapi dipercayai jawatan Encik Abdul Hadi ini bukanlah bertanggungjawab terhadap penubuhan Sekolah Inggeris yang pertama di Kelantan di bawah kelolaan Kerajaan Inggeris, kerana Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama baru dibuka pada awal tahun 1936 dengan nama Ismail English School.

At the beginning of the year a Government English School named after His Highness the Sultan, 'The Ismail English School' was opened with a view to giving education to boys up to the Junior Cambridge Standard and to providing a basis for the selection of promising scholarship students and also for the filling of vacancies in the junior grades of the Clerical Service.⁵

Bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa penubuhan Sekolah Inggeris yang pertama itu adalah kesan dari beberapa tekanan yang diwujudkan oleh keadaan pada akhir tahun-tahun 1920an dan awal tahun 1930an. Di antara keadaan-keadaan itu ialah teguran-teguran dalam *Pengasuh* dan *Al-Hikmah* serta, yang lebih penting, sebuah pertubuhan yang wujud dalam tahun 1928, iaitu *Putera Club*. Kelab ini, yang dipelopori oleh Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri Haji Muda, bertujuan memberi latihan karang-mengarang dan baca-membaca kepada pemuda-pemuda. Kelab ini telah berjaya menerbitkan sebuah majalah yang bernama *Putera*.

Tetapi apa yang jelas, kelab dan majalahnya bukan setakat melatih karang-mengarang, malah telah melibatkan diri dalam isu-isu yang lebih sensitif masa itu.⁶

Majalah *Putera* tidak panjang usianya kerana ia telah ditahan penerbitannya oleh Inggeris berhubung dengan sebuah rencana yang bertajuk *Ulama Manakah Mengganti Nabi?*

Ketika itu, isu seperti itu sangat sensitif kerana sejak dari zaman Tuan Tabal lagi hingga tahun-tahun 1930an ulamak-ulamak sering bertelagah bersabit dengan hukum-hukum agama dan masalah-masalah mengenainya.

⁴G. A. de C. de Moubray, *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Kelantan for the year 1936*, Cheong Fatt Press, Kelantan, 1937, hal.39.

⁵*Op. cit.*, hal.42.

⁶*Berita Minggu*, 24 September, 1972.

Menurut setengah-setengah ulamak, hal ini berlaku kerana di Kelantan terdapat dua golongan alim-ulamak yang berpengaruh — satu kumpulan mendapat didikan dari Mesir dan satu lagi golongan lagi terikat kepada ide-ide keislaman India.

Tetapi ada satu lagi pendapat yang mengatakan bahawa dalam tahun-tahun 1920an *bureaucracy* dalam pentadbiran negeri Kelantan telah menjadi monopoli segolongan orang-orang yang diketuai oleh Datuk Perdana Haji Nik Mahmud. Penasihat British sendiri seringkali terpaksa tunduk kepada Datuk Perdana Haji Nik Mahmud dalam beberapa hal.⁷

Sejarah pertubuhan-pertubuhan di Kelantan sebenarnya dapat dikesan sejak tahun 1922 lagi bila Sultan Ismail sendiri telah menubuhkan *Setia Kelab*. Tetapi dipercayai kelab ini tidak begitu penting, kerana ia cuma merupakan satu pertubuhan untuk segolongan orang-orang tertentu saja. Tujuannya juga tidak jelas.

Pada 15 Mac 1927 tertubuh pula *New Club* yang bertanggungjawab menerbitkan majalah *Terot*. Kelab ini diwujudkan di Pasir Puteh. Tujuannya ialah menggalakkan pemuda-pemuda dalam bidang penulisan dan kebudayaan. Majalahnya boleh dibeli dengan harga langganan empat ringgit setahun.

Bagaimanapun, kelab-kelab sebelum 1928 tidaklah begitu penting. Hanya apabila muncul *Putera Club* dengan Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri sebagai pemimpin-pemimpinnya barulah terlihat tendensi-tendensi yang radikal dalam pemikirannya. Malahan '*Ulamak Manakah Mengganti Nabi*', lebih bersifat revolusionir⁸ jika dilihat dari *status quo* ugama masa itu.

Menurut Haji Karim,⁹ *Putera* pernah juga menyuarakan sikapnya yang sinis sambil mengkritik Kerajaan Inggeris, ahli-ahli Mesyuarat Negeri dan, malahan, sultanpun dalam soal-soal pelajaran dan kemajuan orang-orang Melayu di negeri itu umumnya. Dalam masalah ini Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri mendapat sokongan yang kuat daripada Nik Yusuf Hilmi dan Ahmad Sahsiah atau Ahmad bin Ismail.

Dalam tahun 1923, Abdul Kadir Adabi pernah mengirim

⁷Orang-orang yang diinterviu (Ogos 1972) enggan nama mereka disiarkan.

⁸Interviu dengan Drs. Abdul Rahman Ahmadi, 13 Mei, 1972.

⁹Interviu pada 30 Mei, 1972.

surat kepada Sultan Kelantan memohon ditubuhkan pejabat terjemah-menterjemah, sebuah kolej di Kelantan dan sebuah Universiti di Tanah Melayu.

Abdul Kadir Adabi menegaskan bahawa universiti itu tidaklah boleh diharapkan bangsa asing menubuhkannya. Dalam tahun 1930an, saranan beliau ini menimbulkan perdebatan hangat dengan pemimpin harian *Warta Malaya*, Syed Hussin. Abdul Kadir Adabi dibantu oleh Datuk Lela Negara Ahmad bin Ismail, pengarang *Al-Hikmah*.

Majalah *Putera* bukan saja disebarkan di seluruh Tanah Melayu bahkan juga di Patani dan Indonesia. Malah majalah ini telah menerima sambutan yang baik dari penulis-penulis luar Kelantan seperti Hassan Bandung, seorang ulamak beraliran radikal dari Indonesia yang selalu menghantar rencana-rencananya kepada majalah *Putera*.

Di antara desakan yang dibuat di dalam majalah *Putera* ialah tuntutan kepada pemerintah supaya jangan mengamalkan dasar diskriminasi dalam memberi pelajaran kepada orang-orang Melayu. Mereka mendesak supaya rakyat biasa juga dihantar belajar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar tetapi desakan ini tidak mendapat sambutan. Majalah ini juga turut mendesak supaya sekolah Inggeris ditubuhkan oleh kerajaan di Kelantan.

Dalam majalah *Edaran Zaman* keluaran 18 Oktober, 1928, Abdul Kadir Adabi yang mendapat didikan Sekolah Majlis dan dipengaruhi oleh tulisan-tulisan Datuk Laksamana Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said, pengarang *Pengasuh* yang pertama, telah menulis sebuah rencana yang bertajuk '*Tiket-Tiket Yang Membawa Sebab Kepada Merbahaya Besar di Kelantan*'. Rencana inilah yang mengheretkannya ke dalam penjara kerana dituduh mengganggu ketenteraman awam.

Dalam tahun 1930 muncul pula majalah *Kencana* sesudah *Putera* ditahan penerbitannya.

Dalam tahun 1931 sebuah pertubuhan lagi iaitu *Setiawan Belia* ditubuhkan. Antara orang-orang yang terlibat mewujudkan persatuan ini ialah Asaad Shukri, Abdul Kadir Adabi, Nik Yusuf Hilmi dan Hassan Fikri. Kebanyakan anggota-anggotanya terdiri daripada pelajar-pelajar Madrasah Muhammadiyah. Tetapi sebelum sempat terlaksana cita-cita *Setiawan Belia* dalam projek-projek persuratan dan kebudayaan, ia telah terlibat da-

lam tuduhan membuat perhubungan dengan Partai Komunis Indonesia. Rumah persatuan itu telah diledakkan, segala surat-surat persatuan dirampas dan ketuanya, Assad Shukri serta setiausahanya, Safiah Huzaimah, ditahan.¹⁰

Ini jelas menunjukkan bahawa *Setiawan Belia* bulan saja merupakan sebuah persatuan yang menitik-beratkan soal-soal penulisan dan kebudayaan, tetapi juga secara diam-diam telah menjadi sebagai gerakan politik bawah tanah.

Pada 22 Julai, 1932 ketika berucap pada hari ulangtahun keputeraan Sultan Kelantan, Ishak Fathi Taib, wakil *Setiawan Belia* berkata:

Oleh sebab patik berperang kuat titah Tuanku itu, berhimpunlah patik saudara-bersaudara dan membangunkan sebuah kumpulan belia serta dinamakan "Setiawan Belia Muhammadi" yang terdiri di dalam masa Tuanku yang amat bertuah ini. Dari hari ini patik dengan tangan terbuka menaruh dan menanti cucuran rahmat pengurniaan Tuanku; dan berpeganglah patik dengan tekad Bumi Melayu Bagi Melayu.¹¹

Ungkapan 'Bumi Melayu Bagi Melayu' itu dalam tahun 1930an barangkali tidaklah begitu berkesan kerana implikasi seumpama itu telah pernah dituturkan sejak dalam tahun 1920an lagi. Tetapi, apa yang lebih penting dari ungkapan itu ialah kejadian-kejadian selepasnya menunjukkan bahawa 'Bumi Melayu Bagi Melayu' memang mempunyai kekuatan dan keazaman dalam usaha mempertahankan hak orang-orang Melayu kerana dalam tahun 1935 Asaad Shukri telah menubuhkan pula *Dewan Bahasa Melayu*, yang dianggotai oleh, di antaranya, alim ulamak, pengarang-pengarang dan pegawai-pegawai kerajaan. Muhammad bin Baba menjadi Yang di-Pertuannya. Asaad Shukri sendiri menjadi Setiausaha.

Ini adalah satu lagi usaha ke arah mewujudkan sebuah pertubuhan yang bercorak politik di Kelantan. Jika difikirkan bahawa sejak kelahiran *Putera* dan *Kencana* lagi Asaad Shukri dan Abdul Kadir Adabi telah berutus-utus surat dengan Hassan Bandung dari Indonesia dan, malah, mengolah kembali surat-surat Hassan Bandung dalam majalah *Putera*, maka tidak dapat dinafi-

¹⁰ *Berita Minggu, op.cit.*

¹¹ Saad Shukri Haji Muda, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, PAP, 1971, hal. 162.

kan *Dewan Bahasa Melayu* bukan setakat memupuk bahasa dan kebudayaan Melayu semata-mata. Seperti *Setiawan Belia*, maka *Dewan Bahasa Melayu* juga berselindung-selindung dalam tujuan dan motifnya. Apabila *Persatuan Melayu Kelantan* ditubuhkan setahun kemudian (1936?), barulah terlihat dengan jelas bahawa persatuan-persatuan sebelumnya merupakan semaian-semaian politik yang cuma menanti masa saja untuk menjadi pohon yang berakar tunjang yang kuat.

Persatuan Melayu Kelantan dipimpin oleh Nik Muhd. Salleh bin Omar, Nik Yahya bin Nik Daud, Haji Othman bin Tahir dan Ahmad Ismail. Asaad Shukri sekali lagi muncul sebagai setiausahaanya. Ketika dalam *Persatuan Melayu Kelantan*lah Asaad Shukri menjelajah negeri-negeri di Tanah Melayu dan dari pengalaman ini "kesedaran tentang pengertian politik dan kemerdekaan" telah timbul.

Sebagai ahli politik ia pada waktu itu banyak berjalan di Tanah Melayu. Perjalanan ini telah memberikan kepadanya banyak pengalaman dan kesedaran tentang pengertian politik dan kemerdekaan.¹²

Menurut Abdul Rahman Al-Ahmadi,¹³ bersama-sama Abdul Kadir Adabi dan Nik Yusuf Hilmi, Asaad Shukri pernah menulis mengenai *Ilmu Ijtimah* dan *Perjuangan Siasah dan Alunan Perhimpunan Ummah* dalam tahun 1930an.

Bagaimanapun, *Persatuan Melayu Kelantan* sebagai sebuah pertubuhan politik tunggal tidak jelas, kerana selain dari ianya mendahului *Kesatuan Melayu Muda* yang ditubuhkan oleh Ibrahim Yaakub itu, sumber-sumber yang konkrit, yang boleh meletakkannya sebagai sebuah badan politik yang pertama pernah ditubuhkan di Tanah Melayu dan khususnya di Kelantan, tidak didapati.

Tetapi hipotesis bahawa pertubuhan-pertubuhan ini, dengan kegiatan penulis-penulisnya yang menyiarkan tulisan-tulisan yang radikal dalam majalah dan suratkhbar seperti *Putera*, *Kencana*, *Terot* dan lain-lain itu, telah meletakkan batu asas dalam melaksanakan cita-cita kebangsaan dan mempercepatkan lahirnya semangat kebangsaan, bolehlah diterima.

¹² Abu Bakar Hamid, "Mengenang Allahyarhum Saad Shukri", *Dewan Sastra*, Mac 1971, hal. 55.

¹³ Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung", *Dewan Bahasa*, Disember 1972, hal. 535.

Yang sebenarnya permohonan untuk mendapat kelulusan dari kerajaan untuk menubuhkan *Persatuan Melayu Kelantan* telahpun dua kali dibuat sebelumnya tetapi tidak diluluskan dengan alasan orang-orang Melayu Kelantan belum layak lagi mempunyai persatuan seperti persatuan-persatuan yang telah ditubuhkan di Perak, Pahang dan Selangor.¹⁴

Oleh kerana tidak mendapat kelulusan dari kerajaan, maka Kelantan tidak dapat menghantar wakilnya ke Persidangan Persatuan-Persatuan Melayu Seluruh Malaya yang diadakan pada 6 Ogos 1939 di Kuala Lumpur. Hanya *Persekutuan Setiawan Belia* sahaja yang mengutus surat mendoakan kejayaan persidangan tersebut.¹⁵

Oleh kerana gagal untuk bergerak, ramai ahli-ahli jawatankuasa *Persatuan Melayu Kelantan* telah menubuhkan pula *Persetiaan Melayu Kelantan* pada 31 Ogos 1940 atas inisiatif Nik Mahmud bin Ab. Majid. Ura-ura untuk menubuhkan *Persetiaan Melayu Kelantan* wujud sejak 1935 lagi. Tapi penubuhannya tidak diluluskan oleh pemerintah kerana ia berbau politik. Yang di-Pertua pertubuhan ini ialah Tengku Mahmud bin Sultan Muhammad IV manakala Setiausahanya ialah Nik Mahmud sendiri. Ahli jawatankuasanya ialah Abdul Rahman bin Haji Ahmad dan Nik Yahya bin Nik Daud. Keanggotaannya sehingga Disember 1940 berjumlah 850 orang.¹⁶ Antara ketetapan yang diterima dalam mesyuarat 23 Oktober 1940 ialah mendesak kerajaan supaya menubuhkan sekurang-kurangnya satu lagi batalion askar Melayu menjelang tahun 1941.¹⁷

Dalam persidangan persatuan-persatuan Melayu seluruh Malaya yang Kedua yang diadakan di Singapura pada 25 dan 26 Disember 1940, *Persetiaan Melayu Kelantan* telah berjaya menghantar dua orang wakilnya iaitu Ismail bin Ibrahim dan Ibrahim bin Haji Ya'akob.

Persekutuan Setiawan Belia Kota Bharu juga menghantar seorang wakilnya ke persidangan tersebut, iaitu Nik Muhammad Sofi bin Abdul Kadir, penolong Setiausahanya.

¹⁴ *Warta Malaya*, 3 November, 1937, hal. 7 dan 29 November, 1938, hal. 3.

¹⁵ *Maflis*, 7 Ogos, 1939, hal. 8.

¹⁶ *Al-Hikmah*, 19 Disember, 1940, hal. 18.

¹⁷ *Ibid.*, 7 November, 1940.

Sebagai seorang yang cergas dalam bidang persuratan dan kemasyarakatan, Asaad Shukri bersama Abdul Kadir Adabi terjun pula ke dalam bidang politik. Mereka aktif dalam *Kesatuan Melayu Muda* dalam tahun 1937. Bahkan kedua-dua tokoh ini selalu menjadi tulang belakang kepada roda pergerakan *Kesatuan Melayu Muda* baik di Kelantan mahupun di Kuala Lumpur dan di Singapura. Oleh itu tidak menghairankan apabila Asaad Shukridan Abdul Kadir Adabi selalu menjadi intipan polis.¹⁸ *Kesatuan Melayu Muda* cawangan Kelantan ditubuhkan dalam tahun 1940. Dalam tahun 1937 penubuhan *Kesatuan Melayu Muda* cuma masih dalam rancangan Ibrahim Yaakub dan Ishak Haji Muhammad. Pada awal tahun 1938 barulah benar-benar muncul sebuah partai politik yang diharap-harapkan itu.¹⁹

Pada tahun 1940, selepas lawatan Ketua Umum *Kesatuan Melayu Muda* ke seluruh tanahair, banyak tempat-tempat dan negeri-negeri menubuhkan cawangan-cawangan *KMM*. Di Kelantan, *KMM* diasaskan oleh Abdul Kadir Adabi dan Ibrahim Mustaffa.²⁰ Asaad Shukri tentulah tidak ketinggalan dari menyertai kumpulan ini kerana ia telah dipilih menjadi Naib Yang di-Pertua, sementara Abdul Kadir Adabi menjadi Yang di-Pertua.²¹ *KMM* telah dibubarkan dalam tahun 1943 oleh Jepun kerana disyaki menjalankan aktiviti-aktiviti yang membahayakan kedudukan Jepun sendiri.

Di sini jelas menunjukkan bahawa *KMM* cawangan Kelantan ditubuhkan selepas lawatan pemimpin-pemimpin Pusat dalam tahun 1940. Tetapi hal ini, tidak dapat memperkecilkan peranan yang dimainkan oleh Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri serta Ibrahim Mustafa, Haji Wan Mahmud, Nik Jaafar Nik Hassan, Yusof Ismail, Muhamad Haji Abdul Salam dan Abdullah Mustapha dalam *KMM* cawangan Kelantan dalam zaman Jepun. Penyertaan mereka ini dalam *KMM* menyebabkan kita mirip untuk membuat kesimpulan bahawa berdasarkan cita-cita dan perjuangan *KMM* sendiri, Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri se-

¹⁸ Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Kenangan Sepintas Lalu", dalam *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, hal. 209.

¹⁹ I.K. Agastja, *Sejarah dan Perjuangan di Malaya*, Djokjakarta, 1948, hal. 72.

²⁰ *Op.cit.*, hal. 72.

²¹ Abu Bakar Hamid, *op.cit.*, hal. 55.

memangnya anti-feudal, anti-penjajah, penyokong republikanism dan bercita-cita terhadap penyatuan Indonesia-Malaya.

Pengharaman ke atas *KMM* dalam tahun 1943 di Kelantan tidak memadamkan semangat bekas-bekas anggota *KMM*, kerana apabila Kerajaan Jepun menubuhkan *Barisan Buruh Sukarela (BBS)*, bekas anggota *KMM* bertemu kembali dalam barisan ini.²²

BBS sebenarnya merupakan suatu barisan pemuda yang ditubuhkan oleh Jepun. Meskipun gerakan ini bersifat non-politik, anggota-anggota *KMM* yang diharamkan itu terus menjalankan kempen-kempen untuk menyatukan orang-orang Melayu. Ustaz Yusuf Zaki Yaakub pernah bersama-sama Ibrahim Yaakub, bekas pemimpin *KMM* itu, berpidato di bangunan *Majlis Ugama Islam* tentang perlunya orang-orang Melayu bersatu-padu.²³

kempen-kempen penyatuan orang-orang Melayu. Ustaz Yusuf Zaki Yaakub pernah bersama-sama Ibrahim Yaakub, bekas pemimpin *KMM* itu, berpidato di bangunan *Majlis Ugama Islam* tentang perlunya orang-orang Melayu bersatu-padu.²³

Kebanyakan tema dalam drama-drama yang dipersembahkan oleh *BBS* adalah bersemangat kebangsaan yang menonjolkan keagungan serta keperwiraan watak Hang Tuah. Demikian juga lagu-lagu yang dinyanyikan oleh pemuda-pemuda *BBS* adalah bercorak kebangsaan.

Dilihat dari segi ini, maka dalam zaman Jepun tidaklah boleh dikatakan zaman 'inactivity'. Sungguhpun kegiatan-kegiatan politik secara berorganisasi telah diharamkan, namun jelas sekali usaha-usaha untuk membangkitkan semangat kebangsaan diteruskan secara berselindung-selindung dan, sebagaimana dikatakan, bertopengkan seni drama dan hasil-hasil kesusasteraan yang lain.

Jika dilihat perkembangan kesusasteraan secara meluas, maka akan terbukti adanya '*Ruangan Kesusasteraan*' dalam *Berita Malai* mulai 29 Ogos, 1944, yang dipimpin oleh A. Samad Ismail, di mana dimuat sajak-sajak Melayu. '*Ruangan Kesusasteraan*' yang julung-julung kali itu dipenuhi dengan sajak gubahan Zubir Salam, Penolong Pengarang *Berita Malai* dengan tajuk '*Putera Asia*'.

²²Interviu dengan Hamzah Abdul Ghani, Oktober, 1972.

²³*Ibid.*

Dalam keluaran 5 September, 1944 *Berita Malai* memuat '*Bunga Sakura*' dan '*Rose Kupunya*'. Kedua-duanya bersifat romantis tetapi juga mengandungi semangat patriotis. Kedua-duanya adalah ciptaan Masuri S.N.

Mengapakah Masuri memuja-muja bunga Sakura? Jawabnya kiranya tak lain kerana mengelabui penapisan oleh Jepun. Bukankah bunga Sakura itu merupakan bunga pujaan ramai Jepun? Tetapi dalam sajaknya yang kedua, *Rose Kupunya*, pujaannya kepada bunga Rose atau Mawar. Mungkin dalam hati Masuri timbul perasaan kurang sedap kerana membantu mempropagandakan bunga pujaan orang-orang Jepun, perlu diadakan perbandingan yang halus supaya pembaca yang teliti dapat memahami maksud dan tujuannya yang patriotik tadi.²⁴

Hasil ciptaan sastra bercorak sindiran terhadap Jepun dan tulisan-tulisan yang memperkatakan tentang semangat kebangsaan haruslah dapat dikesan juga dalam *Matahari* khususnya, iaitu akbar yang diterbitkan pada bulan Januari 1942 oleh Jepun di Kelantan di mana anggota redaksinya terdiri daripada Asaad Shukri dan Abdul Kadir Adabi. Yang lain-lain ialah Haji Wan Mahmud dan Ibrahim Mustapha.

Abdul Kadir Adabi tidak lama dalam *Matahari*, kerana apabila *KMM* diharamkan dalam tahun 1943 beliau terus pula melibatkan diri dalam *Tentera Pembela Tanah Air (PETA)*. Arahannya yang diterimanya dari *PETA* Pusat di Singapura menyebabkan beliau diintip oleh Jepun dan akhirnya Abdul Kadir Adabi melepaskan diri ke Trengganu di mana beliau meninggal dunia dalam tahun 1944. Tetapi beberapa orang sahabatnya telah ditangkap dan dipenjarakan oleh Jepun.

Walaupun ia telah meninggal dunia dalam usia yang singkat, usaha-usaha dan fikiran beliau memang kuat pengaruhnya. Semua karya-karyanya yang ditulis dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an merupakan isu-isu yang menjadi buah fikiran *KMM*, *PETA*, *KRIS*, *Persetiaan Melayu Kelantan* dan *PKMM*.

Antara hasil ciptaannya yang patut diulang sebut ialah '*Ancu-man Mahkota*', '*Melati Kota Bharu*', '*Sebelas Rejab*', '*Persimbahan Darah Di Bawah Lipatan Takdir*', '*Semut Di Meja Masyarakat*'.

²⁴Drs. Li Chuan Siu, *Ikhtisar Sejarah Pergerakan dan Kenusasteraan Kelayu Moden*, 1945-65, P.A., 1967, hal. 35.

kat' (disiar dalam *Saudara*), '*Darah Putih Dengan Darah Merah*' (*Saudara*) dan '*Tiket-tiket Yang Membawa Sebab Kepada Merbahaya Besar Di Kelantan*' (dalam *Edaran Zaman*).²⁵ Kita tidak dapat mengesan tajuk-tajuk tulisannya dalam *Matahari*, tetapi memadai dengan mengatakan bahawa sumbangannya kepada pertumbuhan inteligensia Melayu di Kelantan memang tidak dapat diperkecilkan.

Kedudukannya dalam gelora politik tahun 1930an adalah sejajar dengan tokoh-tokoh seperti Ibrahim Yaakub, Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail.²⁶

Ketiadaan Abdul Kadir Adabi benar-benar merupakan suatu kehilangan besar kepada Asaad Shukri. Nik Yusuf Hilmi, Ibrahim Mustaffa dan lain-lain dari kumpulan Adabi ini ternyata kehilangan pemimpin dan inilah yang menyebabkan berlakunya kelumpuhan dalam cita-cita mereka. Di samping itu, tindakan Jepun masa itu juga menyumbangkan hujahnya terhadap ketidak-mampuan kumpulan itu bergerak terus.

Kegiatan Asaad Shukri dalam zaman Jepun mendatangkan syak wasangka Kerajaan Inggeris dalam tahun 1945. Ini menyebabkan beliau buat pertama kalinya mengenali kehidupan dalam penjara. Ia bersama beberapa orang rakannya ditahan dalam penjara di Kota Bharu atas tuduhan menderhaka kepada kerajaan. Asaad Shukri meringkuk dalam penjara selama 8 bulan 17 hari.

Semasa dalam penjara inilah ia banyak membuat perhubungan dengan pegawai-pegawai Melayu yang bekerja dengan Kerajaan. Pengalamannya dan kesedaran beliau hasil dari perhubungan ini diterangkan sendiri oleh beliau demikian:

Semua pegawai-pegawai Melayu Kelantan masa itu buta politik dan menganggap politik itu haram sebagai hantu jahat. Inilah masa perhambaan yang tersemadi di hati sanubari mereka hingga menjunjung tinggi perkara batal kerana telah menjual kebebasannya dengan harga yang murah sehingga menjadi perkakas untuk mengabui mata orang ramai.²⁷

²⁵Drs. Abdul Rahman Ahmadi, "Abdul Kadir Adabi", *Mingguan Kota Bharu*, 29 November, 1969.

²⁶*Pembena*, suratkhbar Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan, Jilid 2, Bil. 5, Mei 1971.

²⁷ Disebut oleh Abu Bakar Hamid, *op. cit.*, hal. 55.

Dalam tempuh 15 tahun sebelum Jepun menyerah kalah, Kelantan sebagaimana juga negeri-negeri lain, menghadapi zaman yang penuh pengalaman dan cabaran. Orang-orang Melayu yang begitu lama terkongkong mula-mula menggunakan badan-badan sukarela dan bidang kesusasteraan untuk menarik perhatian kepada kelangsungan budaya dan kebangsaan. Lama-kelamaan bidang-bidang ini diperkembang dan diperkukuhkan sehingga wujud gagasan yang bercita-cita untuk mengambil alih kuasa pentadbiran dari Inggeris.

7 Parti Politik Selepas Perang

Dalam tahun 1946 Sir Harold MacMichael, Wakil Kerajaan British, tiba di Kota Bharu dan mengadap Sultan. Beliau adalah dalam siri-siri lawatan menemui Raja-raja Melayu untuk mendapatkan tandatangan *Perjanjian Malayan Union*. Perjanjian ini yang ditandatangani oleh semua Raja-raja Melayu telah melahirkan *Malayan Union*. Seluruh Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat diisytiharkan menjadi sebuah Kerajaan *Malayan Union*. Singapura dijadikan Tanah Jajahan British yang asing dan ditadbirkan oleh Gabenornya sendiri. Bagaimanapun, perjanjian ini diketahui sebagai suatu penipuan kerana apa yang ternyata ialah rakyat Melayu kehilangan sebahagian besar dari hak-hak mereka. Kesedaran ini lebih-lebih lagi dirasai di Kelantan. Orang-orang Melayu dan pemimpin-pemimpin *Persetiaan Melayu Kelantan* tidak dapat bersabar lagi. Semangat dan kemarahan mereka benar-benar telah sampai ke kemuncak.

Oleh sebab itu, *Persetiaan Melayu Kelantan* terus menganjurkan perarakan besar di Kota Bharu dengan membawa cogankata-cogankata menghina dan mempersoalkan keadilan Inggeris. Kira-kira 30,000 orang Melayu mengambil bahagian dalam perarakan besar itu menuju ke rumah Penasihat British dan kemudian menghala ke Istana Mahkota Sri Cemerlang. Wakil-wakil *Persetiaan Melayu Kelantan* telah mengadap Sultan serta menyembahkan bantahan.¹

Pada 29 Mac, 1946, *Persetiaan Melayu Kelantan* mengirimi tiga wakilnya ke *Kongres Melayu* di Kuala Lumpur. Mereka

¹ Interviu dengan Ustaz Yusuff Zaki Yaakob, April 1972.

ialah Haji Ishak Lofti, Muhammad bin Busu dan Tuan Fadlullah Suhaimi, seorang pengarang buku-buku agama dan bekas pelajar Universiti Al-Azhar. Pada 13 April 1946, dua minggu sesudah Kerajaan British mengisytiharkan pelaksanaan *Perjanjian Malayan Union, Persetiaan Melayu Kelantan* sekali lagi mempersembahkan surat kepada Sultan Kelantan. Antara kandungannya ialah:

- a) Menggesa Sultan jangan mengiktiraf *Malayan Union*;
- b) Menggesa Sultan membuat perhitungan yang masak sebelum sesuatu keputusan diambil;
- c) Mensifatkan *Malayan Union* sebagai "badan yang haram disentuh" dan sebagai "satu najis yang wajib dijauhi";
- d) Mencadangkan agar Sultan-Sultan menjemput sama Jawatankuasa *Kongres* menyertai Majlis Mesyuarat "supaya bantahan Sultan-Sultan itu bersamaan dengan kehendak-kehendak dan maksud rakyat Melayu" dan
- e) Mencadangkan kepada semua Sultan-Sultan supaya mengadakan suatu pertubuhan Sultan-Sultan dengan nama *Perikatan Setia Sultan-Sultan Melayu*, dan *PSSM* hendaklah mengirim lapuran ke negara-negara Islam yang merdeka mengenai apa yang berlaku di Tanah Melayu.

Memorandum ini jelas menunjukkan bahawa isu *Malayan Union* itu tidak banyak diketahui oleh rakyat jelata dan mereka seolah-olah menerima saja persetujuan yang dibuat antara Sultan Kelantan di satu pihak dengan Inggeris di satu pihak lagi. Ia juga menjelaskan bagaimana Sultan sendiri tidak mendalami *Perjanjian Malayan Union* dan baginda seolah-olah dipaksa menandatangani *Perjanjian* itu menurut apa yang dikata oleh MacMichael. Pemimpin-pemimpin Melayu yang sedar terhadap kedudukan politik bangsanya dan bangsa immigrant ketika itu tidak diajak berunding.

Cadangan *Persetiaan Melayu Kelantan* itu agar Jawatankuasa *Kongres* di Kuala Lumpur itu diajak bersama dalam Majlis Mesyuarat untuk membincangkan soal *Malayan Union* adalah jelas menunjukkan orang-orang yang sedar terhadap keadaan sebenarnya berlaku dalam negeri mereka, telah diketepikan. Seterusnya *Persetiaan* bukan berkata saja malah bertindak mengotakan kata-katanya. Dalam pertengahan Mei 1946 satu perarakan kerana membantah *Malayan Union* diadakan di Kota Bharu, dan tepat ketika ketibaan rombongan D.R. Res William dan L.D. Gamons

yang dikirimkan oleh Parlimen British untuk meninjau fikiran rakyat di Tanah Melayu mengenai penubuhan *Malayan Union*.

Pada akhir Mei pemimpin-pemimpin pertubuhan politik di Kelantan yang dipenjarakan telah dibebaskan. Antaranya ialah Asaad Shukri, Ustaz Haji Wan Mahmud, Haji Hussin Khalii dan lain-lain. Di Kelantan, tahun-tahun selepas Perang memperlihatkan suatu zaman penentuan dalam perjuangan untuk mengembalikan hak dan identiti bangsa. Walaupun Abdul Kadir Adabi telah tidak menyertai angkatan baru ini kerana beliau telah meninggal dunia, Asaad Saad Shukri, Ishak Lotfi, Muhamad Asri bin Haji Muda, Nik Hassan Yahya, Ustaz Wan Mahmud, Yusuff Zaki serta Hamzah Ghani dan orang-orang yang lebih muda telah meneruskan perjuangan dalam pertubuhan-pertubuhan politik dan semi-politik. Tahun-tahun berikutnya memperlihatkan pula munculnya *Persatuan Kebangsaan Melayu Malaya* Cawangan Kelantan. Asaad Shukri dilantik sebagai Yang Di Pertua. Pada 22 Disember dan sekali lagi pada 27 Disember, beliau menyertai *Kongres PKMM* di Padang Rengas dan Singapura. Setelah pemimpin-pemimpin *Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)* ditahan dipertengahan tahun 1948, Asaad Shukri menyertai *Persetiaan Melayu Kelantan* dan dilantik menjadi Naib Yang di Pertua.

Selepas Perang Dunia Kedua beberapa buah badan yang berbentuk politik ditubuhkan. Antaranya ialah *Persetiaan Melayu Kelantan* dan *Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan* (sebuah persekutuan yang mencantumkan *Suara Muda*, *Persekutuan Pemuda Melayu*, *Pertubuhan Rumaja Pemimpin (PERUPA)* dan *Pemuda Asuhan Bekerjasama*). *Persekutuan Pemuda Melayu* diasaskan oleh pemuda-pemuda lulusan Ismail English School. *PERUPA* pula diasaskan oleh pemuda-pemuda keluaran Sekolah Melayu Majlis dan *Pemuda Asuhan Bekerjasama* diasaskan oleh pemuda-pemuda lepasan Sekolah Arab Majlis, antaranya ialah Ustaz Yusuf Zaki Yaakub dan Abu Bakar Al-Ahmadi. Semua pertubuhan-pertubuhan ini berbentuk politik dan memperjuangkan cita-cita politik untuk orang-orang Melayu. Di samping itu mereka juga memperjuangkan keteguhan budaya dan kesukanan.²

²Interviu dengan Hamzah Abdul Ghani, April 1972.

Dalam tahun-tahun 1950an *UMNO* dan *Parti Islam Setengah Melayu* telah muncul di Kelantan sebagai dua buah parti yang memperjuangkan survival politik. Pengaruh yang hebat kedua-dua buah parti ini telah menenggelamkan pertumbuhan-pertumbuhan sebelumnya. Orang-orang yang memimpin kedua-dua buah parti tersebut boleh dikatakan orang-orang yang sama juga berjuang dalam *Persetiaan Melayu* dan *Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan*, yang dalam tahun-tahun 1930an dan 1940an sangat berpengaruh. Muhamad Asri bin Haji Muda, Ishak Lotfi dan lain-lain adalah di antara orang-orang yang bergiat dalam *Persetiaan Melayu* yang kemudiannya memimpin *Parti Islam Setengah Melayu* dalam tahun 1950an. Nik Mat Datuk Amal, Nik Hassan Yahya, Abu Bakar Al-Ahmadi dan beberapa orang lagi adalah di antara orang-orang yang bertanggungjawab mewujudkan *UMNO*

gungjawab mewujudkan *UMNO* di Kelantan. Mulai tahun 1955 Kelantan menyaksikan satu lagi corak perjuangan politik yang sangat kental dan hebat. Tetapi kali ini, di samping isu kemerdekaan yang diperjuangkan oleh *UMNO*, orang-orang Melayu di Kelantan dikemukakan dengan ideology-ideology *UMNO*, *PAS* dan *Parti Negara*.

Kemunculan *Persetiaan Melayu Kelantan* dalam tahun 1945 manandakan bermulanya suatu zaman baru dalam sejarah pergerakan politik Melayu negeri itu. Sungguhpun dalam zaman sebelum perang telah ada persatuan-persatuan seperti *Setiawan Belia*, *Putera Kelab* dan sebagainya, namun badan-badan ini tidaklah memperjuangkan cita-cita politik unggul. Kalau ada pun kesedaran berpolitik, maka kesedaran ini tidak dapat membakar semangat kesedaran kebangsaan. Oleh sebab itu, zaman sebelum 1937 di Kelantan tidak menyedarkan segolongan besar orang-orang Melayu untuk menyertai kegiatan politik, apa lagi untuk membebaskan tanahair dari penjajahan. Walaupun demikian, suatu hal adalah ketara iaitu mulai tahun-tahun 1920an di Kelantan asas berpolitik telah dibina melalui penulisan karya penulis-penulis seperti Datuk Perdana Haji Mahmud bin Ismail, Tok Kenali Haji Muhamad Yusuf bin Ahmad, Haji Muhamad bin Muhamad Said, Muhamad Adnan, Datuk Lela Negara Haji Ahmad bin Ismail, Ustaz Haji Wan Mahmud dan lain-lain yang dimuat dalam *Pengasuh*, *Al-Hikmah* dan lain-lain penerbitan

Dalam tahun-tahun 1930an, asas politik yang telah disemai oleh penulis-penulis tahun 1920an telah diperkokohkan lagi oleh penulis-penulis seperti Abdul Kadir Adabi, Asaad Shukri bin Haji Muda, Nik Yusuf Hilmi dan serentak dengan itu pula telah muncul tulisan-tulisan dengan konsep "republican" seperti yang terdapat dalam karya-karya Abdul Kadir Adabi dan kemudian didapati juga dalam tulisan Datuk Ahmad bin Ismail.

Penubuhan *Setiawan Bella* dan *Putera Kelab* dalam tahun-tahun 1930an adalah satu langkah untuk membangkitkan kesedaran orang-orang Melayu negeri itu ke arah kegiatan politik. Bagaimanapun, sehingga *Kesatuan Melayu Muda (KMM)* cawangan Kelantan ditubuhkan pada akhir tahun 1930an kegiatan politik secara sedar tidak digembelngkan di Kelantan. Kegiatan inipun terencat juga dalam zaman Jepun. Hanya sesudah Perang Dunia Kedua barulah dapat dilihat dengan nyata penglibatan orang-orang Melayu negeri itu dalam politik. Ini ditandai dengan penubuhan *Persetiaan Melayu Kelantan* sesudah Jepun kalah.

Peristiwa ini bukan tidak bersebab. Kekalahan Jepun menyebabkan gurila-gurila Cina dalam *MPAJA* masuk ke kampung-kampung sambil mendabik dada bahawa merekalah yang bertanggungjawab mengalahkan Jepun. Orang Melayu mulai curiga. Kecurigaan ini dapat dilihat di sana sini perasaan tidak puashati terhadap tindak-tanduk gurila-gurila itu. Mana-mana orang Melayu yang diketahui bekerjasama dengan Jepun dibunuh dengan kejam. Perhubungan baik antara Sultan dengan tentera Jepun menyebabkan gurila-gurila itu merasa cemburu dan akibatnya bangunan *Majlis Ugama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan* di Kota Bharu telah dikhianati sehingga setengah-setengah penjurua bangunan itu rosak binasa. Perbuatan yang tidak dapat dipandang saja oleh orang-orang Melayu ketika itu telah berakhir dengan pertentangan Melayu-Cina di bandar Kota Bharu. Beberapa orang Melayu telah gugur, di antaranya ialah Mat Blatt atau Mat bin Haji Yaakub.³ Hamzah Abdul Ghani, seorang penulis aktivis politik pada waktu itu, telah mengabdikan pengorbanan Mat Blatt dalam sebuah sajaknya di harian *Majlis*, terbitan Kuala Lumpur waktu itu.⁴ Seorang lagi yang menjadi

³ Interview dengan Hamzah Abdul Ghani, April 1972.

⁴ *Ibid.*

korban ialah Jaafar bin Ahmad/Muhamad.⁵ Setelah pembunuhan ke atas Mat Blatt, orang-orang Melayu yang diketuai oleh Pak Nik Lah (bekas Resettlement Officer) telah menyerang gurila-gurila yang pada mula pertempuran berjumlah dua batalion. Peristiwa berdarah inilah yang menyebabkan *Persetiaan Melayu Kelantan* ditubuhkan dalam bulan Disember 1945.⁶ *Persetiaan Melayu* melihat ketika itu kedudukan orang-orang Melayu terancam. Peristiwa tersebut memberi alasan yang baik untuk *Persetiaan* mengemukakan memorandum kepada Sultan Kelantan. Antara isi memorandum tersebut ialah:

Persetiaan Melayu percaya segala dasar dan tujuannya ialah untuk mengekalkan kemuliaan dan kebesaran sultan-sultan Melayu dan bangsa Melayu itu adalah kedudukan tanahair hari ini dan yang akan datang bergantung kepada keteguhan ikatan setia di antara kedua pihak iaitu rakyat Melayu dengan pemerintah Melayu....

Sekiranya sepihak telah mencuai-cuaikan kewajibannya, maka di situlah terzahir nasib keburukan bangsa Melayu, Tuanku dan kemuliaan taraf sultan-sultan Melayu Sudi apalah Tuanku arahkan pandangan kepada bermilium-milium hartabenda terbinasa dan kehilangan beberapa banyak bilangan manusia sedang di dalam kesengsaraan dan keazaban hidup itu tidak lain hanya kerana merebutkan kemerdekaan negeri, bangsa dan tanahair masing-masing, tetapi orang-orang Melayu dengan tidak mengalirkan setitik darah dan seurat bulu roma gugur ke bumi telah hilang kemerdekaannya di pandang rendah taraf kemuliaan sultan-sultan Melayu dengan suatu dugaan dan janji-janji kosong

Jika diteliti anggota-anggota *Persetiaan Melayu Kelantan* pada masa itu kita akan dapati beberapa nama dalam *Persetiaan* adalah tokoh-tokoh politik yang masih hidup hari ini. Antaranya ialah Haji Muhamad Daud bin Haji Salleh, Datuk Bentara Dalam Haji Wan Ahmad bin Wan Muhamad, iaitu presiden *Persetiaan* yang pertama, Haji Daud bin Haji Abu Bakar Al-Ahmadi, Muhamad Asri Haji Muda, Ishak Lutfi bin Omar dan beberapa orang lagi.⁷ Sungguhpun *Persetiaan Melayu* hidup untuk empat tahun saja, beberapa orang anggotanya jelas telah

⁵ *Ibid.*

⁶ *Ibid.*

⁷ Interview dengan Abu Bakar Al-Ahmadi, April 1972.

meneruskan perjuangan politik dalam parti-parti politik yang ditubuhkan kemudiannya.

Muhamad Asri Haji Muda, misalnya, sudah lama dalam politik. Dalam Jepun ia memasuki *API* cawangan Kota Bharu sebagai Bendahari, dan apabila *Persetiaan* ditubuhkan, ia adalah salah seorang anggota jawatankuasanya. Ia pernah menjadi petition writer, penulis bagi suratkhbar *Majlis* dan selepas itu menjadi guru agama di *Sekolah Ugama Maahadaya El-Shariff* di Gunung Semanggul, Perak.⁸ Di Gunung Semanggul, Muhamad Asri bukan saja mengajar, tetapi juga menjadi anggota *Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)* dan setiausaha *Dewan Pemimpinan Hizbul Muslimin*. Dalam tahun 1948, apabila *PKMM* dan *Hizbul Muslimin* diharamkan, Muhamad Asri bersembunyi di Padang Rengas. *UMNO* ketika itu telah ditubuhkan dan perkembangannya diancam oleh *Hizbul Muslimin*. Muhamad Asri menyertai *Partai Islam Setanah Melayu (PAS)* dalam tahun 1953. Sebagai seorang murid bekas Sekolah Pondok dan kemudian memasuki *Sekolah Majlis Ugama Islam* di Kota Bharu, di mana ia mendapat pendidikan formal, cita-cita *PAS* dapat disesuaikan oleh beliau dengan mudah apabila dia menjadi presiden parti itu menggantikan Dr. Burhanuddin El-Helmi. Lebih-lebih lagi semasa di Sekolah Majlis ia pernah melibatkan diri dalam pertubuhan semi-politik, iaitu *Pertubuhan Pemuda Asuhan Bekerjasama (PAB)*. Satu jamuan telah diadakan di rumah Abu Bakar Al-Ahmadi semasa *PAS* Cawangan Kelantan ditubuhkan. Antara mereka yang hadir termasuklah Muhamad Asri sendiri, Ustaz Othman Abdullah dan Haji Mohamad Daud bin Haji Salleh.

Pertubuhan Pemuda Asuhan Bekerjasama (PAB) adalah sebuah persatuan di mana anggota-anggotanya terdiri daripada bekas pelajar Sekolah Arab Majlis. Persatuan ini selalu menyokong idea-idea yang radikal untuk mencapai kemerdekaan. *PAS* tidak berkesan kerana cuma sebilangan kecil saja lulusan Sekolah Arab Majlis yang menyertainya.

Dalam tahun 1948, *PAB* bersama rakan-rakannya – *Pertubuh-*

⁸Interviu dengan Osman Yahya, March 1972.

⁹Interviu dengan Abu Bakar Al-Ahmadi, April 1972.

an *Remaja Pemimpin (PERUPA)*, *Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan* dan *Suara Muda* — telah bercantum dan menubuhkan sebuah persekutuan tunggal, iaitu *Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan (GPPMK)*. Penubuhan *Gabungan PPMK* inilah yang menyebabkan *Persetiaan Melayu* berkubur dalam lipatan sejarah.

Sebagaimana yang dikatakan *PAB* adalah sebuah pertubuhan yang didirikan oleh lulusan Sekolah Arab Majlis. Maka demikian jugalah *PERUPA*, yang ditubuhkan oleh lulusan Sekolah Melayu Majlis, sementara *Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan*, yang ditubuhkan di rumah Nik Ahmad Kamil, dianggotai oleh lulusan Ismail English School.

Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan inilah yang bertanggungjawab menubuhkan *UMNO* di Kelantan pada awal tahun 1950an. Dalam tahun 1951/52 Sardon Jubir dan Syed Jaafar Albar telah datang ke Kota Bharu menemui pemimpin-pemimpin *GPPMK* meminta *GPPMK* dibubarkan dan menubuhkan *UMNO*. Permintaan mereka telah dipersetujui dan *UMNO* Kelantan ditubuhkan kira-kira dalam tahun 1953. Abu Bakar Al-Ahmadi telah dipilih menjadi Ketua Penerangan *UMNO* Kelantan yang pertama.¹⁰ Antara orang-orang yang benar-benar bertanggungjawab menubuhkan *UMNO* Kelantan ialah Majid Tahir, yang menjadi Setiausaha Pertama, Abdul Rauf, Rahim Akib, Datuk Bentara Kiri Ismail bin Mahmud, yang menjadi Pengerusi, dan Nik Hassan Yahya serta Nik Min Ali.¹¹

Mesyuarat *UMNO* yang pertama diadakan di *Majlis Ugama Islam* dan dipengerusikan oleh Abu Bakar Al-Ahmadi. Mesyuarat bagi menyambut ketibaan Tengku Abdul Rahman Putera di Kota Bharu telah dihadiri juga oleh Nik Hassan Yahya dan Nik Mat Datuk Amal.¹² Walaupun *PAS* dan *UMNO* di Kelantan muncul di dalam waktu yang sama, kedua-duanya ditubuhkan berasingan. Ini bermakna *PAS* bukanlah sebahagian daripada *UMNO* di Kelantan, sebagaimana ianya di peringkat pusat ketika permulaan ditubuhnya dulu, di mana *PAS* merupakan sayap agama dalam *UMNO*.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Interviu dengan Hamzah Abdul Ghani, November 1972.

¹² Interviu dengan Abu Bakar Al-Ahmadi, November 1972.

Perlu diterangkan, pada 20 Februari 1949 satu perjumpaan alim-ulamak telah diadakan di Muar, dengan tujuan hendak mencari jalan bagi menumpukan segala usaha dalam soal-soal agama saja yang kemudiannya akan dikemukakan kepada UMNO untuk diperjuangkan, di samping memperjuangkan soal-soal politik. Satu keputusan telah diambil di persidangan itu dan antara isinya ialah untuk menumpukan segala usaha bagi meninggikan syiar Islam dan memberi sokongan kepada gagasan mendirikan Kolej Islam di Kelang.

Dalam bulan Julai 1951, para alim-ulamak tersebut telah mengadakan satu sidang lagi di Sultan Sulaiman Kelab, Kampung Bharu, Kuala Lumpur. Di sini tujuannya ialah untuk menubuhkan satu badan ulamak yang tersendiri dan penyatuan pentadbiran dalam agama. Badan ini ditubuhkan dengan rasminya dan diketuai oleh Haji Ahmad Fuad. Beberapa bulan selepas perjumpaan itulah lahirnya *Persatuan Islam Semalaya (PAS)*. Kelahiran PAS ini bermakna UMNO telah menubuhkan tiga bahagian pergerakannya, *Kaum Ibu*, *Perikatan Pemuda* dan PAS dalam masa yang singkat.¹³

Tetapi, dalam tahun 1953, PAS telah wujud sebagai sebuah partai politik yang berasingan dari UMNO dengan tekad untuk memperjuangkan cita-cita agama Islam dan keutuhan bangsa Melayu. Justeru, akan dilihat bahawa prinsip-prinsip perjuangan PAS tidak jauh bedanya dengan prinsip-prinsip perjuangan UMNO kerana mereka pada asalnya satu. Tetapi di Kelantan, sebagaimana yang dikatakan, penubuhan PAS oleh Amaluddin Darus, Muhamad Asri dan lain-lain adalah secara berasingan dari UMNO. PAS Kelantan pada ketika itu wujud sebagai cawangan PAS pusat. Tetapi pada 4 Ogos 1953, apabila UMNO menjemput semua pertubuhan Melayu Malaya untuk membincangkan isu kemasukan MCA dan penubuhan *Perikatan*, PAS telah juga mengirim wakilnya di perjumpaan itu. Dalam tahun 1952, Pilihanraya Majlis Tempatan diadakan di seluruh negara dan ini merupakan titiktolak bagi pilihanraya peringkat Negeri dan Persekutuan yang diadakan tiga tahun kemudian. Dalam Pilihanraya Majlis Tempatan 1952, *Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelan-*

¹³ Lihat *UMNO Malaysia 25 Tahun Dalam Kenangan*, Keluaran Khas Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Berhad.

tan (GPPMK) telah mengemukakan beberapa orang calon. Antara yang berjaya ialah Nik Hassan Yahya, Muhamad Abu Bakar, Abu Bakar Al-Ahmadi, Nik Muhamad Amin Nik Ali, Hamid Haji Yaakub, Nik Mat Datuk Amal, Ibrahim Isa dan lain-lain. Dalam tahun 1955 Pilihanraya Negeri dan Persekutuan julung-julung kalinya telah diadakan di negara ini. Kelantan telah dikuasai oleh *Perikatan* dalam pilihanraya tersebut. Tetapi, dalam pilihanraya 1959, Kelantan adalah negeri yang tunggal dikuasai oleh *PAS* dan Haji Ishak Lotfi menjadi Menteri Besar. Dari 30 kerusi Dewan Undangan yang dipertandingkan, *Perikatan* berjaya mendapat dua saja, manakala 28 lagi kesemuanya dibolot oleh *PAS*. Calon-calon *Barisan Sosialis* kesemuanya telah kehilangan wang pertaruhan mereka.

Sejak sistem politik mula-mula diperkenalkan di negara ini, politik Melayu bolehlah dikatakan menjadi monopoli parti-parti politik seperti *UMNO*, *PAS*, *Parti Rakyat (PSRM)* dan *Parti Negara*. Hanya pada akhir-akhir ini *Parti Berjasa* telah muncul di negeri Kelantan. *Parti Negara* sudah lama berkubur di Kelantan walaupun tokoh-tokoh awalnya adalah sebenarnya para pejuang yang gigih dan ternama dalam pertubuhan-pertubuhan semi politik di negeri itu.

Kesimpulan

Pada umumnya sepanjang penubuhan dan kewujudan pertubuhan-pertubuhan sosial dan semi politik di Kelantan adalah catatan satu rekod perjuangan dan cita-cita rakyat Kelantan untuk mempertahankan maruah, agama, bahasa dan kebudayaan Melayu. Pada peringkat awalnya, mereka kelihatan berjaya dan kuat dengan gagasan yang diwujudkan menerusi pengetahuan agama dan sejarah Islam. Mereka mewujudkan beberapa buah majalah, menulis risalah dan menganjurkan berbagai macam muzakarah, kadang-kadang dengan restu *establishment*, iaitu Sultan Kelantan dan *Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, dan kadang-kadang secara kolektif di kalangan mereka sendiri, seperti yang terlihat dalam kegiatan Haji Wan Musa dan Haji Nik Abdullah. Hubungan antara Sultan dengan pertubuhan-pertubuhan ini sentiasa baik dan mereka saling gantung-bergantung.

Walaupun ada di kalangan setengah pihak yang cuba berjinak-jinak dengan republikanism, usaha-usaha ini tidak lebih dari pengucapan cerdikpandai waktu itu terhadap Inggeris. Satu hakikat penting yang tidak dapat kita pisahkan dari kenyataan ialah kegelisahan golongan inteligensia Melayu ini terhadap penguasaan apa jua bentuk penjajahan ke atas orang Melayu. Banyak majalah dan risalah yang dicetak waktu itu untuk mengesahkan kenyataan ini. Apa jua yang dilakukan oleh golongan ini di Kelantan dalam tempoh 20 tahun sebelum perang ialah untuk kemajuan orang Melayu. Jika Kelantan telah menikmati kemudahan perhubungan seperti negeri-negeri Melayu yang lain di Pantai Barat Semenanjung, nescaya kegemparan yang ditimbulkan oleh golongan cerdikpandai Melayu Kelantan ini — para penulis, alim-ulamak, guru-guru, pegawai-pegawai agama di

Majlis Ugama, pemimpin-pemimpin pertubuhan dan semi politik — akan lebih besar dan lebih cepat kesannya ke atas masyarakat Melayu di negeri itu.

Memandangkan daya-usaha ke arah perubahan di negeri itu datangnya dari istana dan para pembesar dalam istana sendiri, pusat-pusat perubahan yang lain seperti pertubuhan-pertubuhan, kelab-kelab, muzakarah-muzakarah, akhbar dan majalah yang ada kaitan langsung dan tidak langsung dengan istana mudah digerakkan dengan cepat jika kemudahan-kemudahan asas kepada perubahan itu wujud sebagaimana di negeri-negeri lain di Pantai Barat.

Kegelisahan di kalangan orang Melayu Kelantan sebelum dan selepas perang ialah kegelisahan satu masyarakat yang bimbang dan takut terhadap ancaman yang akan menimpa mereka akibat penjajahan Inggeris. Perangai dan kekejaman sekumpulan orang Cina di saat-saat Jepun kalah di Kota Baru menambahkan lagi ketakutan orang Melayu terhadap masa depan mereka jika penjajahan terus-menerus tidak memberi jaminan perlindungan kepada agama Islam, kebudayaan dan bahasa Melayu. Parti-parti politik Melayu yang muncul selepas perang seperti *UMNO*, *Parti Negara*, dan kemudian *PAS*, adalah 'organised movements' orang Melayu terawal untuk membolehkan mereka berjuang bagi merebut kembali 'hak-hak mereka yang telah hilang'. *KMM* yang ditubuhkan terdahulunya tidak begitu berkesan kerana ia cuba menceraikan kesultanan dari sistem sosial yang telah wujud sejak dari Zaman Melaka.

Pendek kata, dalam tempoh 30 tahun yang bermula dalam tahun-tahun 1920an itu orang Melayu Kelantan telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan beberapa buah pertubuhan dan menggunakan pertubuhan-pertubuhan tersebut untuk mencapai hasrat mereka yang unggul, iaitu mempertahankan tanahair dari cita-cita lebih besar penjajahan Inggeris. Selepas itu, dalam tahun-tahun 1950an, mereka sekali lagi bertembung dengan persoalan yang lebih mencabar, iaitu ke manakah haluan mereka selepas kuasa berada dalam tangan sendiri?

Perjuangan orang Melayu di Kelantan, seperti juga keadaan-nya di negeri-negeri lain di seluruh negara, belum selesai. Walaupun sudah wujud parti-parti politik Melayu yang baru seperti *Berjasa*, tetapi kebimbangan dan ketakutan lama dan yang ber-

usia hampir seratus tahun dikira dari Pemberontakan Tok Janggut itu, timbul kembali. *PAS* nampaknya kembali dengan nafas dan haluannya yang lebih membimbangkan pemimpin-pemimpin negara. Sementara itu, *Hizbul Muslimin (Hamim)* yang telah lama menjadi nisan tidak bernyawa dihidupkan kembali dengan cita-cita politik yang tidak kurang mencabarnya.

Bibliografi

- Abdullah Al-Qari Haji Salleh *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Pustaka Aman, Press, 1967.
- Abdul Rahman Ahmadi "Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung," *Hari Sastera PKK-GAPENA*, 1972.
- , "Kenangan Sepintas Lalu" dalam Asaad Shukri, *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, 1971.
- , "Abdul Kadir Adabi", *Mingguan Kota Baru*, 29 November 1968.
- Abdul Rashid Ahmad Bureaucracy Negeri Kelantan, Tesis M.A. (Universiti Malaya) yang tidak diterbitkan, Microfilm No. 852.2
- Abu Bakar Hamid "Mengenai Allahyarham Saad Shukri," *Dewan Sastera*, Mac 1971.
- Agus Salim *Tokoh Yang Kokoh*, Malaysia Printers, 1966.
- Ali Haji Ahmad "Cerita-Cerita Pendek Sebelum Perang", *Dewan Bahasa*, 1961.
- B. Simandjuntak *Malayan Federalism 1945 - 1963*, East Asian Historical Monographs.
- Chan Su-Ming "Kelantan and Trengganu 1909-1939", *JMBRAS*, XXXVIII, No. 1, 1965.
- Daniels, Robert V. *Studying History: How and Why*, Prentice-Hall, New Jersey, 1966.
- de Moubray, G.A. de C. *Annual Report On The Social And Economic Progress of the People of Kelantan for the Year 1936*, Cheong Fatt Press, 1937.
- Eackhardt, H.C. *Kelantan Administration Report 1924*, Government Printing Office, Singapore, 1925.
- Hashim Awang "Kelantan Dalam Hubungannya Dengan Penulisan Cerpen Melayu Sebelum Perang", *Dewan Bahasa*, Okto-

- ber 1972.
- Ismail Salleh "Inteligensia Didikan Melayu Dalam Politik Tanah Melayu 1920an - 1945", *Jurnal Sejarah Universiti Malaya*, Jil. X, 1971/72.
- Ismail Hussein "Pengarang-Pengarang Melayu Di Singapura Setelah Perang Dunia Kedua", *Bahasa*, No. 7, 1965.
- I.K. Agastja *Sejarah Dan Perjuangan Di Malaya*, Djokjakarta, 1948.
- Kementerian Penerangan Malaysia *Pembina*, Jilid 2, Bil. 5, Mei 1971.
- Khoo Kay Kim "Malay Society 1874 - 1920s", *Journal of South-east Asian Studies*, Vol. V. No. 2, September 1974.
- Li Chuan Siu *Ikhtisar Sejarah Kesusasteraan Melayu 1830 - 1945*, Pustaka Antara.
- . *Ikhtisar Sejarah Pergerakan Dan Kesusasteraan Melayu Moden 1945 - 1965*, Pustaka Antara, 1967.
- Muhamad Yusof Salleh Al-Kelantani *Sinaran Kelantan*, 1938, Microfilem, No. 630.2, Universiti Malaya.
- Muhammad Hussin Khalii Haji Awang *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*, Dian 1970.
- Nik Mohamed Nik Salleh "Bunga Emas Dalam Sejarah Kelantan", *Mastika*, Mac 1967.
- Omar Mohd. Hashim "Cerpén-Cerpén Melayu Sebelum Perang", *Dewan Bahasa*, Ogos, 1961.
- Robert, L.R. *The Duff Syndicate 1900 - 1902*, Tesis M.A. Sejarah (Universiti Malaya) yang tidak diterbitkan, 1971.
- Roff, W.R. (ed) *Kelantan: Society and Religion in a Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974.
- . *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, Universiti Malaya Press, 1967.
- . *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, Monograf PBMUM, Kuala Lumpur, 1967.
- Saad Shukri *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Baru, 1971.
- Swettenham, Frank *British Malaya*, Allen and Unwin.
- Thomson, A.F. *Kelantan Administration Report 1922*, F.M.S. Government Printing Office, 1921.
- Utusan Melayu *UMNO Malaysia 25 Tahun*, 1971.
- Wong, Francis and Gwee Yee Hean *Perspectives: The Develop-*

- ment of Education in Malaysia and Singapore*, H.E.B., 1972.
Wortlington, A.F. *Kelantan Administration Report 1922*, F.M.S.
Government Printing Office, 1923
Zaaba *Modern Developments*, JMBRAS, Jil. XVII, Bahagian III,
1940, Pengganti tahun 1939.

Majalah dan Suratkhobar

- Al-Hedayah
Al-Hikmah
Al-Kamaliah
Berita Minggu
Majalah Guru
Majlis
New Straits Times
Pengasuh
Seruan Azhar
Warta Malaya.

Laporan Tahunan

- Annual Report On The FMS 1920
Annual Report On The FMS 1935
Annual Report On The FMS 1938
Annual Report On The FMS 1951
Cenderamater Perayaan Kemahkotaan Cetera Kelantan, 1961.

Kamus

- Webster's New World Dictionary of the American Language,
College Edition, World Publishing Company.
Webster's Third New International Dictionary of the English
Language, G. Bell and Ltd.